

Terma dan Syarat Perbankan Umum

Untuk pelanggan perbankan komersial
Standard Chartered Bank Malaysia Berhad

Terma dan syarat umum ini terpakai pada akaun dan pelbagai jenis perkhidmatan perbankan yang disediakan oleh **Standard Chartered Bank Malaysia Berhad (Nombor Syarikat: 115793 P)**. Sila baca dokumen ini dengan berhati-hati untuk memastikan anda memahaminya dengan sepenuhnya. Jika anda mempunyai sebarang soalan, sila hubungi pengurus perhubungan anda.

MUKA SURAT KANDUNGAN

TENTANG TERMA DAN SYARAT PERBANKAN UMUM	1
BAHAGIAN A – TERMA STANDARD	4
BAHAGIAN B – PERNYATAAN PEMATUHAN KAWAL SELIA	18
BAHAGIAN C – PERKHIDMATAN PERDAGANGAN	20
BAHAGIAN D – PERKHIDMATAN BERI PINJAMAN.....	30
BAHAGIAN E – TERMA DAN SYARAT UNTUK PERNIAGAAN PERTUKARAN ASING	40
BAHAGIAN F – DEFINISI DAN TAFSIRAN	43

TENTANG TERMA DAN SYARAT PERBANKAN UMUM

1. Bilakah Terma dan Syarat Perbankan Umum terpakai pada anda?

Terma dan Syarat Perbankan Umum (*buku kecil ini*) akan menentukan perhubungan anda dengan **Standard Chartered Bank Malaysia Berhad (Standard Chartered Bank)** apabila anda memohon dan / atau ditawarkan akaun tunai dan / atau sebarang produk dan perkhidmatan perbankan yang dirangkumkan di bawah buku kecil ini.

PENTING

Apabila anda menggunakan akaun, produk atau perkhidmatan Standard Chartered, ini bermakna anda **bersetuju dengan** Terma dan Syarat Perbankan Umum ini. Terma dan Syarat Perbankan Umum boleh dipinda dan dikemas kini oleh kami dari masa ke masa. Versi terkini Terma dan Syarat Perbankan Umum akan tersedia pada tapak web kami (www.sc.com/commercial/booklet). Kami akan beritahu anda tentang sebarang kemas kini termasuk, dengan cara pemberitahuan melalui surat, sms atau e-mel. Kemas kini ini akan terpakai pada perhubungan kita melangkah ke hadapan dan secara automatik.

2. Apakah yang anda harus buat dengan Terma dan Syarat Perbankan Umum ini?

Sila simpan dokumen ini dengan berhati-hati dan simpan salinan buku kecil ini dan kemas kini berikutnya (bersama dengan semua dokumentasi berkaitan lain) untuk rujukan masa hadapan anda.

Jika anda **tidak** memahami sebarang Terma dan Syarat Perbankan Umum ini or jika anda berasa ragu-ragu tentang obligasi anda, sila mencari nasihat undang-undang bebas.

3. Produk dan perkhidmatan apakah yang dirangkumi oleh buku kecil ini?

Buku kecil ini merangkumi produk dan perkhidmatan berikut:

(a) **Perkhidmatan Tunai/Saluran** – Bahagian A (Terma Standard) meliputi Perkhidmatan Tunai/Saluran berikut:

Perkhidmatan Tunai/Saluran	Pernyataan
Akaun / Straight2Bank	(a) Memohon untuk membuka satu akaun semasa, simpanan dan/atau akaun deposit dengan kami, yang meliputi : (i) masuk perkhidmatan perbankan talian "Straight2Bank Web" untuk mengurus akaun anda (NOTA: mengecualikan perkhidmatan Straight2Bank Access dan SWIFT, untuk yang mana dokumentasi tambahan diperlu); (ii) membolehkan membuat pertukaran mata wang asing melalui akaun anda
Pembayaran	(a) Penggunaan perkhidmatan pembayaran kami, termasuk (jika ada) tetapi tidak terhad kepada: (i) Pembayaran domestik seperti ACH /RTGS / pemindahan buku / pesanan tunai / draf juruban / draf tuntutan / gaji / pembayaran tax / arahan berdiri dan lain-lain (ii) Pembayaran Silang Sempadan seperti pemindahan telegrafik Keluar / cek bank Antarabangsa dan lain-lain (iii) Penyelesaian pembayaran tambahan nilai seperti semak penyumberan luar / Straight2Bank pembayaran FX dan lain-lain (NOTA: kecuali pembayaran dompek bergerak, untuk yang mana dokumentasi tambahan diperlu. Perkhidmatan tertentu boleh meminta borang persediaan tambahan)
"Kutipan"	(a) Penggunaan perkhidmatan "kutipan" kami, termasuk (jika ada) tetapi tidak terhad kepada: (i) Deposit tunai / deposit cek / pemindahan telegrafik masuk / RTGS masuk / kredit langsung dan lain-lain (ii) Perkhidmatan "kutipan" tambahan nilai seperti akaun maya, pemprosesan debit langsung dan lain-lain (NOTA: perkhidmatan tertentu mungkin memerlukan borang persediaan tambahan)
Deposit Tetap atau Masa	(a) Memohon untuk menyimpan deposit tetap atau masa dengan kami (PENTING: anda mesti membuka satu Akaun Tunai dengan kami terdahulu sebelum memohon perkhidmatan ini)

(b) **Perkhidmatan Perdagangan** – Bahagian C (Perkhidmatan Perdagangan) meliputi Perkhidmatan Perdagangan berikut:

Perkhidmatan Perdagangan	Penyataan
Perkhidmatan Perdagangan Pembeli	Surat Kredit Dokumen: kami boleh mengeluarkan surat kredit atas nama penjual anda untuk pembelian anda pada barangan atau perkhidmatan. Pinjaman terhadap resit amanah / Pinjaman Import: kami boleh sediakan anda dengan pembiayaan perdagangan, termasuk di mana anda memerlukan lebih masa untuk membayar ganti kami di bawah surat kredit.

	<p>Pembiayaan Invois Import: untuk urus niaga perdagangan yang tidak disokong oleh mana-mana instrumen perdagangan perbankan atau dokumen (iaitu buka akaun), kami boleh menyediakan pembiayaan perdagangan kepada anda berdasarkan invois diterima daripada penjual.</p> <p>Pengeluaran Jaminan Perkapalan: di mana pembawa anda berurusan memerlukan jaminan perkapalan, kami boleh mengeluarkan jaminan perkapalan untuk memudahkan pelepasan oleh pembawa tersebut apa-apa barangan atau pengeluaran set pendua bil muatan asal.</p>
Perkhidmatan Perdagangan Penjual	<p>Pembiayaan Pra-penghantaran: kami boleh sediakan anda dengan pembiayaan perdagangan kepada sebelum anda bersedia untuk menghantar barangan kepada pembeli berkenaan. Ini biasanya pembiayaan untuk membantu anda dalam penyumberan, pengilangan atau penukaran ke dalam barangan akhir untuk dihantar kepada pembeli.</p>
	<p>Penyerahan atau perkhidmatan lain melibatkan Surat Kredit: kami boleh sediakan anda dengan pelbagai jenis perkhidmatan (menurut UCP (seperti diterangkan di bawah)) berhubung dengan pengendalian surat kredit daripada pembeli anda. Ini termasuk <i>penyerahan</i>, <i>pemindahan milik</i>, <i>pelunasan</i> dan <i>rundingan</i> (juga dikenali secara komersial sebagai "<i>pendiskaunan</i>").</p>
	<p>Kutipan Dokuem: Kami boleh sediakan perkhidmatan kutipan (menurut URC 522 (seperti diterangkan di bawah)) berhubung dengan dokumen perkapalan atau dokumen kewangan untuk barangan yang telah dihantar kepada pembeli.</p>
	<p>Pembiayaan Invois Eksport: kami boleh sediakan anda dengan pembiayaan perdagangan berdasarkan terma kredit yang anda telah sediakan kepada pembeli anda.</p>
Other Trade Services	<p>Jaminan Bank / Surat Kredit Tunggu Sedia: kami boleh mengeluarkan jaminan bank atau surat kredit tunggu sedia atas permintaan anda.</p>

(c) Perkhidmatan Pinjaman – Part D (Perkhidmatan Beri Pinjaman) meliputi Perkhidmatan Pinjaman:

Jenis Kemudahan	Pernyataan
Kemudahan Overdraif	Kemudahan Overdraif merupakan bentuk pinjaman fleksibel untuk membiayai keperluan aliran tunai hari ke hari.
Pengeluaran Terhadap Kemudahan Kesan Tidak Dijelaskan (DAUE)	Kemudahan DAUE membolehkan dana untuk dikeluarkan pada Akaun anda terhadap cek yang didepositkan kepada Akaun sama yang belum lagi diproses dan dijelaskan melalui sistem penjelasan cek. Pembayaran balik adalah automatik melalui penjelasan cek belum dijelaskan. Kemudahan DAUE dibenarkan hanya untuk cek diproses dalam perjalanan perniagaan biasa.
Kemudahan Jangka Pendek	Kemudahan Jangka Pendek mempunyai tenor kurang daripada satu (1) tahun. Ia merupakan bentuk pinjaman fleksibel yang dihasratkan untuk membiayai keperluan aliran tunai hari ke hari.
Kemudahan Penyambung	Kemudahan Penyambung merupakan bentuk pinjaman untuk " <i>sambung</i> " <i>jurang pembiayaan</i> . Tenor pada umumnya melebihi satu hari tetapi tidak melebihi satu tahun. Penggunaan biasanya dibuat dalam satu ansuran, dan apabila kemudahan dikeluarkan sepenuhnya, penggunaan selanjutnya tidak dibenarkan walaupun jika pembayaran balik telah mengurangkan amaun prinsipal.
Kemudahan Berjangka	Kemudahan Berjangka merupakan pinjaman jangka sederhana atau panjang sama ada untuk tujuan korporat am atau pembiayaan disasar urus niaga atau aset dan keperluan pembiayaan yang ia janakan. Tenor pada umumnya untuk tempoh melebihi satu tahun dan biasanya sehingga lima tahun.
Kemudahan Terma Pusingan	Kemudahan Terma Pusingan membenarkan penggunaan untuk terus dipinjam dan dibayar balik sepanjang tempoh kemudahan. Seperti kemudahan terma, tenor kemudahan pada umumnya untuk tempoh melebihi satu tahun sehingga lima tahun.

(d) Transaksi FX – Bahagian E (Perniagaan Pertukaran Asing) meliputi Transaksi FX berikut:-

Transaksi FX	Pernyataan
Perkhidmatan FX	<p>(a) Memohon pelbagai perkhidmatan pertukaran assign</p> <p>(b) Termasuk (jika ada):</p> <p>(i) Transaksi pertukaran assign lani; dan</p> <p>(ii) Transaksi pertukaran asing hadapan</p>
	<p>(c) Memohon memasuk perkhidmatan perbankan talian "<i>Straigh2Bankk FX</i>" untuk melaksana transaksi pertukaran assign lani</p>

Melainkan dipersetujui sebaliknya secara bertulis, buku kecil ini **tidak** terpakai pada:

- sebarang produk pelaburan atau sekuriti (termasuk ekuiti, bon, debentur, dana bersama atau skim pelaburan kolektif lain);
- sebarang produk perkhidmatan sekuriti (termasuk pengurusan dana, perkhidmatan eskrow atau perkhidmatan simpanan);
- perkhidmatan kad debit atau kad kredit;
- perkhidmatan capaian tunai dan capaian klien tertentu yang mungkin memerlukan dokumentasi tambahan; dan
- sebarang produk atau perkhidmatan lain yang kami kenal pasti sebagai memerlukan dokumentasi tambahan.

4. Bagaimanakah anda membuka akaun dengan Standard Chartered Bank?

Kami akan meminta maklumat dan dokumen daripada anda untuk lebih memahami keperluan anda dan untuk bertanggungjawab kami iaitu “*Kenali Pelanggan Anda*”, bahagian pelengkap dalam usaha global kami untuk menentang perubahan wang haram, pembiayaan penganas dan aktiviti penipuan. Anda mungkin diminta pada bila-bila masa untuk memberikan maklumat mengenai individu dengan capaian ke, atau kuasa ke atas, akaun dan / atau urus niaga anda termasuk menyediakan bukti identiti mereka yang memuaskan dan / atau kuasa untuk bertindak bagi pihak anda.

Kami berhak untuk **tidak** membuka akaun walau apa pun sebabnya dan, melainkan diperlukan oleh undang-undang yang berkenaan, kami tidak diwajibkan untuk mendedahkan alasan kami kepada anda.

5. Bagaimanakah anda memohon untuk produk atau perkhidmatan dengan kami?

Kami boleh memperkenalkan kepada anda pelbagai jenis produk dan perkhidmatan kepada keperluan perbankan anda. Kriteria kelayakan berlainan boleh terpakai pada produk atau perkhidmatan berlainan. Beberapa produk atau perkhidmatan mungkin tidak tersedia bergantung kepada lokasi atau domisil anda.

Jika anda ingin menggunakan, membeli atau mengetahui lebih lanjut tentang sesuatu produk atau perkhidmatan, anda mungkin perlu untuk melengkapkan borang permohonan dan / atau mengemukakan dokumentasi sokongan berkaitan yang kami perlukan. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada bahagian bawah – “*Adakah sebarang dokumentasi lain yang akan diberikan kepada anda atau diminta oleh kami?*”

Kami boleh menolak permintaan anda untuk produk atau perkhidmatan tertentu untuk walau apa pun sebabnya dan, melainkan diperlukan oleh mana-mana undang-undang yang berkenaan, kami tidak diwajibkan untuk memberitahu sebab kami kepada anda.

6. Bagaimanakah perjanjian ini dilaksanakan?

Anda akan diperlukan untuk menandatangani Surat Penerimaan untuk mengesahkan penerimaan anda terhadap buku kecil ini bahawa mentadbir perhubungan dengan kami. Buku kecil ini dibahagikan kepada beberapa bahagian berikut:

- Bahagian A (Terma Standard)** –terma dan syarat umum berkenaan pembukaan dan pengendalian Akaun Tunai anda (termasuk capaian ke “*Straight2Bank Web*”) dan sebarang produk dan perkhidmatan perbankan lain yang anda telah minta dan kami telah bersetuju untuk menyediakan kepada anda;
- Bahagian B (Pernyataan Pematuhan Kawal Selia)** –keperluan kawal selia penting yang terpakai pada perhubungan anda dengan kami;
- Bahagian C (Perkhidmatan Perdagangan), Bahagian D (Perkhidmatan Beri Pinjaman) dan Bahagian E (Terma dan Syarat untuk Perniagaan Pertukaran Asing)** – pelbagai jenis produk dan perkhidmatan tambahan yang anda boleh mohon dan / atau ditawarkan dari masa ke masa dan terma dan syarat tambahan yang terpakai padanya; dan
- Bahagian F (Definisi dan Tafsiran)** – makna kata kunci yang kami telah gunakan dalam buku kecil ini.

PERHATIAN: Bahagian A (Terma Standard), Bahagian B (Pernyataan Pematuhan Kawal Selia) dan Bahagian F (Definisi dan Tafsiran) terpakai pada perhubungan kami dengan anda dan **tidak** dihadkan kepada akaun, produk dan / atau perkhidmatan.

Sebagai contoh, jika anda memohon untuk kemudahan jangka pendek, maka **Bahagian D (Perkhidmatan Beri Pinjaman)** akan digunakan secara tambahan kepada **Bahagian A (Terma Standard), Bahagian B (Pernyataan Pematuhan Kawal selia) dan Bahagian F (Definisi dan Tafsiran).**

UNTUK AKAUN: Apabila anda memohon untuk membuka akaun dengan kami, anda akan ditawarkan Akaun Tunai (bersama dengan perkhidmatan pembayaran dan kutipan tertentu) dan capaian ke “*Straight2Bank Web*”.

UNTUK PRODUK DAN PERKHIDMATAN TAMBAHAN: Apabila anda memohon produk dan perkhidmatan tambahan, anda mungkin diperlukan untuk mengakui dalam borang permohonan, surat kemudahan/borang persediaan atau dokumen urus niaga lain yang anda telah baca dan bersetuju dengan **Bahagian C (Perkhidmatan Perdagangan), Bahagian D (Perkhidmatan Beri Pinjaman) dan / atau Bahagian E (Terma dan Syarat untuk Perniagaan Pertukaran Asing)** buku kecil ini. Terma dan syarat ini akan hanya berkuat kuasa apabila anda memohon dan atau ditawarkan produk dan perkhidmatan berkenaan dan hendaklah dibaca secara tambahan kepada **Bahagian A (Terma Standard), Bahagian B (Pernyataan Pematuhan Kawal Selia) dan Bahagian F (Definisi dan Tafsiran).**

7. Apa akan berlaku jika anda mempunyai terma dan syarat sedia ada dengan kami?

Sekali anda telah menandatangani Surat Penerimaan, (i) semua urus niaga sedia ada anda yang diikat antara anda dan kami akan dianggap ditentukan oleh buku kecil ini, dan (ii) anda bersetuju bahawa buku kecil ini terpakai pada perhubungan kita melangkah ke hadapan, dan secara automatik, untuk produk dan perkhidmatan berkenaan yang dirangkumkan di bawah buku kecil ini.

8. Adakah sebarang dokumentasi lain yang akan diberikan kepada anda atau diminta oleh kami?

Kami mungkin menyediakan dokumentasi lain yang berkaitan dengan produk atau perkhidmatan, termasuk surat, jadual yuran, pernyataan pendedahan risiko, panduan pengguna atau garis panduan lain, yang akan membentuk sebahagian daripada perjanjian antara anda dan kami.

Anda mungkin juga diperlukan untuk melengkapkan borang permohonan/borang persediaan sebagai untuk pembukaan akaun dan / atau mengaktifkan produk atau perkhidmatan berkenaan yang anda minta.

PENTING

Borang permohonan/borang persediaan kami boleh merujuk kepada “*terma Akaun*” “*Terma Standard*” “*Tambahan Negara*” dan / atau setara. Rujukan ini merujuk kepada **Bahagian A (Terma Standard), Bahagian B (Pernyataan Pematuhan Kawal Selia) dan Bahagian F (Definisi dan Tafsiran)** buku kecil ini.

BAHAGIAN A – TERMA STANDARD

1. STANDARD PERKHIDMATAN KAMI

Kami akan menggunakan penjaagaan dan kemahiran yang munasabah apabila menyediakan anda dengan Akaun dan / atau Perkhidmatan.

2. CAPAIAN ELEKTRONIK KEPADA AKAUN DAN / ATAU PERKHIDMATAN ANDA

2.1 Apakah itu Straight2Bank?

Ini merupakan sistem komunikasi elektronik kami yang kami gunakan untuk menawarkan pelbagai jenis kefungsiian urus niaga, penghantaran data dan pelaporan di seluruh Perkhidmatan penting, termasuk tunai (bayaran dan kutipan), perdagangan (perdagangan dokumentari dan berdasarkan akaun terbuka) dan pertukaran asing. Perkhidmatan Straight2Bank boleh dibekalkan melalui pelbagai Saluran, termasuk laman web kami, internet atau pautan elektronik yang ditetapkan oleh kami dari masa ke masa.

2.2 Apakah itu Perkhidmatan Straight2Bank kami?

Ini merujuk kepada pelbagai Perkhidmatan yang ditawarkan melalui Straight2Bank, termasuk:

- (a) *“Straight2Bank Web”* – versi berasaskan internet Perkhidmatan Straight2Bank kami yang menyediakan capaian ke set Perkhidmatan yang boleh didapati di bawah satu Akaun. Apabila anda membuka Akaun dengan kami, anda akan ditawarkan *“Straight2Bank Web”*, yang melaluinya anda boleh melaksanakan: (i) pelbagai jenis aktiviti urus niaga dan pelaporan untuk Perkhidmatan tunai asas (termasuk pembayaran dan kutipan; dan (ii) pelbagai urus niaga pertukaran asing lani; dan
- (b) *“Straight2Bank Access”* – merupakan Perkhidmatan Straight2Bank *“hos-ke-hos”*, yang termasuk sambungan melalui antara muka pengaturcaraan aplikasi dan diguna untuk tujuan menghantar data antara anda dan kami berhubung dengan pelbagai peruntukan Perkhidmatan kami.

2.3 Ketersediaan Perkhidmatan Straight2Bank

Manakala kami berusaha untuk meminimumkan sebarang gangguan perkhidmatan, Perkhidmatan Straight2Bank mungkin tidak tersedia dari masa ke masa. Anda bertanggungjawab untuk mempunyai rancangan kemungkinan yang mencukupi anda untuk berurus niaga dengan cara lain jika tidak terdapat sebarang gangguan, kelewatan dalam, atau penggantungan atau penarikan balik Perkhidmatan Straight2Bank.

Hak anda untuk mencapai Perkhidmatan Straight2Bank kami tertakluk kepada budi bicara kami.

Kami boleh tidak mengekalkan, menyokong atau mengubah suai Sambungan Saluran, atau mengekalkan satu versi yang digantikan daripada mana-mana Sambungan Saluran.

2.4 Tanggungjawab kami berhubung dengan sistem dan keselamatan

Kami akan:

- (a) **Sambungan saluran:** guna usaha munasabah untuk menjalin semula sebarang Saluran yang kami kawal yang terganggu atau menjadi tidak tersedia. Kami akan menyediakan anda dengan pengaturan alternatif di mana kami boleh; dan
- (b) **Keselamatan saluran:** mengambil langkah-langkah munasabah untuk mencegah capaian tidak dibenarkan kepada sebarang Saluran kami kawal **kecuali** untuk hal-hal anda bersetuju untuk bertanggungjawab seperti dinyatakan dalam seksyen di bawah bahagian ini – *“Capaian elektronik kepada akaun dan / atau perkhidmatan anda – Tanggungjawab anda berhubung dengan sistem dan keselamatan”*.

Kami tidak bertanggungjawab untuk mana-mana kegagalan, atau sistem Pelntikan, untuk menyatukan Sambungan Saluran, atau for memastikan keserasaian sistem anda dengan kami.

2.5 Tanggungjawab anda berhubung dengan sistem dan keselamatan

Anda bersetuju bahawa:

- (a) **Pemahaman mencukupi:** kami boleh menyediakan anda dengan Panduan Pengguna, Prosedur Keselamatan, mana-mana spesifikasi teknikal atau kefungsiian dan / atau bahan lain dan arahan untuk capaian kepada, operasi dan penggunaan Perkhidmatan. Anda telah membaca, memahami dan menilai semua bahan tersebut dan menentukan bahawa ia adalah mencukupi untuk melindungi kepentingan anda;
- (b) **Kawalan mencukupi:** anda telah mengambil langkah munasabah untuk mengesan, mencegah, mengeluarkan dan memulihkan sebarang capaian tidak dibenarkan kepada atau penggunaan Saluran (termasuk pelanggaran Perisian Hasad sebenar atau potensi terhadap Sistem Klien anda);
- (c) **Proses dalaman mencukupi:** anda mempunyai kawalan dalaman mencukupi, prosedur, proses dan pengaturan keselamatan lain untuk mencegah capaian tidak dibenarkan kepada atau penggunaan Saluran (termasuk gangguan Perisian Hasad sebenar atau potensi Sistem Klien anda);
- (d) **Menggunakan sistem dalam had dinyatakan:** anda telah memastikan bahawa Saluran digunakan dalam had kebenaran dan parameter kefungsiian yang anda sediakan;
- (e) **Laporkan masalah:** anda mesti melapor kepada kami dengan segera tentang sebarang: (i) Kerugian sebenar atau potensi berhubung dengan Saluran; (ii) kerugian atau kecurian sebenar atau cubaan, salah guna, atau penggunaan Bahan Sistem, sebarang Kunci Elektronik, ID Pelanggan, ID Pengguna, Sijil Digital atau peranti mudah alih yang tidak dibenarkan; (iii) masalah sebenar atau potensi dengan atau capaian tidak dibenarkan kepada Saluran atau Perkhidmatan; (iv) urus niaga tidak dibenarkan yang sebenar atau cubaan; atau (v) kegagalan mematuhi Panduan Pengguna, Keselamatan Prosedur atau spesifikasi lain. Anda akan membantu kami dengan permintaan munasabah kami untuk menyelesaikan masalah tersebut;
- (f) **Tanggungjawab untuk Perisian:** kami boleh menyediakan anda dengan Perisian yang perlu untuk menggunakan Perkhidmatan. Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa anda mempunyai kebenaran yang perlu untuk memasang, mengkonfigurasi dan menyepadukan Perisian dengan Sistem Pelanggan anda.
- (g) **Keperluan peralatan menyokong:** anda bertanggungjawab untuk mengguna, memiliki atau memperoleh ketersambungan, perkakasan, perisian dan peralatan lain yang perlu untuk menggunakan Saluran yang sesuai dan memuaskan keperluan anda. Anda bertanggungjawab sepenuhnya untuk memperoleh semua kebenaran yang perlu dan untuk pematuhan dengan sebarang syarat untuk penggunaan dan gadaian berkaitan dengan penggunaan anda terhadap sebarang Saluran, peralatan, atau perkhidmatan dicapai melalui peralatan tersebut. Anda bertanggungjawab untuk sebarang Kunci Elektronik, ID Pelanggan, ID Pengguna, Sijil Digital atau peranti mudah alih yang kami sediakan kepada anda atau yang anda gunakan untuk mencapai Perkhidmatan atau untuk berkomunikasi dengan kami secara elektronik atau untuk memberi kami arahan;
- (h) **Tanggungjawab untuk kandungan:** anda bertanggungjawab sepenuhnya untuk sebarang dokumen, maklumat atau data anda sediakan kepada kami melalui sebarang Saluran. Anda bersetuju bahawa anda boleh majukan sebarang dokumen menurut Arahan anda;

- (i) **Tanggungjawab untuk Sambungan Saluran:** anda tidak boleh mengguna Sambungan saluran atau Maklumat Perisian atau data yang disediakan kepada anda untuk mencipta mana-mana sumbangan saluran yang sama atau perisian sebagai satu pengganti untuk, atau sangat serupa dengan, Sambungan Saluran. Anda mesti masuk atau mengguna satu Saluran atau mana-mana maklumat atau data yang disediakan memalunya untuk menghubungkan dengan kami dan tidak menggunanya dalam mana-mana cara yang diterima oleh kami dalam tulisan.
- (j) **Penyulitan:** melainkan jika dipersetujui oleh pihak kami secara bertulis, semua maklumat dan mana-mana dokumen lain yang dihubungkan oleh anda melalui mana-mana Sambungan Saluran mesti disulitkan dan ditandatangani secara digital.
- (k) **Sijil Sambungan:** anda mesti mengguna sijil sambungan yang dikeluarkan oleh kami (jika ada) hanya untuk tujuan mengguna Sambungan Saluran diguna dengan betul; dan
- (l) **Keserasian:** anda bertanggungjawab untuk memasti keserasian dengan satu Sambungan Saluran dan kesesuaian maklumat atau data disedia terhadap Sambungan Saluran, adalah tanggungjawab tunggal anda.

2.6 Pengguna untuk Perkhidmatan Straight2Bank

Anda boleh tetapkan Pengguna untuk mencapai dan menggunakan Perkhidmatan Straight2Bank kami. Pengguna boleh diberi pelbagai peranan, fungsi dan kuasa termasuk "Pentadbir", "Pelulus", "Operator" dan / atau "Pemerhat".

Sebagai contoh:

"Pentadbi" merupakan kategori Pengguna yang mempunyai kuasa penuh untuk mentadbir, mengurus dan melantik Pengguna lain untuk Perkhidmatan Straight2Bank bagi pihak anda, termasuk memperuntukkan kelayakan, had dan mengkonfigurasi penggunaan sistem.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada butiran yang terkandung dalam sebarang bahan yang disediakan oleh kami kepada anda, termasuk Panduan Pengguna.

2.7 Tanggungjawab anda untuk individu yang dibenarkan untuk menggunakan Perkhidmatan Straight2Bank

Anda mengesahkan yang berikut berhubung dengan Pengguna atau individu yang dibenarkan lain oleh anda untuk menggunakan Perkhidmatan Straight2Bank:

- (a) **Dibenarkan:** anda bertanggungjawab untuk pelantikan dan pentadbiran Pengguna anda atau Individu yang Dibenarkan dan mesti memastikan bahawa telah diberi kuasa sewajarnya yang anda meminta dan akta dalam bidang kuasa ini;
- (b) **Mematuhi keperluan:** Pengguna anda atau Individu yang Dibenarkan lain memahami dan akan mematuhi dengan semua keperluan berkaitan dalam Perjanjian (termasuk mematuhi sebarang Prosedur Keselamatan, Panduan Pengguna spesifikasi teknikal dan kefungsan lain dan/atau arahan dan bahan lain yang kami mungkin sediakan;
- (c) **Kenali pelanggan anda:** di mana anda mencalonkan Pengguna atau Individu yang Dibenarkan yang lain, kami boleh menghubungi Pengguna anda atau Individu yang Dibenarkan untuk menjalankan aktiviti "*kenali pelanggan anda*" anda. Kami akan memberitahu anda jika kami tidak dapat menerima individu tersebut disebabkan dasar kami atau mana-mana undang-undang berkenaan;
- (d) **Perubahan individu:** anda akan memberitahu kami dengan segera mana-mana perubahan kepada Pengguna anda atau Individu yang Dibenarkan lain, mereka tidak akan dikuat kuasa sehingga diproses oleh kami. Jika kami tidak dapat proses perubahan, kami akan memberitahu anda secepat yang mungkin. Anda masih bertanggungjawab untuk semua urusan niaga yang diproses ketika kami mengendalikan permintaan anda; dan
- (e) **Liabiliti untuk Pengguna:** anda masih bertanggungjawab untuk semua tindakan dan urusan niaga Pengguna atau Individu yang Dibenarkan yang lain dalam tempoh individu tersebut telah diberi capaian kepada Perkhidmatan Straight2Bank.

2.8 Pendedahan kepada kumpulan anda untuk Perkhidmatan Straight2Bank

Dalam persediaan Perkhidmatan Straight2Bank kami boleh mendedahkan maklumat yang diberikan oleh atau berkaitan dengan anda, dengan Gabungan anda atau pihak ketiga. Jika anda tidak membenarkan pendedahan seperti ini, sila beritahu kami.

2.9 Perkhidmatan Straight2Bank pada peranti mudah alih anda

Perbankan mudah alih kami membenarkan Pengguna anda dan / atau Individu Yang Dibenarkan yang ditetapkan untuk membenarkan urusan niaga, melihat laporan atau memperoleh maklumat tentang Akaun atau Perkhidmatan anda menggunakan peranti mudah alih. Apabila menggunakan peranti mudah alih, Pengguna anda boleh mengalami kefungsan terhad atau tersekat.

Sebagai contoh:

Anda mungkin tidak boleh melihat butiran penuh urusan niaga yang mendasari pada masa kebenaran.

Anda tanggung sebarang risiko yang timbul daripada sebarang arahan yang diberi melalui peranti mudah alih atau di mana terdapat kefungsan terhad atau tersekat.

2.10 Peningkatan kefungsan

Kami boleh tingkatkan kefungsan kepada Perkhidmatan Straight2Bank dari masa ke masa. Jika perubahan tersebut tidak sesuai untuk keperluan anda or sebarang kefungsan baru atau sedia ada menyebabkan anda bimbang, sila hubungi kami dengan segera agar anda boleh bincangkan penyelesaian alternatif.

Sebarang kefungsan Perkhidmatan diubah suai atau tambahan akan terus ditentukan oleh Perjanjian.

2.11 Kebolehcapaian ke dan dari Perkhidmatan Straight2Bank

Kami boleh letakkan "kuki" buat sementara waktu pada komputer anda. Anda boleh melumpuhkan kuki, lepas itu anda tidak berupaya mencapai atau menggunakan sepenuhnya Perkhidmatan Straight2Bank.

Beberapa hiperpautan dari Perkhidmatan Straight2Bank boleh membawa ke tapak web yang bukan di bawah kawalan kami. Kami tidak bertanggungjawab untuk, tidak mengendors dan tidak membuat perwakilan atau jaminan berhubung tapak web sedemikian atau kandungannya.

Semua transaksi yang diikat menggunakan Perkhidmatan Straight2Bank diikat berdasarkan Perjanjian. Di mana tapak web kami digunakan, terma dan syarat dalam talian khusus tambahan (termasuk "*Notis Undang-undang – Terma dan Syarat Dalam Talian*") akan juga terpakai pada anda.

3. KOMUNIKASI, ARAHAN DAN MAKLUMAT

3.1 Komunikasi daripada kami

Kami akan berkomunikasi dengan anda menggunakan butiran yang kami miliki dalam rekod kami. Kami boleh berkomunikasi dengan anda sebarang penyata Akaun, pengesahan, surat menyurat, notis atau komunikasi lain melalui kaedah berikut:

- (a) secara lisan atau dihantar sendiri oleh kakitangan kami;
- (b) melalui pos, faks atau e-mel;
- (c) melalui pos pada tapak web atau melalui Perkhidmatan Straight2Bank; atau
- (d) melalui Saluran lain yang diberitahu oleh kami.

Sebarang komunikasi daripada kami kepada anda akan dianggapkan sebagai komunikasi berkesan (melainkan dinyatakan sebaliknya):

- (a) jika dihantar sendiri, pada masa penghantaran;
- (b) jika dihantar melalui pos, pada hari **kelima (ke-5)** Hari Perbankan selepas pengeposan;
- (c) jika dihantar melalui faks, pada masa ditunjukkan pada laporan penghantaran sebagai berjaya dihantar;
- (d) jika dihantar melalui e-mel, pada masa kami hantarnya kepada alamat e-mel anda;
- (e) jika dipos pada tapak web kami, pada masa kami pos; dan
- (f) jika dihantar oleh Saluran lain, pada masa ia dihantar.

PERHATIAN: Di mana undang-undang berkenaan memerlukan kami untuk memberitahu anda maklumat secara bertulis, kami akan memberikan kepada anda maklumat tersebut melalui e-mel, penghantaran faks atau cara elektronik lain, termasuk mengepos pada tapak web kami atau melalui Perkhidmatan Straight2Bank.

3.2 Komunikasi daripada anda

Sebarang notis, Arahan, surat menyurat atau komunikasi lain anda berikan kepada kami akan hanya berkuat kuasa apabila kami benar-benar menerimanya.

Anda boleh berkomunikasi dengan kami melalui kaedah berikut:

- (a) melalui pos, faks atau e-mel; atau
- (b) melalui sebarang Saluran lain dipersetujui oleh kami.

Walau bagaimanapun, anda mengakui bahawa e-mel adalah kaedah komunikasi yang tidak boleh dipercayai sepenuhnya atau selamat. Oleh itu, anda mesti tidak menggunakan e-mel untuk menghantar kepada kami komunikasi sensitif, seperti arahan bayaran untuk mengirim wang ke dalam atau ke luar Akaun anda. Arahan pembayaran hendaklah dihantar melalui perkhidmatan perbankan elektronik berkenaan yang disambung ke Akaun anda.

Kami boleh, tetapi tidak diwajibkan untuk menerima arahan yang diterima secara lisan. Kami mungkin memerlukan pengesahan anda sebelum bertindak pada mana-mana arahan lisan. Anda bersetuju untuk menanggung sebarang risiko dalam menghantar arahan atau komunikasi anda secara lisan melalui sebarang Saluran lain.

3.3 Arahan daripada kami

Anda dan setiap Individu yang Dibenarkan mesti mengikut arahan kami berhubung dengan Akaun atau Perkhidmatan, termasuk sebarang panduan, pengesyoran atau langkah-langkah yang diterangkan dalam sebarang dokumentasi yang kami sediakan kepada anda.

3.4 Arahan daripada anda

Anda mengesahkan yang berikut:

- (a) **Arahan sewajarnya:** Arahan mesti lengkap, jelas dan tepat dan diberi dalam secara bertulis. Melainkan kami bersetuju sebaliknya, kami boleh bertindak pada Arahan tidak lengkap atau tidak jelas jika kami percaya dengan munasabah kami boleh betulkan atau menjelaskan maklumat tersebut tanpa merujuk kepada anda atau Individu yang Dibenarkan. Kami boleh menolak untuk bertindak pada arahan tidak lengkap atau tidak jelas.
- (b) **Sambungan Saluran:**
 - (i) Jika kami menerima mana-mana Arahan melalui satu Sambungan Saluran, kami boleh menganggap Arahan sebagai anda dan anda adalah diikat oleh mana-mana transaksi yang kami bermula dalam jawapan kepada Arahan itu.
 - (ii) Jika kami menerima maklumat, data atau dokumen oleh akibat pemilihan automatik dilakukan oleh atau melalui Sambungan Saluran menurut dengan kriteria pra-dipilih, kami mungkin menganggap mana-mana maklumat tersebut, data atau dokumen seperti dalam Arahan bahawa diberi oleh Individu yang Dibenarkan; dan
- (c) **Arahan Elektronik:** Sesiapa yang menggunakan Kunci Elektronik anda, ID Pelanggan atau ID Pengguna akan dianggapkan sebagai dibenarkan oleh anda dan apa-apa tindakan yang diambil oleh individu tersebut akan terikat ke atas anda. Kami akan menerima sebarang Arahan yang dihantar melalui sebarang Saluran sebagai dihantar oleh Individu Yang Dibenarkan. Kami tidak akan dipertanggungjawabkan untuk menyemak kuasa individu yang menggunakan sebarang Kunci Elektronik, ID Pelanggan, ID Pengguna, Sijil Digital atau peranti mudah alih.

3.5 Bilakah kami akan bertindak pada Arahan anda?

Kami memerlukan rangka masa munasabah untuk bertindak pada Arahan anda selaras dengan amalan perniagaan biasa kami. Walau bagaimanapun, kami mempunyai hak untuk tidak bertindak pada Arahan atau melaksanakan Perkhidmatan pada hari yang bukan Hari Perbankan dalam Lokasi Perkhidmatan berkenaan. Jika kami terima Arahan selepas masa "*takat*" kami pada Hari Perbankan, kami boleh anggap ia sebagai telah diterima pada Hari Perbankan berikutnya.

3.6 Bilakah kami boleh menolak Arahan anda?

Kami boleh menolak untuk memproses arahan anda jika:

- (a) pada pendapat kami arahan itu tidak jelas, bercanggah, tidak betul, tidak lengkap atau tidak dibenarkan;
- (b) pemprosesan Arahan akan atau mungkin menyebabkan kami melanggar dasar kami atau mana-mana undang-undang berkenaan;
- (c) anda gagal untuk mematuhi permintaan munasabah kami untuk maklumat, dokumen atau kebenaran;
- (d) memprosesnya boleh menyebabkan overdraif yang tidak dibenarkan; atau

(e) kami mempunyai sebab yang sah untuk berbuat demikian.

Jika kami tidak dapat proses Arahan anda, kami akan memberitahu anda secepat mungkin.

3.7 **Memberhentikan, membalikkan atau membatalkan transaksi**

Kami akan cuba memberhentikan, membalikkan atau membatalkan urus niaga apabila anda meminta kami tetapi kami tidak akan bertanggungjawab jika kami tidak dapat berbuat demikian. Anda bersetuju untuk membayar kami sebarang kos yang kami mungkin tanggung dalam percubaan untuk menghentikan, membalikkan atau membatalkan urus niaga.

3.8 **Maklumat aku janji**

Anda mesti:

- menyediakan kami dengan semua dokumen, maklumat dan kebenaran yang kami minta secara munasabah untuk Akaun atau Perkhidmatan; dan
- Kberitahu kami secara bertulis dengan segera apa-apa perubahan dalam maklumat hubungan anda atau apa-apa maklumat lain kami miliki dalam rekod kami. Kami memerlukan sedikit masa untuk mengemas kini rekod kami selepas mana perubahan dikemas kini akan digunakan. Jika kami tidak dapat memproses perubahan yang diminta, kami akan memberitahu anda secepat mungkin. Kami boleh meminta anda untuk menyediakan dokumen sokongan untuk mengesahkan perubahan.

3.9 **Kami tidak akan bertanggungjawab untuk data tertentu yang dihantar**

Apabila anda menyediakan kami dengan apa-apa dokumen, maklumat atau data untuk penghantaran kepada pihak ketiga, kami tidak akan bertanggungjawab dan tidak mempunyai kewajiban untuk menyemak dokumen, maklumat atau data tersebut. Yang sama terpakai di mana pihak ketiga (sebagai contoh rakan kongsi perdagangan anda) menyediakan sebarang dokumen, maklumat atau data kepada kami untuk penghantaran kepada anda.

4. **KUASA INDIVIDU YANG DIBENARKAN ANDA**

4.1 **Tindakan Individu yang Dibenarkan anda**

Individu yang Dibenarkan akan dianggap sebagai mempunyai kuasa untuk memberi arahan, menandatangani apa-apa dokumen dan / atau melaksanakan sebarang tindakan bagi pihak anda, termasuk:

- bersetuju untuk, menambah, menyatakan semula atau mempelbagai terma Perjanjian;
- menambah, membuka, mengalih keluar, menutup, meminda atau mengurus sebarang Akaun atau Perkhidmatan;
- melantik mana-mana Pengguna; dan
- melantik mana-mana individu, wakil atau ejen untuk bertindak bagi pihak anda atau menerima pelantikan sebagai ejen untuk mana-mana individu.

Anda terikat oleh tindakan Individu yang Dibenarkan anda.

4.2 **Keperluan Individu yang Dibenarkan anda**

Anda mengesahkan yang berikut berhubung dengan Individu yang Dibenarkan anda:

- Individu yang Dibenarkan:** anda bertanggungjawab untuk dan akan memastikan bahawa Individu yang Dibenarkan anda diberi kebenaran sewajarnya seperti yang diperlukan oleh anda dan bahawa Individu yang Dibenarkan tersebut bertindak dalam kuasa ini untuk menggunakan dan / atau bertindak bagi pihak anda berhubung dengan Akaun atau Perkhidmatan;
- Mematuhi keperluan:** Individu yang Dibenarkan memahami dan mematuhi semua keperluan yang diterangkan dalam Perjanjian (termasuk mematuhi sebarang prosedur keselamatan, pengesyoran atau panduan yang kami boleh sediakan kepada mereka);
- Perubahan Individu yang Dibenarkan:** anda mesti memberitahu kami secara bertulis dengan segera jika terdapat perubahan kepada Individu yang Dibenarkan anda. Sebarang perubahan kepada Individu yang Dibenarkan anda tidak akan dikuatkuasakan sehingga kami telah mengemaskinikan rekod kami dengan perubahan. Kami boleh meneruskan untuk bertindak pada kuasa Individu yang Dibenarkan anda sehingga rekod kami dikemas kini dengan perubahan. Jika kami tidak dapat proses perubahan kepada Individu yang Dibenarkan anda, kami akan memberitahu anda secepat mungkin; dan
- Liabiliti Individu yang Dibenarkan:** anda mengakui bahawa anda masih bertanggungjawab untuk semua tindakan dan urus niaga Individu yang Dibenarkan anda.

5. **LIABILITI PIHAK**

5.1 **Liabiliti Standard Chartered Bank**

Kami **tidak** bertanggungjawab untuk sebarang Kerugian yang anda alami atau tanggung berhubung dengan:

- sebarang Akaun, Perkhidmatan atau Saluran;
- tindakan kami menurut Perjanjian atau mematuhi mana-mana undang-undang berkenaan;
- sebarang tindakan atau peninggalan pada bahagian mana-mana ahli lain Kumpulan Standard Chartered; atau
- apa-apa peristiwa Force Majeure,

sama ada Kerugian timbul daripada pelanggaran kontrak, tort, di bawah statut atau sebaliknya.

Kami masih bertanggungjawab untuk Kerugian langsung anda disebabkan oleh sebarang penipuan, kecuaiian besar atau salah laku atau kelalaian pada bahagian kami. Kami kecualikan sebarang liabiliti untuk Kerugian tidak langsung atau turutan atau kehilangan keuntungan sama ada ia oleh diramalkan atau mungkin berlaku atau tidak.

Jika kami dipertanggungjawabkan, jumlah liabiliti kami untuk semua Kerugian yang dialami atau ditanggung oleh anda dalam tahun kalendar berkaitan dengan Perjanjian ini akan, setakat dibenarkan sepenuhnya oleh undang-undang berkenaan, dihadkan kepada US\$100,000 atau setaranya.

5.2 **Liabiliti anda**

Tanpa mengehendkan tanggungjawab yang anda berhutang kepada kami mengikut undang-undang, anda bertanggungjawab kepada kami dan akan menanggung rugi kepada kami atas permintaan terhadap sebarang Kerugian yang timbul daripada atau ditanggung oleh kami berhubung dengan:

- penyediaan sebarang Akaun atau Perkhidmatan kepada anda;

- (b) anda atau Individu yang Dibenarkan tidak mematuhi sebarang kewajipan di bawah Perjanjian;
- (c) tindakan kami atau keengganan kami untuk bertindak pada arahan anda;
- (d) carian dan pertanyaan yang kami buat berhubung dengan anda atau pembekal sekuriti (termasuk pemeriksaan untuk ketaksolvenan);
- (e) membuat pertukaran mata wang kami menurut Perjanjian; atau
- (f) apa-apa Cukai perlu dibayar oleh kami, atau dikira dengan rujukan kepada apa-apa amaun dibayar atau perlu dibayar oleh atau kepada anda di bawah Perjanjian (kecuali apa-apa Cukai perlu dibayar oleh kami dengan rujukan kepada pendapatan bersih diterima atau akan diterima oleh kami).

Indemniti ini adalah bebas daripada obligasi lain anda di bawah Perjanjian dan bertahan penamatan perhubungan anda dengan kami.

5.3 Tuntutan terhadap kami

Anda mesti beritahu kami secara bertulis dalam masa enam bulan apabila sedar tentang sebarang tuntutan anda miliki terhadap kami, yang jika gagal, anda menyetepikan semua hak anda untuk menuntut terhadap kami.

6. PEMBEKAL PERKHIDMATAN PIHAK KETIGA

6.1 Pengaturan dengan pembekal perkhidmatan pihak ketiga

Kami boleh guna khidmat pembekal pihak ketiga (termasuk pembayaran, penjelasan atau sistem penyelesaian, rumah penjelasan, perantara pembayaran, institusi kewangan atau ahli lain Kumpulan Standard Chartered, pembekal dompet mudah alih dan kurier, sama ada kontraktor bebas, sub-kontraktor atau ejen) berhubung dengan Akaun atau dalam penyediaan Perkhidmatan kepada anda. Penyediaan sebarang Akaun atau Perkhidmatan oleh kami akan bergantung pada dan tertakluk kepada prestasi individu tersebut.

Kami boleh mengikat pengaturan perkongsian yuran dan / atau maklumat dengan pembekal perkhidmatan pihak ketiga. Kami boleh dedahkan maklumat berkaitan dengan anda kepada individu sedemikian. Jika anda minta, kami akan setakat dibenarkan, memberi anda butiran pengaturan sedemikian.

6.2 Liabiliti Kami

Kami tidak akan bertanggungjawab untuk prestasi atau sebarang tindakan atau peninggalan apa-apa pembekal perkhidmatan tersebut atau mana-mana pekerja atau ejen mereka, termasuk sebarang penipuan, salah laku, kecuaiian atau ketaksolvenan pada pihak mana-mana daripada mereka.

6.3 Liabiliti anda

Anda bertanggungjawab kepada kami dan akan menanggung rugi ganti rugi kepada kami atas permintaan terhadap sebarang Kerugian yang timbul atau ditanggung oleh kami dalam melantik mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga berhubung dengan Akaun atau dalam penyediaan Perkhidmatan kepada anda.

6.4 Apakah yang akan berlaku jika kami menggantung atau menamatkan pembekal perkhidmatan pihak ketiga

Kami boleh menggantung, menamat atau menutup sebarang Akaun atau Perkhidmatan dengan segera secara notis bertulis sekiranya berlaku sebarang pengaturan antara kami dan pembekal pihak ketiga berkaitan dengan Akaun atau Perkhidmatan digantung atau ditamatkan atas apa-apa sebab.

6.5 Yuran dan / atau caj yang dikenakan oleh pembekal perkhidmatan pihak ketiga

Anda mesti bayar sebarang yuran dan / atau caj yang dikenakan oleh mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga tersebut pada anda atau kami untuk sebarang urusan niaga.

6.6 Pelantik Anda

Atas permintaan anda secara bertulis, Pelantik anda boleh masuk satu Sambungan Saluran. Mana-mana rujukan dalam Bahagian A (Terma Standard) kepada anda, termasuk Pelantik. Anda bertanggungjawab atas semua perbuatan dan peninggalan Pelantik berhubung dengan Perjanjian ini.

Anda bersetuju bahawa:

- (a) Anda akan menjalankan ketekunan wajar yang wajar atas Pelantik dan sistem untuk memenuhi keperluan untuk masuk memalui Sambungan Saluran;
- (b) Hubungan anda dengan Pelantik akan ditadbir oleh perjanjian dalam bertulis. Anda mesti membeberitahu kami dengan segera mana-mana pindaan berkenaan terhadap perjanjian itu, termasuk jika anda berhenti meneirima perkhidmata daripada Pelantik;
- (c) Anda akan memastikan bahawa Pelantik akan mengguna Sambungan saluran hanya untuk perkhidmatan yang disediakan kepada anda dan menurut **Bahagian A (Terma Standard)**; dan
- (d) Anda sedar dan menerima risiko yang dikaitkan dengan peruntukan Sambungan Saluran melalui Pelantik (termasuk risiko penangguhan, bukan resit, pemintasan, rasuah, pendedahan kepada pihak ketiga yang tidak betul atau gangguan dengan Arahan, maklumat atau dokumen lain), dan mengakui kami tidak bertanggungjawab terhadap pemantauan, operasi yang betul dan ketersediaan sistem Pelantik, dan untuk kandungan atau penghantaran yang berjaya atau tepat pada masanya mana-mana Arahan atau dokumen or maklumat lain, atau apa-apa penyalahgunaan maklumat yang melalui sistem Pelantik.

Anda bersetuju dengan kami berkomunikasi dengan kami melalui Pelantik dan kepada pendedahan Arahan anda, maklumat dan dokumen lain melalui Pelantik untuk tujuan peruntukan Pelantik daripada perkhidmatan kepada anda.

7. REKOD KAMI ADALAH MUKTAMAD

Melainkan terdapat ralat atau peninggalan material:rekod semua semua Arahan, komunikasi, urusan niaga, (termasuk sebarang kadar, harga atau amaun terhutang kepada atau oleh anda seperti diberitahu oleh kami) laporan, penyata atau maklumat setara, adalah muktamad.

8. ANDA MESTI BAYAR AMAUN YANG ANDA HUTANG

8.1 Anda mesti bayar wang anda hutang kepada kami

Jika kami minta anda, anda mesti bayar kami dengan segera semua amaun anda hutang kami sepenuhnya dan tanpa tolak selesai, potongan atau tuntutan balasan dalam dana jelas dan tersedia yang tiada pihak ketiga boleh menuntut sebarang hak. Pembayaran anda mesti dibuat dalam mata wang berkenaan dan mesti dibuat ke akaun kami ditetapkan.

Apa maknanya “tolak selesai”?

Ini adalah hak yang dimiliki satu pihak (Pihak A), untuk menggunakan amaun yang dihutang kepada mereka oleh pihak satu lagi (Pihak B), untuk membayar amaun yang mereka (iaitu Pihak A) mungkin hutang kepada Pihak B.

Apakah maknanya “dana jelas dan tersedia dengan segera”?

Wang tersedia untuk anda gunakan, yang mana, sebaik sahaja anda bayar kepada kami, tiada orang lain akan meminta kami untuk pulangkan dan tidak akan dibalikkan atau tidak dilunaskan atas apa-apa sebab.

Amaun anda hutang kami boleh termasuk mana-mana:

- bayaran, caj, kos, perbelanjaan atau komisen berhubung dengan sesuatu Perkhidmatan atau seperti diberitahu oleh kami;
- faedah (termasuk faedah atau faedah yang belum dibayar) yang boleh dicaj untuk kemudahan atau apabila Akaun anda menjadi terlebih bayar; dan
- Kerugian kami tanggung berhubung dengan Perjanjian atau sebarang Akaun atau Perkhidmatan.

8.2 Amaun anda mungkin hutang orang lain

Kami mungkin diperlukan untuk memotong amaun tertentu daripada Akaun anda untuk membayar pihak lain. Ini boleh termasuk:

- yuran dan caj yang timbul daripada kewajipan Cukai anda; dan
- amaun diperlukan untuk dibayar di bawah undang-undang berkenaan

8.3 Bilakah boleh kami ambil wang daripada Akaun anda

Kami boleh memotong wang daripada Akaun anda (walaupun jika ini membuat Akaun anda terlebih bayar) untuk membayar amaun yang anda hutang kepada kami. Kami boleh mengecayakan faedah atas sebarang amaun terhutang di bawah Perjanjian pada kadar munasabah yang kami putuskan daripada tarikh tamat tempoh hingga tarikh pembayaran sebenar anda.

9. PEMATUHAN UMUM

Tambahan kepada kewajipan Pernyataan Pematuhan Kawal Selia anda, berikut boleh terpakai pada perhubungan anda dengan kami;

9.1 Kewajipan umum anda untuk mematuhi undang-undang

Sebagai sebahagian daripada penggunaan Akaun atau Perkhidmatan anda, anda mesti mematuhi semua undang-undang.

9.2 Kewajipan umum anda untuk mematuhi undang-undang

Tidak ada dalam Perjanjian yang mewajibkan kami untuk membuat atau meninggalkan apa-apa jika ia akan atau mungkin dalam pendapat munasabah kami membentuk pelanggaran mana-mana undang-undang berkenaan. Jika sebarang perintah mahkamah dihantar atau dikeluarkan terhadap kami atau sebarang arahan dikeluarkan di bawah undang-undang oleh mana-mana Pihak Berkuasa, kami akan bertindak menurutnya dan anda tidak boleh memulakan prosiding terhadap kami berhubung tindakan kami.

9.3 Perantara

Jika anda merupakan perantara bertindak untuk pihak ketiga, anda mewakili kepada kami bahawa anda:

- melaksanakan dengan memuaskan semua aktiviti “*kenali-pelanggan-anda*” dan aktiviti pengubahan wang haram menurut mana-mana undang-undang berkenaan dan dasar anda (termasuk pengesahan identiti pihak ketiga dan sumber dana dan sifat urus niaga pihak ketiga); dan
- mempunyai proses sewajarnya untuk mengesan dan melaporkan sebarang aktiviti mencurigakan yang melibatkan pihak ketiga.

10. PENAMATAN DAN PENGGANTUNGAN

10.1 Penamatan oleh mana-mana Pihak

Mana-mana pihak boleh menutup Akaun atau Perkhidmatan keseluruhannya atau mana-mana bahagian Perkhidmatan dengan memberi pihak lagi satu notis bertulis sekurang-kurangnya **tiga puluh (30)** hari sebelumnya.

10.2 Kami boleh tamatkan

Kami boleh menutup Akaun atau menamatkan keseluruhan atau mana-mana bahagian Perkhidmatan **dengan segera** tanpa memberi notis terlebih dahulu kepada anda:

- jika anda melanggar sebarang terma Perjanjian;
- jika anda atau mana-mana pembekal sekuriti atau sebarang hasil atau aset anda atau pembekal sekuriti anda menghadapi sebarang Prosiding Ketaksolvenan;
- jika ia sememangnya atau mungkin menyalahi undang-undang bagi anda atau kami untuk melaksanakan kewajipan anda atau masing-masing di bawah Perjanjian;
- jika mematuhi Perjanjian boleh menyebabkan kami untuk melanggar dasar kami atau mana-mana undang-undang berkenaan;
- apabila terjadi sebarang keadaan menjejaskan anda atau Akaun atau Perkhidmatan yang kami anggap luar biasa; atau
- jika anda empunya tunggal, empunya tunggal mati atau kehilangan upaya mental.

10.3 Kami boleh gantungkan

Kami boleh menggantungkan Akaun anda dengan segera atau keseluruhan atau mana-mana bahagian sesuatu Perkhidmatan pada bila-bila masa termasuk:

- mematuhi mana-mana undang-undang berkenaan;

- (b) di mana secara munasabah kami percaya anda atau orang lain telah gunakan, atau sedang menggunakan atau memperoleh, atau boleh guna atau memperoleh, Akaun dan / atau Perkhidmatan atau wang secara menyalahi undang-undang atau secara penipuan (termasuk perubahan wang haram, membiayai keganasan, atau pengelakan cukai);
- (c) peristiwa Force Majeure berterusan; atau
- (d) anda gagal untuk mematuhi mana-mana bahagian Perjanjian.

Jika kami lakukan dan di mana kami dibenarkan untuk memberitahu anda di bawah undang-undang berkenaan, kami akan memberitahu anda secepat mungkin Kami boleh juga melepaskan penggantungan pada bila-bila masa atau melaksanakan budi bicara kami untuk bertindak sewajarnya, termasuk membayar dana dalam Akaun anda kepada anda atau kepada bank atau individu yang menandatangani dana ke dalam Akaun anda, atau meminta perintah daripada mahkamah berhubung dengan dana dalam Akaun anda.

10.4 Anda boleh gantungan

Jika kami terima permintaan anda secara bertulis, kami akan menggantung Akaun atau keseluruhan atau mana-mana bahagian sesuatu Perkhidmatan, Kami akan memerlukan tempoh masa munasabah untuk bertindak atas permintaan anda.

10.5 Arahan sebelum penamatan atau penggantungan

Hak dan liabiliti terakru satu pihak, termasuk sebarang Arahan yang diberi atau sebarang urus niaga yang dibuat sebelum atau pada masa penamatan atau penggantungan tidak akan terjejas oleh penamatan atau penggantungan tersebut..

10.6 Apa akan terjadi selepas penamatan?

Sebaik sahaja penutupan Akaun atau penamatan Perkhidmatan atau urus niaga, anda mesti:

- (a) pulangkan mana-mana bahan berkaitan dengan Akaun, Perkhidmatan atau urus niaga yang kami berikan anda;
- (b) mengikut arahan munasabah kami dengan segera dan memperakui kami secara bertulis bahawa anda telah menjalankan apa yang kami minta dengan munasabah; dan
- (c) bayar kami dengan segera semua amaun anda hutang kami, termasuk amaun terlebih bayar (jika ada), faedah, kos, perbelanjaan, komisen dan apa-apa caj lain anda hutang kepada Akaun atau untuk Perkhidmatan atau urus niaga.

Peruntukan ini tidak akan menjejaskan apa-apa hak penamatan lain yang diterangkan dalam Perjanjian.

Jika Akaun anda ditutup, kami akan bayar anda mana-mana bakinya (selepas memotong apa-apa amaun anda hutang kami) menggunakan Arahan Pembayaran dihantar kepada alamat terakhir anda dalam rekod kami atau dalam apa-apa cara lain yang kami putuskan.

PENTING

Perjanjian akan terus digunakan sehingga anda dan kami telah memenuhi semua tanggungjawab masing-masing.

11. TERMA AKAUN KHUSUS

11.1 Penyelenggaraan Akaun

Kami akan tetapkan had berapa banyak anda perlu miliki dalam Akaun anda, jenis mata wang yang kami boleh terima, serta caj biasa kami, komisen dan kadar faedah dan apa-apa keperluan lain.

11.2 Penukaran Akaun

Jika kami perlu untuk menukar satu jenis Akaun kepada jenis Akaun lain dan kami akan memberitahu anda sebelum kami lakukan ini.

Sebagai contoh:

Kami mungkin perlu berbuat demikian berhubung dengan keperluan perniagaan kami, atau jika anda ubah sifat perniagaan anda.

11.3 Mandat Akaun

Anda mesti sediakan kami dengan mandat anda memberi kuasa Individu yang Dibenarkan anda untuk mengendalikan Akaun anda. Kami akan memberitahu anda jika kami tidak dapat menerima mana-mana Individu yang Dibenarkan disebabkan dasar kami atau mana-mana undang-undang berkenaan;

Anda boleh memberikan mandat baru (atau setara) pada bila-bila masa. Kami boleh terus bergantung pada mandat sedia ada anda sehingga kami telah mengemas kini rekod kami. Jika kami tidak dapat proses mandat baru anda, kami akan memberitahu anda secepat mungkin.

11.4 Deposit

Kami akan mengkredit wang dibayar ke dalam Akaun anda dalam mata wang kami terima dan dalam amaun setara dengan deposit tunai. Kami boleh mengecaj anda untuk kaedah pembayaran tertentu pada kadar yang mana kami akan beritahu kepada anda. Tarikh wang diterima sebagai pembayaran ke dalam Akaun anda akan bergantung pada amalan pasaran semasa atau mengikut amalan perbankan biasa kami.

Jika bayaran ke dalam Akaun anda dibuat dengan apa-apa kaedah selain daripada deposit tunai (sebagai contoh, cek) atau melalui pindahan dana domestik atau antarabangsa, kami **tidak** perlu kredit Akaun anda sebelum kami benar-benar menerima dana itu. Jika kami kredit Akaun anda sebelum menerima dana, ini dibuat dengan syarat bahawa kami akan menerima dana kemudiannya. Kami akan potong wang daripada Akaun anda jika kami tidak menerima dana kemudiannya. Anda menyatakan dan menjamin bahawa anda mempunyai hak milik sah sepenuhnya terhadap deposit tersebut dan menerima tanggungjawab sepenuhnya untuk kesahihan, kesahan dan ketepatan tandatangan, pengendorsan dan butiran yang dipaparkan pada Instrumen Pembayaran berkenaan.

Jika satu slip deposit mengandungi ralat atau ketinggalan, kami boleh meminda slip deposit tersebut. Versi dipinda kami adalah muktamad untuk semua tujuan.

Apa-apa amaun yang ada pada kredit Akaun hanya boleh dibayar balik di Lokasi Perkhidmatan di mana Akaun tersebut diselenggara.

11.5 Pengeluaran dan pembayaran

Kami akan hanya membenarkan Pengeluaran daripada Akaun di mana:

- (a) terdapat dana tersedia mencukupi dalam Akaun untuk Pengeluaran (melainkan kami putuskan, mengikut budi bicara kami, untuk membenarkan overdraf);
- (b) cek anda (jika digunakan) dikeluarkan dan dilengkapkan sewajarnya dalam borang ditetapkan oleh kami; dan
- (c) Pengeluaran dibuat di Lokasi Perkhidmatan di mana Akaun diselenggara.

Anda boleh hanya mengeluarkan wang daripada Akaun dengan cara yang kami terima. Jika anda minta, kami boleh membenarkan anda untuk mengeluarkan dana dalam mata wang berlainan daripada mata wang Akaun anda pada kadar pertukaran semasa berkenaan kami.

Jika anda ingin mengeluarkan amaun tunai yang besar dalam mata wang khusus, ini bergantung pada wang tunai kami miliki yang terdapat dalam mata wang khusus tersebut. Anda mesti beri kami notis munasabah terlebih dahulu.

Kami tidak membenarkan anda untuk mengeluarkan wang daripada Akaun anda, dan kami tidak boleh menjalankan apa-apa urusan niaga atau apa-apa hal berkaitan dengan Akaun anda jika:

- (a) Akaun anda ditutup atau digantung;
- (b) ia akan untuk apa-apa sebab melanggar mana-mana undang-undang berkenaan; atau
- (c) kami menolak arahan anda menurut Perjanjian.

11.6 Pemindahan dana

Kami mungkin menerima Arahan untuk memindah dana antara Akaun anda dan apa-apa akaun lain anda atau mana-mana orang lain (mengandaikan kami mempunyai pengaturannya yang perlu disediakan).

Anda bertanggungjawab untuk memberi kami maklumat tepat (termasuk butiran akaun yang anda ingin pindahkan dana itu). Jika Arahan pembayaran anda mengenal pasti penerima kedua-dua mengikut nama dan mengikut nombor pengenalan / akaun, kami atau ahli Kumpulan Standard Chartered dan / atau mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang menerima Arahan pembayaran anda boleh memproses Arahan pembayaran tersebut sepenuhnya berdasarkan nombor pengenalan / akaun tanpa rujukan kepada nama penerima yang dimaksudkan.

Kami **tidak** akan bertanggungjawab untuk dan tidak mempunyai tanggungjawab untuk menyemak apa-apa maklumat anda beri kepada kami dalam Arahan pembayaran anda.

Anda membenarkan kami untuk menghantar Arahan pembayaran anda bagi pihak anda kepada perantara pembayaran dan pembekal perkhidmatan pihak ketiga lain, agar dapat menjalankan arahan pembayaran anda.

Kami boleh menetapkan had pada dana pemindahan (sebagai contoh, pada amaun untuk dipindah atau mengenai berapa kerap anda gunakan Perkhidmatan).

Pembekal perkhidmatan pihak ketiga boleh mengenakan komisen, yuran atau caj lain dalam membuat pembayaran kepada akaun dinamakan oleh anda yang boleh dipotong oleh perkhidmatan pihak ketiga daripada dana yang dibayar kepada akaun benefisiari, atau ia boleh dipindahkan kepada kami. Jika apa-apa komisen, yuran dan / atau caj lain dipindah kepada kami, anda mesti membayar ganti kepada kami sewajarnya.

11.7 Tiada pemberian sekuriti ke atas akaun

Anda mesti kekal menjadi pemilik semua baki kredit dalam Akaun anda (melainkan kami bersetuju dan mengakui sebaliknya). Anda hendaklah memberitahu kami jika anda ingin memberi apa-apa hak, sekuriti atau apa-apa kepentingan lain dalam Akaun kepada mana-mana pihak ketiga. Kami boleh menolak permintaan anda.

11.8 Instrumen pembayaran (termasuk cek)

Untuk Instrumen Pembayaran:

- (a) Anda bertanggungjawab untuk buku cek dihantar kepada anda walaupun orang lain menerima atau menggunakannya;
- (b) Anda bertanggungjawab dan bersetuju untuk menanggung rugi kepada kami atas permintaan untuk sebarang Kerugian kami tanggung di mana kami telah bertindak atas Instrumen Pembayaran, walaupun jika (i) orang lain menghantar Arahan Pembayaran tetapi ia dipaparkan bahawa anda menghantarnya, (ii) terdapat kesilapan dalam Instrumen Pembayaran, atau (iii) terdapat kelewatan bila Arahan Pembayaran dihantar atau diterima;
- (c) Jika anda mahu kami untuk tidak melayan mana-mana cek yang anda telah keluarkan terhadap akaun anda, anda mesti memberitahu kami secara bertulis secepat mungkin dan sediakan semua maklumat berkenaan. Kami akan cuba untuk menghentikan atau membatalkan urusan niaga tetapi kami tidak akan bertanggungjawab jika kami tidak boleh (termasuk di mana cek sudah dilunaskan); dan
- (d) apabila kami telah mengeluarkan perintah juruwang / draf permintaan menurut Arahan anda, kami tidak dapat membatalkannya kecuali dalam keadaan terbatas.

11.9 Pembayaran dibuat selepas kami menutup akaun

Jika kami proses Pengeluaran selepas Akaun ditutup, anda bersetuju untuk membayar kami balik amaun tersebut atas permintaan.

11.10 Tarik balik

Kami boleh membatalkan, membalikkan atau mendebitkan apa-apa pembayaran anda buat di bawah Perjanjian atau berhubung dengan mana-mana Perkhidmatan (termasuk apa-apa faedah dibayar);

- (a) untuk membetulkan kesilapan;
- (b) di mana kami tidak menerima dana jelas dan tersedia dengan serta-merta sepenuhnya atau dengan segera;
- (c) di mana kami diperlukan untuk memulangkan dana pembayar atau pengeluaran berkenaan; atau
- (d) di mana kami mempunyai alasan munasabah untuk berbuat demikian.

11.11 Faedah atas baki kredit

Kami akan membayar anda faedah atas baki kredit Akaun anda di mana anda telah bersetuju secara nyata untuk berbuat demikian. Kami tidak akan membayar anda faedah atas baki kredit tidak dituntut dalam Akaun ditutup atau digantung atau Akaun kami senaraikan sebagai dorman.

Kadar faedah negatif boleh digunakan (yang mana faedah boleh dibayar oleh anda kepada kami) atau yuran mungkin belum dibayar oleh anda pada baki kredit Akaun anda.

Apa-apa faedah atau yuran boleh dibayar adalah pada kadar kami beritahu anda atau seperti dipaparkan di cawangan di mana Akaun anda disimpan.

11.12 Penyata akaun dan kewajipan anda untuk memeriksa

Kami boleh hantar anda penyata Akaun, pengesahan dan makluman melalui pos, Saluran sewajarnya atau melalui apa-apa kaedah lain yang kami telah bersetuju dengan anda.

Anda mesti menyemak penyata Akaun, pengesahan dan makluman dengan berhati-hati. Anda mesti beritahu kami secara bertulis apa-apa kesilapan atau urusan niaga tidak dibenarkan secepat mungkin dan tidak lewat dari **tiga puluh (30)** hari daripada tarikh dokumen (atau tempoh

lain yang ditetapkan dalam penyata, pengesahan atau makluman berkenaan). Jika anda gagal membuat demikian kami boleh menanggung sebagai betul.

Jika anda tidak menerima sebarang penyata Akaun, pengesahan atau makluman daripada kami, sila hubungi pengurus perhubungan anda,

11.13 **Overdraf**

Untuk overdraf:

- (a) Akaun anda mesti tidak terlebih keluar Jika anda mempunyai had overdraf, anda mesti tidak melebihinya;
- (b) Mana-mana overdraf yang kami luluskan untuk Akaun boleh tertakluk kepada terma tambahan. Had overdraf boleh dibatalkan pada bila-bila masa;
- (c) Jika kami benarkan Akaun anda terlebih bayar tanpa memberitahu anda, seksyen ini mengenai Overdraf akan digunakan;
- (d) Anda mesti bayar balik apa-apa baki debit pada Akaun anda atas permintaan; dan
- (e) Kami akan caj anda faedah atas semua overdraft. Faedah akan terakru atas dasar harian pada kadar semasa berkenaan yang kami maklum kepada anda dari masa ke semasa dan dikira menurut amalan biasa kami di Lokasi Perkhidmatan.

11.14 **Nombor akaun maya**

Jika anda minta, kami boleh sediakan anda nombor akaun maya yang dipautkan dengan Akaun anda, untuk memudahkan penyesuaian deposit anda atau pembayaran daripada Akaun dipaut. Penyata akaun boleh menunjukkan deposit atau pembayaran daripada Akaun dipaut yang dibuat dengan rujukan kepada nombor akaun maya berkenaan.

11.15 **Deposit masa**

(a) **Apakah itu deposit masa?**

Deposit masa adalah deposit yang anda telah bersetuju untuk buka dengan kami untuk tempoh masa yang tetap untuk mendapat manfaat daripada pelbagai jenis cirinya. Deposit masa boleh juga dirujuk sebagai "Deposit Tetap", maka rujukan kepada deposit masa dalam buku kecil ini akan juga termasuk rujukan kepada deposit tetap.

(b) **Bagaimana kami kira faedah untuk deposit masa?**

Faedah pada deposit masa dibayar pada kadar yang dipersetujui apabila anda daftar deposit masa. Kadar faedah pada umumnya ditentukan oleh saiz dan terma deposit masa dan dimaklumkan kepada anda dari masa ke masa. Pengurus perhubungan anda boleh memberi maklumat lanjut mengenai kadar faedah berkenaan dan terma sepadan.

Faedah atas deposit masa dikira selaras dengan amalan perniagaan biasa dalam Lokasi Perkhidmatan berkenaan dan terakru secara harian berdasarkan tahun 365-hari (untuk deposit masa yang disebutkan dalam mata wang GBP, HKD, SGD, ZAR dan mana-mana mata wang lain kami mungkin tetapkan dari masa ke semasa) atau tahun 360-hari (untuk deposit masa yang disebutkan dalam mata wang lain) atau asas tahun hari lain sedemikian sepertimana kami boleh tentukan dari masa ke semasa dalam tahun biasa dan lompat, menurut konvensyen berkenaan. Ia dibayar pada akhir tempoh apabila deposit masa matang.

(c) **Apa akan berlaku apabila deposit masa matang?**

Untuk deposit masa dijadualkan matang pada hari yang bukan Hari Perbankan, kematangan adalah pada Hari Perbankan berikutnya, melainkan hari tersebut jatuh dalam bulan kalendar berikutnya, yang mana deposit masa akan matang pada Hari Perbankan sebelumnya.

Untuk tujuan deposit masa, definisi Hari Perbankan tidak termasuk cuti umum untuk Lokasi Perkhidmatan atau cuti umum negara mata wang Akaun.

Untuk wang yang anda telah deposit ke dalam deposit masa yang tidak disediakan untuk diperbaharui secara automatik, anda perlu beritahu kami apa perlu dibuat dengan wang tersebut pada atau sebelum tarikh matang. Jika kami tidak dengar daripada anda, kami boleh mendeposit wang anda dan apa-apa faedah ia telah peroleh, ke dalam deposit masa lain untuk terma sama seperti deposit masa asal, menggunakan kadar faedah semasa yang digunakan untuk deposit masa sepatutnya (atau apa-apa kadar lain sepertimana kami boleh putuskan).

Untuk deposit masa yang disediakan untuk diperbaharui secara automatik, kami akan mendepositkan semula secara automatik amaun dan apa-apa faedah ia telah peroleh, apabila ia mencapai tarikh matang. Ini akan dideposit semula untuk terma sama dan pada kadar faedah yang terpakai pada deposit anda pada masa itu (atau apa-apa kadar lain sepertimana kami boleh putuskan), melainkan anda beritahu kami sebaliknya dan sebelum tarikh matang (atau tarikh lain yang kami boleh putuskan).

(d) **Bolehkah anda membuat pengeluaran awal daripada deposit?**

Melainkan kami terima arahan bertulis daripada anda, deposit masa tidak boleh dikeluarkan sebelum tarikh matang.

Kami boleh membenarkan anda untuk menamatkan atau mengeluarkan deposit masa awal, tetapi anda perlu bayar caj, yuran dan kos yang dikira menurut amalan biasa kami di Lokasi Perkhidmatan dan kami tidak boleh bayar semua faedah terakru.

PENTING

Borang permohonan deposit masa / deposit tetap kami boleh merujuk kepada "*Terma Deposit Masa*", "*Terma dan Syarat untuk Deposit Tetap*" atau yang setara. Rujukan ini akan ditafsir untuk merujuk kepada **Bahagian A (Terma Standard)** dan terma dan syarat berkenaan lain daripada Terma dan Syarat Perbankan Umum ini.

12. TERMA LAIN

12.1 **Perkhidmatan penukaran mata wang**

Kami boleh melakukan penukaran mata wang: (i) berhubung apa-apa amaun kami terima atau hutang kami kepada anda; atau (ii) timbul daripada Arahan anda menggunakan kadar penukaran semasa berkenaan kami.

Sebagai contoh:

- Kami perlu menukar mata wang daripada wang untuk didepositkan sebab ia berbeza daripada mata wang di mana Akaun anda disimpan;
- kami boleh bertindak atas arahan anda untuk mengeluarkan wang dalam mata wang berlainan daripada mata wang yang mana

Akaun anda disimpan;

- kami boleh bertindak atas permintaan Pengguna anda di bawah Perkhidmatan Straight2Bank untuk membuat penukaran mata wang; atau
- jika sesebuah negara menyekat ketersediaan atau pemindahan mata wangnya, kami boleh tetapkan bahawa apa-apa pembayaran kepada kami dibuat dalam mata wang lain yang kami anggap munasabah wajar. Begitu juga, jika kami tidak dapat membayar anda atas sebab ini, kami boleh melaksanakan kewajipan kami dengan membayar anda dalam mana-mana mata wang dan dalam cara yang kami boleh anggap secara munasabah adalah wajar.

Penjelasan urus niaga penukaran mata wang oleh kami adalah dalam tempoh **dua (2)** Hari Perbankan. Anda mesti bayar caj biasa kami untuk penukaran tersebut.

Jika sebahagian atau keseluruhan urus niaga penukaran mata wang ditamatkan atau dibatalkan, anda akan dipertanggungjawab untuk kos dan / atau apa-apa Kerugian yang timbul daripada pembedaan urus niaga penukaran mata wang.

Sebagai contoh:

Jika anda meminta untuk penukaran mata wang atas pembayaran daripada pihak ketiga kepada anda dan / atau daripada anda kepada pihak ketiga di bawah Perkhidmatan Straight2Bank, dan anda kemudiannya tidak melengkapkan urus niaga pembayaran, kami boleh caj anda kos pembedaan apabila kami batalkan penukaran mata wang.

12.2 Perkhidmatan pelaporan

Kami boleh menyediakan untuk anda apa-apa data, laporan, penyata atau maklumat yang diminta oleh anda berhubung dengan Akaun atau Perkhidmatan melalui cara dan dengan kekerapan yang boleh kami bersetuju dengan anda.

Perkhidmatan Tertentu melibatkan kami mengumpul semak dan / atau melaporkan kepada anda, data yang kami terima bagi pihak ketiga, daripada pelbagai sumber berpotensi, termasuk anda, pelanggan anda, syarikat kad, rangkaian dan pertukaran, pemeroleh saudagar, pembekal kompet mudah alih dan perantara pembayaran elektronik lain dan pembekal perkhidmatan lain. Data seperti ini boleh termasuk identiti pembayar, invois, makluman pembayaran dan butiran urus niaga pembayaran elektronik. Kami boleh terima data seperti ini melalui saluran kurang berpotensi, terdedah kepada penyamar, penyekatan dan gangguan penghantaran lain. Kami tidak mempunyai tanggungjawab untuk menyemak kesahihan, ketepatan dan kelengkapan data sedemikian.

12.3 Perkhidmatan kutipan tambahan

(a) **Apakah maknanya “kutipan”?**

“Kutipan” merujuk kepada proses di mana kami peroleh atau cuba untuk memperoleh pembayaran dalam dana jelas dan tersedia dengan segera daripada pengeluaran atau pembayar berkenaan.

(b) **Perkhidmatan kutipan apakah yang kami tawarkan?**

Tambahan kepada pemprosesan deposit cek dan pindahan dana elektronik masuk melalui saluran penjelasan, kami juga menawarkan pelbagai jenis proposi nilai berlainan kepada setiap klien menurut keperluan kutipan unik mereka.

(c) **Keperluan tambahan untuk perkhidmatan kutipan tertentu**

- (i) **Pembiayaan kecairan:** Berhubung dengan perkhidmatan kutipan, kami boleh, mengikut budi bicara kami, menawarkan anda pembiayaan kecairan dalam amaun bersamaan dengan semua atau sebahagian daripada Instrumen Pembayaran atau Arahan Debit Langsung yang kami kutip, atau boleh kutip, untuk anda lebih awal daripada kutipan dan / atau penjelasan Instrumen Pembayaran atau Arahan Debit Langsung itu.

Sebagai contoh:

- kami boleh menawarkan anda pembiayaan kecairan untuk cek (termasuk cek tunda) kami akan kutip untuk anda, sehingga cek itu dikutip dan dijelaskan; atau
- kami boleh tawarkan anda pembiayaan kecairan berhubung dengan Arahan Debit Langsung (lihat seksyen di bawah bahagian ini - “Terma lain — Perkhidmatan kutipan tambahan – Keperluan tambahan untuk perkhidmatan kutipan tertentu – Perkhidmatan Pemprosesan Debit Langsung”). Jika kami tawarkan, kami akan kredit anda terdahulu dengan amaun untuk diterima daripada bank pembayar di bawah Arahan Debit Langsung.

Setiap tawaran pembiayaan kecairan, sama ada dalam bentuk pembelian dan / atau pendahuluan kredit adalah dengan rekursa sepenuhnya kepada anda.

Apakah maknanya “dengan rekursa sepenuhnya kepada anda”?

Ini bermakna walaupun jika Instrumen Pembayaran mendasari atau Arahan Debit Langsung mendasari tidak berjaya dikutip atau dijelaskan, anda mesti bayar balik kepada kami amaun sepenuhnya pembiayaan ditawarkan kepada anda, pada tarikh pembayaran berjadual Instrumen Pembayaran mendasari atau Arahan Debit Langsung (iaitu tarikh yang mana ia sepatutnya dikutip dan dijelaskan dalam perjalanan biasa perniagaan).

Anda bersetuju untuk membayar bila perlu dibayar semua yuran dan amaun lain yang kami boleh caj untuk apa-apa tawaran pembiayaan kecairan. Kami akan memberitahu anda yuran, faedah tersebut dan / atau amaun lain.

(ii) **Perkhidmatan Pemprosesan Debit Langsung:**

Di bawah Perkhidmatan ini, kami boleh benarkan anda untuk menghantar Arahan Debit Langsung melalui pelbagai Saluran. Kami akan melaporkan status urus niaga debit langsung yang gagal kepada anda.

Apakah makna “Arahan Debit Langsung”?

Ini bermakna Arahan yang disediakan oleh anda meminta kami untuk mengatur: (A) untuk debit daripada akaun pihak ketiga, diselenggara dengan kami atau bank lain; (B) (jika akaun pihak ketiga diselenggara dengan bank lain) pindahan dana amaun didebit kepada kami; dan (C) untuk amaun tersebut didebit atau diterima oleh kami untuk dikredit kepada Akaun anda.

Sebelum memulakan Perkhidmatan Pemprosesan Debit Langsung, anda mesti menyediakan kami dengan mandat kuasa, dalam bentuk yang boleh diterima oleh dan disahkan memuaskannya oleh kami daripada pemegang setiap akaun pihak ketiga yang mana akaun dicadangkan untuk didebit untuk manfaat pembayaran ke Akaun anda.

Anda tidak akan menghantar apa-apa Arahan Debit Langsung sehingga kami beritahu anda syarat yang ditetapkan di atas telah memuaskannya untuk akaun pihak ketiga.

Anda mesti beritahu kami dengan segera dan berhenti menghantar apa-apa Arahan Debit Langsung jika apa-apa mandat kuasa daripada pemegang akaun pihak ketiga dipinda atau dibatal atau sebaliknya tidak berkuat kuasa.

- (iii) **Perkhidmatan Kotak kunci:** Anda akan memberi kami dan pembekal perkhidmatan pihak ketiga ditetapkan oleh kami, dan anda beri kuasa kepada semua pihak berkuasa pos untuk memberi kami dan pembekal perkhidmatan pihak ketiga ditetapkan oleh kami, capaian tidak terhad kepada semua peti pos berkenaan anda dan kandungannya. Kuasa tersebut mesti dalam bentuk yang boleh diterima kepada kami.
- (iv) **Harta intelektual:** Anda beri kuasa, dan akan memastikan bahawa mana-mana pihak ketiga yang kuasanya mungkin juga diperlukan juga memberi kuasa, kepada kami dan mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga ditetapkan oleh kami untuk menggunakan nama anda, cap perdagangan dan logo berhubung dengan prestasi perkhidmatan kutipan.

12.4 **Perkhidmatan pencetakan cek di tempat tertentu**

- (a) Pencetakan cek di tempat tertentu membolehkan anda untuk mencetak cek korporat di lokasi pilihan anda.

Untuk menggunakan Perkhidmatan ini:

- (i) Anda perlu memperoleh semua peralatan dan alat tulis yang perlu untuk pencetakan cek (**Peralatan**) secara langsung daripada Vendor atau sebaliknya ditetapkan oleh kami. “Vendor” bermakna pembekal Peralatan pihak ketiga yang disyorkan sepertimana kami beritahu anda. Anda akan membayar semua kos dan perbelanjaan berhubung dengan peruntukan dan penyerahan Peralatan.
- (ii) anda bersetuju bahawa kami tidak membuat penerangan atau waranti dan kami dengan apa cara pun tidak bertanggungjawab untuk, Peralatan, penggunaan Peralatan atau mana-mana Vendor;
- (iii) anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Peralatan dijamin, tidak hilang, diperduakan atau disalah guna dan anda mesti mencegah mana-mana orang (selain daripada Individu yang Dibenarkan) daripada mempunyai capaian kepada Peralatan. Anda mesti memberitahu kepada kami dengan segera jika Peralatan hilang, diperdua atau disalah guna;
- (iv) semua arah untuk mencetak cek mesti dihantar kepada kami melalui Saluran dipersetujui oleh kami. Selepas kami telah menerima Arahan anda, kami akan menghantar anda Fail Data OCP melalui Saluran berkenaan, anda akan hanya dibenarkan untuk mencetak cek sekali sahaja menggunakan Fail Data OCP. “Fail Data OCP” bermakna fail data mengandungi maklumat yang akan digunakan dalam penjana imej cek;
- (v) untuk mencetak cek daripada Fail Data OCP, anda perlu Perisian tertentu. Kami akan menyediakan anda dengan terma dan syarat tambahan yang menentukan persediaan dan pemasangan dan penggunaan Perisian tersebut, yang akan membentuk sebahagian daripada Perjanjian;
- (vi) Individu yang Dibenarkan mesti memberitahu kami jika cek telah gagal untuk mencetak atau telah dicetak dengan tidak betul. Kemudian kami akan menghantar semula Fail Data OCP berkenaan melalui Saluran berkenaan; dan
- (vii) anda bersetuju untuk menanggung apa-apa risiko, dan kami tidak menerima tanggungjawab untuk, mendua cek dikeluarkan sebagai sebahagian daripada Perkhidmatan ini atau dibank atau diendorskan oleh kami, oleh mana-mana bank koresponden atau oleh mana-mana individu lain,

13. UMUM

13.1 **Anda hendaklah mendapat nasihat bebas di mana diperlukan**

Anda mengesahkan bahawa anda telah memperoleh dan / atau akan mendapat nasihat undang-undang bebas, cukai, perakaunan, sekuriti dan lain-lain berhubung dengan sebarang Akaun atau Perkhidmatan jika anda perlu. Kami tidak perlu memberi anda apa-apa nasihat, fidusiar atau tanggungjawab sama.

13.2 **Bagaimana kalau anda seorang perkongsian?**

Terma dan syarat berikut digunakan jika anda seorang perkongsian:

- (a) **Liabiliti:** Semua pekongsi (berdasarkan bersama dan berasingan) terikat oleh Perjanjian, dan anda bertanggungjawab untuk semua Kerugian, hutang dan liabiliti lain hutang anda kepada kami, walau pun jika terdapat apa-apa perubahan dalam perkongsian anda dibentuk atau anda melaksana perubahan nama.
- (b) **Pemberhentian sebagai pekongsi:** Mana-mana individu yang berhenti menjadi pekongsi atas apa-apa sebab masih bertanggungjawab untuk semua hutang dan liabiliti lain anda hutang kepada kami yang telah terakru sehingga dan termasuk tarikh individu tersebut berhenti menjadi pekongsi;
- (c) **Urusan berterusan:** Melainkan anda memberitahu kepada kami secara bertulis sebaliknya, kami boleh menganggap pekongsi baki dan / atau pekongsi baru sebagai mempunyai kuasa sepenuhnya untuk bertindak bagi pihak anda;
- (d) **Perubahan dalam perkongsian:** Anda mesti memberitahu kami dengan segera secara bertulis apa-apa perubahan dalam:
 - (i) pekongsi anda;
 - (ii) nama anda; atau
 - (iii) perlembagaan anda (sama ada melalui pembubaran, kematian, persaraan, perubahan dalam ahli anda atau apa-apa perubahan lain walau apa-apa pun); dan
- (e) **Hak untuk mempelbagai:** Kami boleh mempelbagai, mengubah atau mengeluarkan mana-mana Perkhidmatan di mana terdapat perubahan dalam pekongsi anda atau perubahan nama.

13.3 **Bagaimana kalau anda seorang empunya tunggal?**

Terma dan syarat berikut digunakan jika anda seorang empunya tunggal:

- (a) **Liabiliti:** Pemilik empunya tunggal terikat oleh Perjanjian, dan anda bertanggungjawab untuk semua Kerugian, hutang dan liabiliti lain hutang anda kepada kami, walau pun jika terdapat apa-apa perubahan dengan cara empunya tunggal anda dibentuk atau anda melaksana perubahan nama. Untuk empunya tunggal, individu membentuk empunya tunggal adalah bertanggungjawab untuk semua

hutang dan liabiliti lain dihutang oleh anda kepada kami walaupun terdapat sebarang perubahan dalam cara empunya tunggal dibentuk, anda melaksana perubahan nama, atau empunya tunggal tidak lagi wujud;

- (b) **Penamatan sebagai pemilik empunya tunggal:** Mana-mana individu yang berhenti menjadi pemilik empunya tunggal atas apa-apa sebab masih bertanggungjawab untuk semua hutang dan liabiliti lain anda hutang kepada kami yang telah terakru sehingga dan termasuk tarikh individu tersebut berhenti menjadi empunya tunggal;
- (c) **Perubahan dalam empunya tunggal:** Anda mesti memberitahu kami dengan segera secara bertulis apa-apa perubahan dalam pemilikan empunya tunggal anda atau perubahan nama;
- (d) **Hak untuk mempelbagai:** Kami boleh mempelbagai, mengubah atau mengeluarkan mana-mana Perkhidmatan di mana terdapat perubahan dalam pemilikan empunya tunggal atau perubahan nama; dan
- (e) **Hak untuk mendedah:** Kami boleh, apabila kematian atau kehilangan upaya mental anda, mendedahkan apa-apa maklumat berhubung dengan Akaun anda, kepada wakil sah anda dan penasihat undang-undang mereka, penerima derma di bawah surat wakil kuasa berpanjangan atau pengganti yang dilantik di bawah perintah mahkamah dah ahli keluarga terdekat untuk tujuan membenarnya untuk membuat bayaran pada Akaun anda atau untuk apa-apa tujuan lain berkaitan dengan pengurusan Akaun anda.

13.4 **Hak kami untuk mendedahkan**

Kami boleh, sebagai tambahan kepada apa-apa hak pendedahan dalam Terma dan Syarat Perbankan Umum (lihat **Bahagian B (Pernyataan Pematuhan Kawal Selia)**), mendedahkan apa-apa maklumat disediakan oleh atau berkaitan dengan anda:

- (a) kepada mana-mana peserta sebenar atau bakal peserta, sub-peserta, penerima serah hak, novasi atau penerima pindahan hak atau kewajipan kami di bawah sebarang urus niaga antara kami (atau mana-mana ejennya atau penasihat profesionalnya) dan mana-mana individu lain berhubung dengan urus niaga dan potensi urus niaga antara pihak; atau
- (b) kepada mana-mana agensi penarafan atau biro kredit, atau pembekal langsung atau tidak langsung perlindungan kredit (atau brokernya).

13.5 **Anda tidak boleh pindah**

Anda boleh serah hak, novasi, pindah milik atau sebaliknya menganggap hak anda dan / atau kewajipan di bawah Perjanjian tanpa memberi kami notis terdahulu dan mendapat kelulusan secara tulisan terdahulu.

13.6 **Hak kami untuk pindah milik**

Kami boleh serah hak, novasi, pindah milik atau menganggap sebaliknya semua atau mana-mana hak kami dan / atau kewajipan di bawah Perjanjian dengan sesiapa kami pilih dan anda bersetuju untuk tidak membantah jika kami lakukan ini. Jika kami pilih untuk menyerahkan hak atau memindah milik apa-apa hak dan kewajipan kami di bawah Perjanjian:

- (a) anda bersetuju kami tidak perlu memberitahu anda melainkan kami perlu di bawah undang-undang berkenaan; dan
- (b) kepada individu kami telah serah hak atau pindah milik Perjanjian boleh menggunakan hak kami di bawah Perjanjian.

13.7 **Kami mungkin perlukan sekuriti**

Sekuriti bermakna sebarang perjanjian atau pengaturan disediakan untuk menjamin kewajipan anda mungkin hutang kami. Sebagai contoh, ini boleh termasuk gadaai janji, gadaian, sandaran, lien atau serah hak sekuriti. Kami boleh bergantung kepada sekuriti yang disediakan jika anda melanggar Perjanjian dan jika kami perlu mendapatkan balik wang anda hutang kami. Kami boleh minta anda memberi kami sekuriti untuk Perkhidmatan tertentu.

Anda bersetuju bahawa tanpa menghubungi anda, kami boleh memberi maklumat tentang anda kepada sesiapa yang telah memberi kami sekuriti untuk apa-apa Perkhidmatan termasuk salinan Perjanjian, dan maklumat tentang Perjanjian dan anda, termasuk kedudukan kewangan anda.

13.8 **Maklumat proprietari kami masih kami punya**

Pemilikan dan semua Hak Harta Intelektual dalam Bahan Sistem, Perkhidmatan Straight2Bank atau laman web kami masih terletak hak kepada kami atau mana-mana pihak lain kami mempunyai kontrak. Anda mesti **tidak** mengubah, menyahkompil, jurutera balikan atau membuat salinan atau kerja terbitan mana-mana Perisian atau menggabungkan perisian pihak ketiga ke dalam Perisian tanpa kebenaran kami terdahulu. Apa-apa pengubahsuaian tersebut (sama ada diluluskan atau tidak diluluskan) akan masih harta kami atau pembekal perkhidmatan kami. Anda mesti tidak mengganggu apa-apa Bahan Sistem atau maklumat disimpan padanya atau pindah milik, saham atau sublesen Perisian atau apa-apa Bahan Sistem atau salinnya tanpa kebenaran bertulis terdahulu kami. Semua lesen untuk menggunakan apa-apa Perisian boleh batal, bukan eksklusif dan tidak boleh pindah milik dan tertakluk kepada pematuhan apa-apa terma lesen tambahan sepertimana kami boleh beritahu anda untuk Perisian tertentu disediakan. Jika Perisian subjek kepada lesen sumber terbuka, anda mesti menggunakannya mengikut terma lesen yang terpakai. Anda akan hanya menggunakan Perisian untuk tujuan yang kami sediakan kepada anda dan mesti tidak menggunakan dengan menggabungkan sistem lain jika ia bukan untuk tujuan menerima Perkhidmatan. Anda mesti tidak mengalihkan Perisian di luar negara di mana ia dipasang pada mulanya.

13.9 **Urusan dan kontrak elektronik diiktiraf**

Tertakluk kepada undang-undang berkenaan, Arahan, dokumen dan komunikasi yang: (a) ditandatangani dan disokong secara Sijil Digital atau Kunci Elektronik; atau (b) diterima melalui Saluran elektronik (termasuk klik lalu atau mana-mana bentuk lain pengesahan digital), telah dibenarkan oleh anda dan akan mempunyai kesan undang-undang sama, kesahan dan boleh dikuatkuasakan seolah-olah ditandatangani secara bertulis. Kami boleh bergantung pada penerimaan tersebut tanpa pertanyaan mengenai kuasa individu bertindak bagi pihak anda.

13.10 **Apa yang tidak dilindungi di bawah Perjanjian**

Akaun, Perkhidmatan dan Bahan Sistem disediakan berdasarkan 'seperti sedia ada' dan 'seperti tersedia' dan semua terma, syarat dan waranti, nyata atau tersirat oleh mana-mana undang-undang berkenaan berkaitan dengan Akaun, Perkhidmatan atau Bahan Sistem, termasuk kualiti, ketersediaan, keselamatan dan kesesuaian untuk tujuan, dilaksanakan setakat yang dibenarkan oleh mana-mana undang-undang berkenaan.

Sebagai contoh:

Oleh kerana Perkhidmatan dan sistem elektronik adalah tertakluk kepada gangguan, Perisian hasad dalam komputer atau peranti anda, dalang serangan atau kegagalan atas pelbagai alasan, capai ke dan penggunaan Perkhidmatan Straight2Bank ditawarkan berasaskan "sedia ada: dan "seperti terdapat".

13.11 **Hak kami jika anda hutang kami wang**

Kami mempunyai hak untuk menggunakan amaun kami hutang anda untuk membayar amaun anda hutang kami sepenuhnya atau sebahagiannya. Hak ini dipanggil "tolak *selesai*". Kami boleh tolak selesai sebarang kewajipan anda atau mana-mana Gabungan anda hutang

kepada kami atau sebarang kewajipan kami berhutang berhutang kepada anda di bawah Perjanjian atau sebarang amaun dalam sebarang Akaun anda simpan dengan kami. Kami boleh lakukan apa-apa sahaja untuk melaksanakan tolak selesai (termasuk membeza-bezakan tarikh pembayaran apa-apa amaun oleh kami dan membuat penukaran mata wang).

Untuk tujuan tolak selesai, satu tolak selesai, "kewajipan" termasuk kewajipan matang atau tidak matang, sebenar atau kontingen, sekarang atau masa hadapan. Jika amaun apa-apa kewajipan tersebut tidak ditentukan, kami boeh anggarkan amaun tujuan tolak selesai.

13.12 **Kewajipan cukai**

Setiap pihak bersetuju untuk memotong amaun untuk apa-apa Cukai yang diperlukan untuk dipotong daripada pembayaran kepada pihak lain, bayar Cukai kepada Pihak berkuasa berkenaan menurut mana-mana undang-undang berkenaan dan memberi resit asal kepada pihak lain.

Jika anda diperlukan untuk memotong apa-apa Cukai daripada pembayaran kepada kami, anda mesti tambah amaun boleh dibayar agar kami terima amaun kami akan terima jika tiada potongan Cukai diperlukan. Jika kami diperlukan untuk memotong apa-apa Cukai daripada pembayaran kepada anda, kami tidak perlu menambah amaun boleh dibayar.

13.13 **Pelantikan seseorang untuk menerima dokumen mahkamah bagi pihak anda**

Jika kami minta, kami mesti melantik ejen proses sebagai ejen anda untuk menerima apa-apa dokumen dalam tindakan mahkamah berhubung dengan Perjanjian dan memberitahu kami nama dan alamat ejen. Kami boleh melantik ejen proses untuk anda dan memberitahu anda sewajarnya jika anda gagal untuk melantik ejen tersebut dalam tempoh tujuh (7) Hari Perbankan daripada permintaan kami.

13.14 **Keimunan atau keutamaan tidak digunakan**

Anda mengenyahkan sebarang kedaulatan atau keimunan lain yang anda mungkin miliki dalam sebarang bidang kuasa daripada prosiding undang-undang, lampiran sebelum atau selepas penghakiman atau pelaksanaan penghakiman.

13.15 **Hak untuk mempelbagai**

Kami mempunyai hak untuk mengubah Perjanjian atau mana-mana Perkhidmatan atau Saluran atau Sumbangan Saluran pada bila-bila masa. Kami akan memberitahu anda perubahan tersebut dan tarikh berkuat kuasa perubahan tersebut. Kami boleh memilih untuk menghubungi anda dalam pelbagai cara, termasuk:

- (a) menulis kepada anda;
- (b) menghantar kepada anda e-mel atau sms; atau
- (c) meletakkan maklumat tentang apa-apa perubahan di cawangan kami atau pada laman web kami.

Contoh bila kami boleh laksanakan hak ini termasuk:

- disebabkan keperluan undang-undang atau kawal selia;
- untuk menggambarkan peningkatan kepada Perkhidmatan; atau
- untuk membolehkan perubahan munasabah yang perlu untuk tujuan perniagaan sah lain kami.

Jika anda tidak puas hati dengan perubahan, anda boleh menutup Akaun anda atau mengeluarkan daripada Perkhidmatan menurut Perjanjian.

PERHATIAN: Jika anda **tidak** tutup Akaun atau keluar daripada Perkhidmatan selepas tarikh dikuatkuasakan, kami akan anggap anda sebagai telah bersetuju dengan perubahan.

13.16 **Keseluruhan perjanjian dan tanpa bergantung**

Perjanjian ini menjelaskan pemahaman keseluruhan antara pihak tentang pengaturan Perkhidmatan dan menggantikan perjanjian sebelumnya antara pihak. Anda mengesahkan bahawa anda tidak bergantung pada apa-apa penerangan lisan atau bertulis atau waranti dibuat atau bermaksud dibuat, oleh kami atau bagi pihak kami.

Melainkan dipersetujui sebaliknya, Perjanjian Peringkat Perkhidmatan tidak mempunyai kesan undang-undang.

13.17 **Melaksanakan salinan Perjanjian berasingan**

Melainkan dinyatakan sebaliknya, apa-apa dokumen yang membentuk bahagian atau adalah lampiran kepada Perjanjian, boleh dilaksanakan dalam apa-apa bilangan kaunterpart, dan mempunyai kesan sama seolah-olah tandatangan pada kaunterpart adalah pada salinan tunggal dokumen berkenaan tersebut.

13.18 **Bila terma tertentu tidak boleh dikuat kuasa atau tidak lagi sah**

Jika mana-mana terma Perjanjian tidak dikuatkuasakan atau tidak lagi sah, ia akan dikecualikan dan tidak akan menjejaskan apa-apa terma lain dalam Perjanjian.

13.19 **Tidak melaksanakan hak kami di bawah Perjanjian ini**

Jika anda memilih untuk tidak melaksanakan hak di bawah Perjanjian ini, ini tidak akan menghentikan kami untuk melaksanakan hak ini atau hak lain kami miliki pada masa hadapan samada secara keseluruhannya atau sebahagian atau pada masa lain. Di mana kami pilih untuk melaksanakan hak, kami akan memberitahu anda secara bertulis.

13.20 **Apakah hak pihak ketiga di bawah Perjanjian ini?**

Ahli Kumpulan Standard Chartered mempunyai hak untuk menikmati dan menguat kuasa apa-apa manfaat di bawah Perjanjian. Melainkan kami nyata sebaliknya dalam Perjanjian, individu lain bukan pihak kepada Perjanjian tidak menikmati hak ini menguatkuasakan apa-apa manfaat di bawahnya. Kami tidak memerlukan kebenaran mana-mana individu bukan pihak kepada Perjanjian jika kami ingin pinda Perjanjian.

13.21 **Kami boleh rekod perbualan telefon kami**

Kami boleh merekod perbualan kami dengan anda dan menggunakan perbualan yang direkod atau transkrip dalam mana pertikaian berhubung dengan Akaun dan / atau Perkhidmatan.

13.22 **Terma bercanggah**

Perkhidmatan tertentu boleh dilindungi oleh terma dan syarat tambahan atau berasingan selain Terma dan Syarat Perbankan Umum. Jika terma dan syarat tambahan tersebut bercanggah dengan Terma dan Syarat Perbankan Umum ini, kami akan menentukan secara munasabah terma dan syarat mana digunakan dan memberitahu anda.

13.23 **Perlu maklumat lanjut atau maklum balas?**

Jika anda mempunyai apa-apa kebimbangan atau masalah, sila beritahu kami dan kami akan lakukan yang terbaik untuk menyelesaikan dengan segera. Anda boleh lakukan ini dengan berbincang dengan pengurus perhubungan anda.

14. TERMA NEGARA – MALAYSIA

14.1 **Umum**

Terma negara ini digunakan pada Perkhidmatan yang kami sediakan untuk anda di Malaysia.

14.2 **Apakah Undang-undang dan bidang kuasa yang melindungi hubungan kami?**

Perjanjian, Akaun anda dan hubungan perbankan anda dengan kami adalah tertakluk kepada Undang-undang Malaysia dan anda menerima bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah Malaysia melainkan dinyatakan sebaliknya dalam bahagian-bahagian lain Terma dan Syarat Perbankan Umum ini. Kami boleh mengambil tindakan penguatkuasaan dalam apa-apa bidang kuasa di mana anda melaksanakan urusan niaga anda atau mempunyai apa-apa aset.

14.3 **Bahasa manakah yang akan diguna pakai?**

Jika Perjanjian diterjemahkan ke dalam bahasa melainkan daripada Bahasa Inggeris dan terdapat perbezaan atau perselisihan di antara terjemahan dan versi Bahasa Inggeris, versi dalam bahasa yang anda pilih akan diguna pakai.

14.4 **Wang tak dituntut**

Mengikut peruntukan Akta Wang Tak Dituntut 1965, deposit dalam Akaun yang telah tidak aktif selama **tujuh (7)** tahun akan diwartakan sebagai "Wang tak Dituntut" dan akan diremitkan oleh kami kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut untuk dikreditkan ke dalam Akaun Amanah Disatukan yang disenggarakan oleh Kerajaan Malaysia.

14.5 **Akaun Dorman**

Untuk tujuan bagi bahagian ini:-

"**Risalah Tarif**" bermakna, untuk Perkhidmatan, satu dokumen (yang mana mungkin tidak dipanggil "risalah tariff") memaparkan beberapa fi dan kos yang mungkin dipakai untuk satu Perkhidmatan.

Jika tiada pengeluaran, deposit, pemindahan wang atau penggunaan laman Straight2Bank selain daripada debit terus atau penyusunan pembayaran berkala dibuat ke atas Akaun selama **dua belas (12)** bulan berturut-turut atau tempoh masa lain yang kami memberitahu anda, kami akan mengklasifikasikan Akaun tersebut sebagai dorman.

Jika baki daripada Akaun kami mengklasifikasikan sebagai dorman:-

- (a) jatuh dibawah had minimum yang dipaparkan dalam Risalah Tarif, kami boleh menutup Akaun dan mengguna sebarang baki kredit membayar fi akaun dorman yang dipaparkan dalam Risalah Tarif atau seperti yang diberitahu oleh kami;
- (b) diatas had minimum yang dipaparkan dalam risalah Tarif, kami boleh mendebit fi akaun dorman yang dipaparkan dalam Risalah Tarif atau seperti diberitahu oleh kami sehingga Akaun ditutup, selain daripada dilarang oleh undang-undang.

14.6 **Sijil Digital**

Apa-apa Sijil Digital yang dihasilkan untuk log masuk ke dalam aplikasi untuk menggunakan mana-mana Perkhidmatan tidak dan tidak boleh dianggap sebagai dikeluarkan oleh pihak berkuasa pemerakuan menurut Akta Tandatangan Digital 1997 ("**Akta**") atau apa-apa pindaan kepadanya atau apa-apa peruntukan yang terpakai di Malaysia. Kami tidak boleh ditafsirkan sebagai menjalankan, atau mengendalikan, sebagai suatu pihak berkuasa pemerakuan di bawah Akta. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana orang bagi apa-apa representasi atau salah nyata oleh mana-mana Pengguna dalam hal ini atau jika apa-apa Sijil Digital telah salah tanggap oleh sesiapa sebagai sijil yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa itu.

14.7 **Perkhidmatan JomPay**

Jika anda mengguna perkhidmatan JomPay, anda mengaku Terma-terma Pembayar Umum JomPay boleh didapati di laman web kami (<https://www.sc.com/global/av/my-iompay-standardpayer-terms-scbcorporateclients.pdf>).

14.8 **Deposit Masa**

Bagi tujuan penjelasan, rujukan deposit masa termasuk produk deposit pasaran wang, deposit tetap dan deposit jangka.

Deposit tetap kami layak untuk perlindungan dari Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

Untuk maklumat lanjut mengenai penyusunan faedah yang kena dibayar atas amoun yang dikeluarkan awal, anda boleh hubungi kami di satu daripada cawangan kami atau denan mengguna perbankan telefon atau pengurus perhubungan anda.

14.9 **Informasi Hubungan**

Sekiranya anda tidak berpuashati dengan Perkhidmatan kami dan ingin membuat aduan, anda boleh melaporkannya kepada kami. Anda boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai cara dan di mana boleh membuat aduan di mana-mana cawangan kami atau di laman web kami (www.sc.com/my).

14.10 **Perkhidmatan DuitNow**

Jika anda mengguna perkhidmatan DuitNow, dan/atau perkhidmatan lain berkenaan kepada, atau melibat National Addressing Database ("NAD"), anda mengakui dan bersetuju akan terikat oleh NAD masing-masing dan Terma dan Syarat DuitNow boleh didapati di laman web kami <https://av.sc.com/my/content/docs/my-Appendix-A-NAD-Terms-and-Conditions-05Nov2018-Final.pdf>, dan <https://av.sc.com/my/content/docs/my-DuitNow-Terms-and-Condition-5Nov2018-Final.pdf>

BAHAGIAN B – PERNYATAAN PEMATUHAN KAWAL SELIA

PENTING

Standard Chartered Bank diperlukan untuk mematuhi undang-undang dan keperluan kawal selia yang menentukan cara kami beroperasi dalam pelbagai negara.

Di bawah adalah Pernyataan Pematuhan Kawal Selia (**Pernyataan**) yang menerangkan keperluan kawal selia penting yang digunakan kepada perhubungan anda dengan Standard Chartered Bank dan sebarang produk atau perkhidmatan atau urus niaga yang dilaksanakan oleh kami kepada anda. Ini boleh juga tersedia pada tapak web kami (www.sc.com/en/rcs).

Pernyataan adalah untuk dibaca sebagai dokumen lengkap dan termasuk definisi khusus dengan Pernyataan.

1. PENDEDAHAN MAKLUMAT

Kumpulan ("kami", "kita" atau "kami") perlu untuk menggunakan dan berkongsi maklumat klien untuk beroperasi dengan berkesan termasuk berhubung dengan peruntukan produk dan perkhidmatan kami kepada anda dan untuk tujuan khidmat klien.

Kami akan menyimpan maklumat sulit yang disediakan oleh anda atau berhubung dengan anda, kecuali kami boleh dedahkan maklumat sedemikian (i) kepada mana-mana Ahli Bank; (ii) kepada mana-mana penasihat profesional Ahli Bank, insurser, broker insurans atau pembekal perkhidmatan untuk memudahkan operasi Kumpulan dan pembekal produk dan perkhidmatan ke seluruh negara berbilang (seperti operasi, pentadbiran, pemprosesan data dan pembekal perkhidmatan teknologi) yang di bawah kewajipan merahsiakan; atau (iii) seperti diperlukan oleh Undang-undang atau mana-mana Pihak kuasa.

"**Gabungan**" bermakna, berhubung dengan syarikat, apa-apa syarikat subsidiarinya, syarikat pemegang atau apa-apa syarikat subsidiari lain daripada apa-apa syarikat pemegang tersebut dan (di mana berkenaan) mana-mana wakil dan pejabat cawangan dalam apa-apa bidang kuasa.

"**Pihak kuasa**" bermakna, kerajaan, separa kerajaan, pentadbiran, kawal selia atau badan penyeliaan atau pihak kuasa atau mahkamah atau tribunal mempunyai bidang kuasa ke atas mana-mana Ahli Bank.

"**Ahli Bank**" bermakna Standard Chartered PLC atau mana-mana Gabungannya dan "**Kumpulan**" bermakna semua Ahli Bank.

"**Undang-undang**" bermakna mana-mana undang-undang, peraturan, aturan, arahan, perintah, permintaan, garis panduan, sekatan, embargo dan batasan perjanjian dengan mana-mana Pihak kuasa.

2. PRIVASI

Untuk mematuhi undang-undang berkenaan dan dalam perjalanan penyediaan produk dan perkhidmatan kepada anda, kami perlu untuk mengutip, menyimpan dan berkongsi Maklumat Peribadi Subjek Data anda.

Pernyataan Privasi Kami (<https://www.sc.com/en/privacy-policy.html>) menggariskan bagaimana Kumpulan memproses Maklumat Peribadi. Anda bersetuju untuk membuat Subjek Data anda sedar mengenai Pernyataan Privasi.

"**Subjek Data**" bermakna semua individu yang mana Maklumat Peribadi kami terima dalam perjalanan perhubungan perbankan kami dengan anda, termasuk pemilik benefisial langsung dan tidak langsung anda, pengarah, pegawai dan individu yang dibenarkan.

"**Maklumat Peribadi**" bermakna apa-apa maklumat berkaitan dengan Subjek Data.

3. PEMATUHAN DENGAN UNDANG-UNANG DAN PEMATUHAN JENYAH KEWANGAN

Kumpulan terikat untuk mematuhi Undang-undang (termasuk undang-undang pematuhan jenayah kewangan berkenaan dan peraturan seperti yang berkaitan dengan anti pengubahan wang haram dan rasuah) dalam semua bidang kuasa di mana Kumpulan beroperasi.

Oleh kerana keupayaan Kumpulan untuk mematuhi undang-undang secara langsung dikaitkan dengan kelakuan pelanggan kami, kami perlukan anda untuk mematuhi semua Undang-undang berkenaan, dan menjalankan perniagaan anda dengan cara yang tidak meletakkan diri anda atau Kumpulan melanggar semua Undang-undang berkenaan.

Jika anda sedar tentang mana-mana pelanggaran, atau mana-mana tindakan, penyiasatan atau prosiding yang dibawa terhadap anda atau syarikat subsidiari anda berhubung dengan mana-mana pelanggaran mana-mana undang-undang berkenaan berhubung dengan pembekalan produk dan perkhidmatan kepada anda atau hal-hal yang diterangkan dalam Pernyataan ini, anda akan memberitahu kepada kami dengan segera (melainkan dilarang oleh Undang-undang untuk berbuat demikian).

4. SEKATAN

Kumpulan bertanggungjawab untuk mematuhi Undang-undang isbat termasuk yang dari Amerika Syarikat, United Kingdom, Kesatuan Eropah atau mana-mana negara anggotanya ("**Isbat**"). Mana-mana pelanggaran Isbat boleh memberi kesan serius kepada reputasi, francais, hubungan pengawalseliaan kami dan boleh menjejaskan keupayaan Kumpulan untuk menyediakan produk dan perkhidmatan kepada dan menjalankan urus niaga dengan pelanggan.

Oleh kerana keupayaan Kumpulan untuk mematuhi Sekatan dikaitkan secara langsung dengan tingkah laku klien kami, anda mengesahkan dan memastikan bahawa (i) anda dan syarikat subsidiari anda bukan sasaran atau subjek Sekatan; dan (ii) tiada produk, perkhidmatan atau urus niaga (atau prosid yang sama) melibatkan Ahli Bank telah atau akan digunakan untuk manfaat mana-mana individu yang merupakan sasaran atau subjek Sekatan dalam apa cara pun yang akan mengakibat anda atau mana-mana syarikat subsidiari anda atau mana-mana Ahli Bank sedang melanggar Sekatan berkenaan atau menjadi sasaran atau subjek Sekatan. Kami mempunyai hak untuk tidak menyediakan apa-apa produk atau perkhidmatan atau memproses apa-apa urus niaga jika dengan berbuat demikian ia boleh menyebabkan kami untuk melanggar dasar Sekatan Kumpulan.

5. PEMATUHAN MAKLUMAT CUKAI

Kumpulan mempunyai kewajipan di bawah Undang-undang pelaporan maklumat pelbagai cukai (seperti Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing) untuk mengumpul maklumat daripada pelanggan kami, melapor maklumat kepada Pihak berkuasa dan menahan cukai daripada pembayaran kepada pelanggan dalam keadaan tertentu.

Kami mungkin memerlukan anda atau Subjek Data anda untuk menyediakan dokumen dan maklumat untuk tujuan menubuhkan status cukai anda dan Subjek Data anda. Anda akan memberitahu kami dengan segera mengenai apa-apa perubahan kepada dokumen tersebut dan maklumat atau perubahan dalam keadaan yang mungkin menunjukkan perubahan dalam status cukai atau Subjek Data anda.

Jika anda atau Data Subjek anda tidak menyediakan dokumen atau maklumat apabila kami minta, kami boleh membuat keputusan kami sendiri tentang status cukai anda dan menganggap anda sewajarnya.

Kami mungkin diperlu untuk menahan cukai daripada pembayaran dibuat kepada anda untuk pengiriman seterusnya kepada Pihak berkuasa berkenaan.

6. KLASIFIKASI KLIEN

Dari masa ke masa, kami boleh meminta dan mendapat maklumat daripada anda dan / atau pihak ketiga atau sumber awam, untuk menentukan klasifikasi kawal selia anda (atau dana yang anda uruskan) di bawah Undang-undang berkenaan. Klasifikasi ini akan diberitahu kepada anda dan digunakan oleh kami untuk mematuhi kewajipan kami termasuk pelaporan, urusan perniagaan, margin dan kolateral dan keperluan lain di bawah Undang-undang berkenaan.

Anda akan memaklumkan kami dengan segera dan dalam apa jua keadaan sebelum mengikat urusan niaga dengan kami jika apa-apa klasifikasi kawal selia yang kami telah maklumkan anda sebelum ini atau maklumat (termasuk butiran hubungan) yang kami miliki tentang anda dan / atau dana yang anda uruskan diketahui oleh anda adalah tidak tepat atau tidak lengkap. Melainkan kami menerima pemberitahuan sebaliknya, anda akan dianggap untuk telah (i) mengesahkan klasifikasi kawal selia tersebut dan maklumat yang kami miliki tentang anda / atau dana yang anda uruskan adalah lengkap dan tepat; dan (ii) bersetuju dan mengizinkan pelaporan Kumpulan urusan niaga terbitan anda dengan kami kepada mana-mana Pihak kuasa (termasuk repositori perdagangan).

7. PERUNTUKAN MAKLUMAT

Anda bersetuju untuk (atau akan mendapatkan Gabungan anda dan Subjek Data) menyediakan dokumen dan maklumat tersebut sepertimana kami boleh minta dengan munasabah berhubung dengan hal-hal dilindungi Pernyataan ini. Anda akan memberitahu kami dengan segera semua perubahan kepada dokumen dan maklumat yang disediakan agar ia dikemas kini, tepat dan lengkap.

8. TIADA PELANGGARAN

Kami tidak diwajibkan untuk melakukan sesuatu atau untuk meninggalkan untuk melakukan sesuatu jika dengan melakukannya ia akan atau mungkin menyebabkan kami melanggar mana-mana undang-undang berkenaan.

9. PENAMATAN DAN PENGGANTUNGAN

Kami boleh menggantung urusan niaga atau perkhidmatan atau menamatkan urusan niaga, perkhidmatan atau perhubungan kami dengan anda jika (i) anda melanggar mana-mana undang-undang berkenaan atau hal-hal yang diterangkan dalam Pernyataan ini atau (ii) dengan melaksanakan urusan niaga, menyediakan perkhidmatan atau meneruskan perhubungan kami dengan anda, ia akan menyebabkan kami untuk melanggar mana-mana undang-undang berkenaan.

10. DOKUMEN PRODUK

Pernyataan ini akan membentuk sebahagian daripada apa-apa dokumentasi khusus menentukan produk, perkhidmatan atau urusan niaga yang anda miliki atau boleh mengikat dengan kami ("**Dokumen Produk**").

Terma berkenaan Dokumen Produk akan mengatasi setakat ia adalah sebagai tambahan atau tidak konsisten dengan Pernyataan.

11. MAKLUMAT PENGAWALSELIAAN DALAM LAMAN WEB KAMI DAN KEMAS KINI

Anda bersetuju menerima Penyata ini dan sebarang maklumat lain yang berkenaan dengan anda dengan secara surat, e-mel, atau laman web kami (tanpa mengira maklumat tersebut dialamatkan kepada anda secara peribadi). Sila membaca maklumat ini dengan berhati-hati. Jika anda ada sebarang soalan, kami mengesyorkan anda mendapat nasihat undang-undang dan/atau nasihat kewangan bebas.

Versi terkini Penyata ini (termasuk terjemahan) tersedia ada di laman web kami (www.sc.com/en/rcs/). Kami juga boleh memberi maklumat pengawalseliaan lain yang penting berkenaan dengan Penyata ini dalam laman web kami atau dalam laman web lain yang diberitahu oleh kami.

Di mana anda ada perhubungan Pasaran Kewangan dengan Kumpulan, maklumat mengenai piawaian pengawalseliaan yang kami perlu patuhi dan bagaimana ini ada kemungkinan untuk melibatkan atau mempengaruhi urusan anda boleh dijumpai di laman web kami (www.sc.com/rcs/fm).

Kami berhak meminda Penyata ini dan sebarang maklumat pengawalseliaan lain yang penting yang diberi kepada anda dalam laman web kami. Kami mengesyorkan anda mengaji semula laman web kami dengan kerap kerana ia mungkin dikemas kini dari masa ke masa. Kemas kini akan dipakai untuk perhubungan kami dengan bergerak maju dan secara automatik.

BAHAGIAN C – PERKHIDMATAN PERDAGANGAN

1. PRODUK DAN PERKHIDMATAN APAKAH DIRANGKUMI DI BAWAH BAHAGIAN C INI?

1.1 Perkhidmatan Perdagangan – apa maknanya ini?

Kami menawarkan pelbagai jenis Perkhidmatan Perdagangan seperti dinyatakan dalam “Mengena Terma dan Syarat Perbankan Umum” dalam bahagian “*Produt dan perkhidmatan apa diliputi oleh buku kecil ini? – Perkhidmatan Perdagangan*” berdasarkan tidak terikat dan budi bicara, sama ada anda pembeli atau penjual barangan dan perkhidmatan.

1.2 Akan adakah sebarang dokumentasi lain yang diberikan kepada anda atau diminta daripada anda?

Dokumentasi berikut mungkin berkenaan dengan Perkhidmatan Perdagangan, termasuk:

- (a) **Dokumentasi Pinjaman:** Untuk Perkhidmatan Perdagangan tertentu, anda mungkin diperlukan untuk bersetuju dengan peruntukan tertentu di bawah **Bahagian D (Perkhidmatan Beri Pinjaman)**. Kami boleh mengeluarkan surat kemudahan yang akan menerangkan setiap perkhidmatan perdagangan kami tawarkan kepada anda dan / atau maklumat penting tentang tenor, kadar faedah, yuran kami akan cajkan dan banyak lagi;
- (b) **Instrumen Pembayaran Perdagangan:** Instrumen Pembayaran Perdagangan berasingan yang mengandungi kewajipan tidak boleh batal dan bebas kami boleh dikeluarkan berhubung dengan Perkhidmatan Perdagangan;
- (c) **Terma perdagangan industri:** Untuk Perkhidmatan Perdagangan tertentu, terma perdagangan standard telah diterbitkan oleh badan industri boleh digunakan kepada perhubungan kami dengan anda. Sebagai contoh, UCP (seperti diterangkan di bawah) seperti diterbitkan oleh International Chamber of Commerce (**ICC**) akan digunakan kepada Perkhidmatan Perdagangan melibatkan surat kredit. Kami akan memberitahu anda bila terma perdagangan ini digunakan;
- (d) **Borang / Makluman:** Borang permohonan perdagangan urus niaga dan borang persediaan mungkin perlu dikemukakan untuk Perkhidmatan Perdagangan. Kami boleh juga menghantar kepada anda penyata menerangkan yuran, caj, komisen, amaun penggunaan mana-mana Perkhidmatan Perdagangan berkenaan dan tarikh mana pembayaran perlu dibayar. Borang dan makluman tersebut membentuk bahagian terma dan syarat Perkhidmatan Perdagangan kami terikat ke atas anda; dan

PENTING

Borang permohonan perdagangan boleh merujuk kepada “*Terma Perdagangan Umum*” dan / atau “*Tambahan Perkhidmatan Perdagangan*”. Rujukan ini akan ditafsir seperti berikut:

- (1) di mana borang permohonan perdagangan membuat rujukan kepada “*Terma Perdagangan Umum*”, ini merujuk kepada seksyen di bawah dalam Bahagian ini - “*Terma Perdagangan Umum*”, dan
- (2) di mana borang permohonan perdagangan membuat rujukan kepada “*Tambahan Perkhidmatan Perdagangan*” khusus, kami telah mengenal pasti seksyen mana **Bahagian C (Perkhidmatan Perdagangan)** ini akan membentuk “*Tambahan Perkhidmatan Perdagangan*” berkenaan di bawah borang permohonan perdagangan tersebut.

- (e) **Dokumen perdagangan mendasari:** Jika kami meminta, anda mesti sediakan kepada kami yang asal atau salinan apa-apa dokumen berkaitan dengan urus niaga perkhidmatan mendasari.

1.3 Definisi berkenaan Perkhidmatan Perdagangan

Terma ini ditakrifkan atau digunakan dalam terma perdagangan industri berlainan (sebagai contoh UCP) dan perkataan dan ungkapa berkenaan akan mempunyai makna sama apabila digunakan dalam **Bahagian (Perkhidmatan Perdagangan)** ini.

PERHATIAN: Melainkan ditetapkan sebaliknya, definisi seperti diterbitkan di bawah terma perkhidmatan perdagangan industri berkenaan akan sentiasa mengatasi ke atas penerangan asas yang disediakan dalam **Bahagian C (Perkhidmatan Perdagangan)** ini.

2. PERKHIDMATAN PERDAGANGAN APAKAH YANG TERSEDIA KEPADA ANDA SEBAGAI PEMBELI?

2.1 Surat Kredit (LC)

Apakah itu surat kredit?

Satu aku janji bertulis tidak boleh batal diberi oleh *bank pengeluar* atas arahan *pemohon*, yang mana *bank pengeluar* mengaku janji untuk membuat pembayaran kepada *benefisiari* sehingga amaun ditentukan dalam masa ditetapkan terhadap dokumen dinyatakan dan sediakan terma dan syarat surat kredit dipatuhi.

LC boleh jadi boleh dibayar bila *pematuhan penyerahan* dibuat (**LC Tampak**) atau perlu dibayar pada tarikh *mematangkan* selepas tempoh persetujuan sebelumnya telah berlalu (**ULC Usans**).

- (a) **Pengeluaran Surat Kredit:** Kami boleh mengeluarkan LC tertakluk kepada:
 - (i) seksyen di bawah dalam bahagian ini – “*Terma Perdagangan Umum*”;
 - (ii) UCP; dan

Peraturan mana akan digunakan?

LC boleh jadi merentas sempadan atau domestik. Di mana LC bersifat merentas sempadan, ia akan menggabungkan UCP. Di mana LC bersifat domestik, ia akan menggabungkan peraturan tempatan sebagai ganti.

- (iii) LC boleh juga tertakluk kepada Uniform Rules for Bank-to-Bank Reimbursements under Documentary Credits diterbitkan oleh ICC (CC Publication No. 725) (**URR**) dan apabila ia gunakan, kami akan rujukkan ini di bawah LC.

TAMBAHAN PERKHIDMATAN PERKHIDMATAN – PENGELUARAN LC / LC SANDAR MENYANDAR

- (1) **Memaklumkan dan ketersediaan:** Oleh kerana LC adalah Instrumen Pembayaran Perdagangan, kami mempunyai hak untuk memaklumkan dan /atau menyekat ketersediaan untuk membayar atau merunding LC kepada individu kami tetapkan. Walaupun jika anda nyatakan sebaliknya dalam borang permohonan kami;
- (2) **Membayar dan rundingan:** Kami akan membayar (untuk akaun anda) semua penyerahan mematuhi dan jika begitu anda akan membayar ganti kepada kami seperti diterangkan di bawah terma berkenaan dengan pengeluaran Instrumen Pembayaran Perdagangan. Selaras dengan sifat bebas Instrumen Pembayaran Perdagangan kami boleh tolak dokumen Bercanggah di bawah LC, walaupun jika anda memberi Arahan kepada kami untuk mengeneppikan semua perselisihan;

Membayar atau Rundingan - apa maknanya ini?

Secara komersial, ketika ini kami boleh "diskaun" dokumen atau draf atas nama penjual anda.

Dokumen bercanggah –apa maknanya ini?

Kami boleh menolak untuk membayar penyerahan atau permintaan di bawah Instrumen Pembayaran Perdagangan jika dokumen atau permintaan tersebut tidak mematuhi terma Instrumen Pembayaran Perdagangan. Oleh kerana kewajipan adalah bebas, kami boleh menolak walaupun anda menerima atau mengarah sebaliknya.

- (3) **Dokumen dan lesen:** Anda mesti memastikan sebarang barangan di bawah LC dibenarkan untuk diimport dalam negara berkenaan. Jika kami minta, anda mesti sediakan kami dengan lesen import asal atau dokumen setara pada masa permohonan anda.
- (4) **Pindaan dan variasi:** Terma dalam seksyen ini akan ditawarkan kepada semua tawaran, pembaharuan, pindaan, pengubahsuaian, penggantian atau variasi LC; dan
- (5) **Membantu anda sebagai "orang tengah" dalam urus niaga perdagangan:** Kami boleh keluarkan LC Sandar-menyandar untuk membantu anda sebagai "orang tengah" membolehkan anda untuk menggunakan LC pembeli akhir anda untuk membantu dalam membuat pembayaran kepada pembekal anda dan boleh membantu anda menguruskan aliran tunai anda.

Peruntukan tambahan berikut digunakan:

- (a) **Bentuk LC Sandar-Menyandar:** Kami tidak perlu memastikan bahawa LC Sandar-menyandar mengandungi terma dan syarat yang sepadan atau serasi dengan kredit induk. Kami tidak perlu memberitahu anda mengenai apa-apa tidak padan atau ketidakserasian.
- (b) **Pindaan ke kredit induk:** Di mana kredit induk tidak dimaklumkan oleh kami, anda mesti memberitahu kami dengan segera sebarang pindaan dicadangkan untuk dibuat kepada kredit induk. Anda hendak tidak bersetuju dengan atau menolak apa-apa pindaan kepada kredit induk tanpa kebenaran kami. Apa-apa pindaan kepada kredit hamba. akan memerlukan kebenaran kami dan akan hanya berkuat kuasa selepas kami menerima kebenaran daripada pihak berkenaan kepada kredit hamba;

Apakah itu kredit induk dan kredit hamba?

Kredit induk merujuk kepada pengaturan kredit asal kami gunakan untuk menyokong pengeluaran LC (kredit hamba) untuk akaun anda atas nama pembekal anda.

- (c) **INCOTERMS CIF:** Di mana panggilan kredit induk dan kredit hamba untuk penggunaan Kos, Insurans dan trema Tambang Muatan (**CIF**) menurut Incoterms © 2010, kami boleh, dalam kredit hamba, menetapkan, nilai diinsurans tambah peratus lebih tinggi wajar untuk sepadankan nilai diinsurans tambah peratusan diperlukan oleh kredit induk, untuk mengelak kredit induk insurans terkurang;

Apakah itu INCOTERMS CIF?

Incoterms © 2010 merujuk kepada penerbitan ICC menerangkan set peraturan untuk penggunaan terma perdagangan domestik dan antarabangsa. "**CIF**" bermakna Kos, Insurans, Freight didefinisikan selanjutnya dalam Incoterms 2010.

- (d) **Penyerahan:** Selepas dokumen diserahkan di bawah kredit hamba, anda mesti atas permintaan kami menyerahkan kepada kami draf, invoice dan sebarang dokumen lain yang diperlukan untuk memudahkan penyerahan mematuhi di bawah kredit induk;
- (e) **Memudahkan LC Sandar-Menyandar:** Kami boleh:
 - (i) mengekalkan pemilihan sebarang dokumen diserahkan di bawah kredit hamba;
 - (ii) ambil apa-apa tindakan termasuk menyerahkan dokumen untuk memperoleh pembayaran di bawah kredit induk;
 - (iii) membayar atau merunding kredit induk; dan
 - (iv) menggunakan prosid sebarang pengeluaran di bawah kredit induk untuk membayar pengeluaran sepadan di bawah kredit hamba. Ini tanpa mengira sebarang perselisihan dalam sebarang dokumen diserahkan di bawah kredit hamba; dan
- (f) **Tiada penyerahan hak prosid:** Anda mesti tidak, tanpa kebenaran bertulis terdahulu kami, menyerahkan hak sebarang prosid kredit kepada mana-mana individu.

TERMA BERI PINJAMAN DAN SYARAT DIGUNAKAN: Di mana kami beri anda kemudahan di atas, kami akan terangkan terma berkenaan seperti penentuan harga dan tenor pembiayaan maksimum dalam surat kemudahan kepada anda dari masa ke masa. Terma Beri Pinjaman Berkenaan akan digunakan kepada kemudahan ini (lihat seksyen di bawah bahagian ini - "**Terma beri pinjaman berkenaan**").

2.2 Bagaimana kalau anda perlu lebih masa untuk membayar ganti kepada kami di bawah LC atau berdagang berdasarkan akaun terbuka (iaitu tanpa LC)?

TAMBAHAN PERKHIDMATAN PERKHIDMATAN - PEMBIAYAAN IMPORT

- (1) **Pinjaman terhadap resit amanah:** Kami boleh menyediakan anda dengan pembiayaan perdagangan untuk kewajipan pembayaran ganti di bawah LC sebagai pertukaran untuk sandaran berkesan dan resit amanah yang dicipta atas nama kami. Terma diterangkan dalam seksyen di bawah bahagian ini – "**Terma Perdagangan Umum – Jenis sekuriti apa akan kami perlukan?**";
- (2) **Pinjaman Import:** Di mana sandaran tidak dapat dicipta, kami boleh sediakan pinjaman import di mana kami telah proses dokumen komersial atau pengangkutan di bawah LC atau sediakan kutipan menggabungkan URC 522;

- (3) **Pembiayaan Invois Import:** Apabila anda berdagang berdasarkan akaun terbuka, kami boleh menawarkan kepada anda pinjaman pembiayaan import seperti dibuktikan oleh invois anda. Kami mempunyai hak untuk memeriksa invois asal dan memindah dokumen apabila diperlukan.
- (4) **Pinjaman Tambang Muatan:** Di mana kami membiayai import anda, kami boleh menyediakan pembiayaan untuk pembayaran tambang muatan

TERMA BERI PINJAMAN DAN SYARAT DIGUNAKAN: Di mana kami beri anda kemudahan di atas, kami akan terangkan terma berkenaan seperti penentuan harga dan tenor pembiayaan maksimum dalam surat kemudahan kepada anda dari masa ke masa. Terma Beri Pinjaman Berkenaan akan digunakan kepada kemudahan ini (lihat seksyen di bawah bahagian ini – “*Terma beri pinjaman berkenaan*”).

2.3 Bagaimana kalau barangan perlu dilepaskan tanpa bil muatan?

Di mana Pembawa anda berurusan jaminan perkapalan atau indemnit (Jaminan Perkapalan), kami boleh keluarkan Jaminan Perkapalan untuk memudahkan pelepasan oleh pembawa tersebut bagi apa-apa barangan atau pengeluaran set pendua bil muatan asal.

Peruntukan tambahan berikut digunakan:

Pengeluaran Jaminan Perkapalan: Setiap Jaminan Perkapalan dikeluarkan tertakluk kepada seksyen di bawah bahagian ini – “*Terma Perdagangan Umum*”; dan

TAMBAHAN PERKHIDMATAN PERDAGANGAN – JAMINAN PERKAPALAN

- (1) **Pembawa:** Bila kami merujuk kepada “*Pembawa*”, kami merujuk kepada mana-mana: (i) pemilik kapal layar atau kenderaan; (ii) penghantar; atau (iii) pencarter, termasuk ejen mereka, wakil atau mana-mana individu bertujuan untuk bertindak bagi pihak mereka;
- (2) **Bentuk Jaminan Perkapalan:** Kami akan hanya menandatangani borang Jaminan Perkapalan berkenaan yang diperlukan oleh Pembawa berkenaan jika ia dalam bentuk boleh diterima kepada kami;
- (3) **Pelepasan daripada kewajipan di bawah Jaminan Perkapalan:** Anda mesti pastikan bahawa Pembawa melepaskan kami dari kewajipan di bawah Jaminan Perkapalan dalam cara yang memuaskan kami;
- (4) **Penerimaan perselisihan:** Atas pengeluaran Jaminan Perkapalan, anda mesti menerima semua dokumen import dan dokumen lain berkaitan dengan barangan berkenaan tanpa menghiraukan sebarang perselisihan atau yang menyimpang daripada kebiasaan;
- (5) **Penepian perselisihan:** Anda mesti mengeneppikan semua perselisihan atau yang menyimpang daripada kebiasaan di bawah LC berkaitan. Ini termasuk kes di mana perselisihan tidak diberitahu, dokumen diperlukan tidak diserahkan dan / atau LC telah tamat tempoh; dan
- (6) **Pematuhan terma LC dan / atau terma Kutipan:** Anda mesti mematuhi terma mana-mana LC, draf / bil pertukaran dan / atau apa-apa akujanji lain untuk membayar tanpa mengira apa-apa pertikaian dengan penjual anda atau mana-mana pihak ketiga.

TERMA BERI PINJAMAN DAN SYARAT DIGUNAKAN: Di mana kami beri anda kemudahan di atas, kami akan terangkan terma berkenaan seperti penentuan harga dan tenor pembiayaan maksimum dalam surat kemudahan kepada anda dari masa ke masa. Terma Beri Pinjaman Berkenaan akan digunakan kepada kemudahan ini (lihat seksyen di bawah bahagian ini – “*Terma beri pinjaman berkenaan*”).

3. PERKHIDMATAN PERDAGANGAN APAKAH YANG TERSEDIA KEPADA ANDA SEBAGAI PENJUAL?

TAMBAHAN PERKHIDMATAN PERKHIDMATAN - PEMBIAYAAN EKSPORT

(1) Bagaimana kalau anda perlu pembiayaan sebelum anda bersedia untuk menghantar?

Kami boleh menawarkan pembiayaan penghantaran terdahulu, akan menyediakan anda dengan dana untuk melaksanakan apa-apa aktiviti penyumberan, pengilangan atau penukaran yang diperlukan untuk menghantar barangan akhir kepada pembeli anda.

Peruntukan berikut digunakan:

- (a) **Dokumen sokongan:** anda mesti serahkan kepada kami surat kredit asal, pesanan pembelian disahkan yang asal atau salinan dan sebarang dokumen lain kami boleh minta sebagai bukti pembelian barangan atau perkhidmatan;
- (b) **Pembayaran kepada pembekal anda:** Kami boleh bayar sebarang prosid daripada sebarang pembiayaan pra-penghantaran secara langsung kepada pembekal anda; dan
- (c) **Penukaran kepada pembiayaan pasca penghantaran:** kami boleh tukar sebarang pembiayaan pra-pembiayaan kepada pembiayaan pasca-penghantaran. Ini biasanya akan berlaku selepas LC berkenaan membuktikan pembelian telah dikeluarkan dan kami telah menerima dokumen diperlukan untuk diserahkan di bawah LC. Di mana kami tidak tukar ini kepada pembiayaan pasca-penghantaran, anda akan diperlukan untuk membayar kami semua amaun perlu dibayar pada akhir tenor pembiayaan pra-penghantaran.

TERMA BERI PINJAMAN DAN SYARAT DIGUNAKAN: Di mana kami beri anda kemudahan di atas, kami akan terangkan terma berkenaan seperti penentuan harga dan tenor pembiayaan maksimum dalam surat kemudahan kepada anda dari masa ke masa. Terma Beri Pinjaman Berkenaan akan digunakan kepada kemudahan ini (lihat seksyen di bawah bahagian ini – “*Terma beri pinjaman berkenaan*”).

(2) Perkhidmatan Penyerahan di bawah UCP

Kami boleh menyediakan perkhidmatan penyerahan untuk LC seperti ditentukan oleh UCP.

Peruntukan berikut digunakan:

- (a) **Penyerahan di bawah LC:** Di mana kami bertindak sebagai *penyerah*, sila ambil perhatian bahawa penafian tertentu diterangkan dalam UCP digunakan untuk melindungi bank. Penafian ini boleh dipercayai oleh kami dari masa ke masa; dan
- (b) **Pemeriksaan:** *Pemeriksaan* dokumen diserahkan di bawah LC merupakan tugas kompleks dan teknikal. Kami tidak diwajibkan untuk *memeriksa* sebarang dokumen diserahkan. Jika kami buat *pemeriksaan* apa-apa dokumen dan memberitahu anda apa-apa perselisihan, kami berbuat demikian tanpa apa-apa liabiliti pada bahagian kami melainkan dinyatakan sebaliknya.

(3) Bagaimana kalau anda perlu lebih daripada perkhidmatan penyerahan di bawah LC?

Bergantung pada peranan yang kami main di bawah LC, kami boleh sediakan pelbagai jenis Perkhidmatan, termasuk keupayaan untuk mengesah, membayar atau merunding dokumen diserahkan di bawah LC.

Kami sediakan Perkhidmatan ini untuk LC seperti ditentukan oleh UCP.

- (a) **Merunding, membayar dahulu atau membeli:** Jika anda tidak memerlukan keselesaan pengesahan tambahan, kami boleh sebagai bank dilantik, merunding, membayar dahulu, membeli atau membuat aku janji pembayaran tertunda pada LC (atas penerimaan penyerahan mematuhi di kaunter kami). Melainkan kami bersetuju sebaliknya (atau kami telah sahkan LC dikeluarkan atas nama anda), apa-apa rundingan, pembayaran terdahulu, pembelian atau atau menanggung aku janji pembayaran terdahulu adalah dengan rekursa sepenuhnya kepada anda dalam semua keadaan.

Apakah maknanya “rekursa sepenuhnya kepada anda dalam semua keadaan?”

Ini bermakna bahawa jika kami telah membayar anda sebarang hasil, di bawah rundingan, pembayaran terdahulu, pembelian atau menanggung sebarang akujanji pembayaran tertunda, kami adalah layak untuk menuntut daripada anda, pembayaran untuk apa-apa kekurangan (walaupun jika setara dengan amaun sepenuhnya) dalam sebarang amaun perlu dibayar daripada bank pengeluar. Sebagai contoh, kami boleh menuntut untuk apa-apa Kerugian yang telah timbul daripada peristiwa kerana bank dihalang atau disekat daripada menukar amaun (sepenuhnya atau sebahagiannya) daripada satu mata wang ke dalam mata wang lain yang boleh ditukar sepenuhnya.

TERMA BERI PINJAMAN DAN SYARAT DIGUNAKAN: Terma Beri Pinjaman Berkenaan akan digunakan kepada kemudahan ini (lihat seksen di bawah bahagian ini - “Terma beri pinjaman berkenaan”).

- (b) **Perundingan, Pembayaran dahulu atau Pembelian dalam mata wang berlainan:** Di mana kami telah

(i) sahkan LC yang dikeluarkan; atau

(ii) merunding, membayar dahulu atau memberli dokumen yang diserahkan di bawah LC berdasarkan tanpa rekursa,

dan kami telah bersetuju untuk menyediakan apa-apa perundingan, pembayaran terdahulu atau pembelian dalam mata wang (sebagai contoh Dolar Amerika Syarikat – USD) yang berbeza daripada mata wang yang mana LC disebutkan (sebagai contoh Yuan China – CNY), kami akan mempunyai:

(A) rekursa kepada anda untuk amaun prinsipal (termasuk faedah) dalam mata wang yang mana kami telah rundingkan, bayar dahulu atau beli (cth. USD); dan

(B) untuk apa-apa kerugian yang timbul daripada apa-apa peristiwa di mana kami dihalang atau disekat dalam apa-apa cara daripada menukar apa-apa amaun diterima (sepenuhnya atau sebahagiannya), disebutkan dalam mata wang yang mana LC disebutkan (cth. CNY), ke dalam mata wang lain yang boleh ditukar sepenuhnya (cth. USD) (seperti ditentukan oleh kami);

(4) Perkhidmatan Kutipan di bawah URC

Kami boleh sediakan perkhidmatan kutipan di URC 522.

Peruntukan tambahan berikut digunakan:

- (a) **Pengendalian kutipan:** Di mana kami bertindak sebagai bank pengirim, sila ambil perhatian bahawa penafian tertentu diterangkan dalam UCP digunakan untuk melindungi bank. Penafian ini boleh dipercayai oleh kami dari masa ke masa;
- (b) **Pemeriksaan untuk ketepatan:** Di mana kami menjalankan kutipan atas arahan anda, kami tidak diwajibkan untuk memeriksa apa-apa dokumen diserahkan. Jika kami semak apa-apa dokumen dan memberitahu anda tentang apa-apa perselisihan, kami berbuat demikian tanpa apa-apa liabiliti pada bahagian kami melainkan dinyatakan sebaliknya; dan
- (c) **Waktu pembayaran:** Jika bayaran tidak diterima daripada penerima berkenaan dalam enam puluh (60) hari selepas kami terima dokumen pertama daripada anda, kami dilepaskan daripada semua kewajipan selanjutnya di bawah kutipan. Kami akan cuba memanggil dokumen daripada bank pengumpul atau bank penyerah dan kembalinya kepada anda secepat mungkin.

(5) Bagaimana kalau anda perlu pembiayaan perdagangan berdasarkan terma kredit yang anda telah sediakan kepada pembeli?

Di mana anda perlukan pembiayaan perdagangan untuk merangkumi tempoh ini, kami boleh sediakan anda dengan pembiayaan terhadap bil eksport.

Peruntukan tambahan berikut digunakan:

- (a) **Pembiayaan bil eksport diterima oleh pembeli:** Kami boleh sediakan pembiayaan perdagangan di mana arahan kutipan menyatakan dokumen komersial dilepaskan terhadap penerimaan (iaitu Dokumen Terhadap Penerimaan (D/A));
- (b) **Pembiayaan bil eksport diendors oleh bank boleh diterima:** Kami boleh disediakan pembiayaan perdagangan di mana kutipan adalah pada terma D/A dan telah diendorskan oleh bank boleh terima; dan
- (c) **Bantuan selanjutnya:** Anda bersetuju bahawa anda akan mengatur apa-apa bil pertukaran untuk diendorskan atas nama atau kepada perintah kami atas permintaan kami.

TERMA BERI PINJAMAN DAN SYARAT DIGUNAKAN: Di mana kami beri anda kemudahan di atas, kami akan terangkan terma berkenaan seperti penentuan harga dan tenor pembiayaan maksimum dalam surat kemudahan kepada anda dari masa ke masa. Terma Beri Pinjaman Berkenaan akan digunakan kepada kemudahan ini (lihat seksyen di bawah bahagian ini – “Terma beri pinjaman berkenaan”).

(6) Bagaimana kalau anda berdagang berdasarkan akaun terbuka (iaitu tanpa LC)?

Pembiayaan Invois Eksport: Apabila anda berdagang berdasarkan akaun terbuka, kami boleh menawarkan kepada anda pinjaman pembiayaan eksport seperti dibuktikan oleh invois anda. Kami mempunyai hak untuk memeriksa invois asal dan memindah dokumen apabila diperlukan.

TERMA BERI PINJAMAN DAN SYARAT DIGUNAKAN: Di mana kami beri anda kemudahan di atas, kami akan terangkan terma berkenaan seperti penentuan harga dan tenor pembiayaan maksimum dalam surat kemudahan kepada anda dari masa ke masa. Terma Beri Pinjaman Berkenaan akan digunakan kepada kemudahan ini (lihat seksyen di bawah bahagian ini – “Terma beri pinjaman berkenaan”).

TAMBAHAN PERKHIDMATAN PERDAGANGAN – PEMINDAHAN LC

(1) Bagaimana kalau anda perlu perkhidmatan LC?

Pindahan LC: Kami boleh sediakan anda dengan Perkhidmatan Perdagangan untuk *memindah* sebahagiannya atau sepenuhnya LC pembeli akhir anda kepada pembekal anda sendiri. Pembekal anda boleh memperoleh bahagian pembayaran sebagai pertukaran untuk dokumen mematuhi dinyatakan dalam LC *boleh dipindah milik*. Anda, sebagai orang tengah, adalah layak untuk menggantikan invoice anda sendiri untuk satu daripada pembekal dan memperoleh perbezaan sebagai pembayaran anda sendiri di bawah LC *boleh pindah milik*.

Peruntukan tambahan berikut digunakan:

- (a) **Terma pindahan:** Kami (*bank pemindah*) akan *memindah* bagi pihak (*benefisiari pertama*) lanjutan daripada Arahan anda. UCP akan menentukan LC *boleh pindah milik*. Jika terdapat sebarang tidak konsisten antara UCP dan terma di bawah seksyen ini, terma di sini akan mengatasi;
- (b) **LC asal dan pindaan:** Anda mesti menyerahkan LC *boleh pindah milik* asal dan apa-apa *pindaan* that you receive. Melainkan kami memperoleh kelulusan bertulis anda, anda mesti tidak memberitahu *bank pengeluar*, *pemohon* atau penerima pindahan (*benefisiari kedua*) penerimaan anda apa-apa *pindaan* kepada LC *boleh pindah milik* asal. Di mana semua hak di bawah LC *dipindah milik*, kami akan memaklumkan *benefisiari kedua* apa-apa *pindaan* walaupun kami tidak mempunyai kelulusan anda;
- (c) **Penyerahan dokumen benefisiari kedua:** Jika anda tidak *menyerah* dokumen atau membetulkan sebarang perselisihan dalam dokumen anda yang serahkan kepada kami (dalam had masa ditetapkan oleh kami) di bawah LC *boleh pindah milik*, kami boleh *serah dokumen benefisiari kedua* secara langsung kepada *bank pengesahan* atau *bank pengeluaran*;
- (d) **Penepian hak LC:** Anda mengeneppikan, atas nama *benefisiari kedua* berkenaan, hak anda dalam LC *boleh dipindah milik* setakat ia *dipindah milik* kepada *benefisiari kedua*;
- (e) **LC boleh dipindah milik tidak disahkan:** Kami akan hanya membayar anda dan benefisiari kedua jika kami terima pembayaran sepadan daripada bank pengeluar dalam dana jelas dan tersedia dengan segera. Kami akan membayar *benefisiari kedua* amaun *penyerahan* di bawah LC *dipindah milik*, dan anda baki amaun di bawah LC *boleh pindah milik*;
- (f) **LC Boleh Dipindah Milik disahkan oleh kami:** Atas penerimaan *penyerahan mematuhi*, kami akan membayar *benefisiari kedua* amaun *penyerahan* mereka menurut LC *dipindah milik*. Atas penggantian dan penerimaan *penyerahan mematuhi* anda di bawah LC *boleh dipindah milik*, kami akan membayar anda baki amaun menurut LC *boleh dipindah milik*;
- (g) **Pindah semua hak:** Di mana anda telah *pindah milik* semua hak anda dalam LC *boleh pindah milik* kepada *benefisiari kedua*, anda bersetuju untuk tidak memerlukan penggantian dokumen. Anda benarkan *benefisiari kedua* untuk *menyerah* dokumen secara langsung kepada *bank pengeluar* untuk LC *boleh pindah milik*; dan
- (h) **Yuran dan caj:** Yuran dan caj untuk *pindah milik* pada umumnya boleh dibayar oleh anda sebelum *pindah milik*. Sebarang yuran atau caj pengesahan akan hanya boleh dibayar oleh anda atas *pengesahan* kami. Sebelum pengagihan prosid kepada *benefisiari pertama* dan penerima pindahan, kami boleh juga menolak sebarang amaun terhutang kepada kami daripada sebarang pembayaran kami terima daripada *bank pengeluar*.

3.1 Bagaimana kalau penyerahan di bawah LC tidak mematuhi penyerahan?

Di mana *penyerahan* di bawah LC *bukan penyerahan mematuhi*, kami boleh sediakan anda dengan pembiayaan Bil Kredit Bercangah Dirunding (*CBND*).

TERMA BERI PINJAMAN DAN SYARAT DIGUNAKAN: Di mana kami beri anda pembiayaan di atas, kami akan terangkan terma berkenaan seperti penentuan harga dan tenor pembiayaan maksimum dalam surat kemudahan kepada anda dari masa ke masa. Terma Beri Pinjaman Berkenaan akan digunakan kepada kemudahan ini (lihat seksyen di bawah bahagian ini – “*Terma beri pinjaman berkenaan*”).

3.2 Perkhidmatan LC lain

- (a) **Pengesahan:** Kami boleh tambah *pengesahan* LC agar anda akan mempunyai aku janji pasti tetap kami untuk *membayar* atau *merunding penyerahan mematuhi*. Aku janji ini adalah sebagai tambahan *bank pengeluar*, ini adalah tertakluk kepada *bank pengeluar* membenarkan kami untuk menambah *pengesahan*.

Jika kami telah tambah *pengesahan* kami dan jika LC tersedia dengan kami sebagai *bank pengesahan*, kami akan *merunding* penyerahan mematuhi tanpa rekursa;

Membayar atau Rundingan - apa maknanya ini?

Secara komersial, ketika ini kami boleh “*diskaun*” dokumen atau draf atas nama penjual anda.

- (b) **Tiada pengesahan dibenarkan, tetapi anda mahu komitmen kami untuk Membayar atau Merunding:** Jika *bank pengeluar* tidak benarkan kami untuk menambah *pengesahan*, kami masih sediakan komitmen kami untuk *membayar* atau *merunding* draf dan / atau dokumen dikeluarkan atau diserahkan di bawah LC (tertakluk kepada *penyerahan mematuhi*) daripada tarikh dipersetujui. Ini tertakluk kepada yang berikut:
 - (i) LC tidak *boleh dipindah milik* (tetapi tersedia dengan kami atau sentiasa);
 - (ii) anda membuat penerangan berikut:
 - (A) Setiap draf dan / atau dokumen diserahkan di bawah LC adalah sah, tepat dan sebenar;
 - (B) dan menerangkan amaun perlu dibayar kepada anda selanjutnya kepada prestasi sewajar anda dan / atau bekalan barangan atau perkhidmatan;
 - (C) Anda telah mematuhi semua undang-undang berkenaan;
 - (D) Anda belum, dan tidak akan, menyerah hak, novasi, memindah milik, melupus, memberi faedah jaminan atau menganggap sebaliknya hak atau kewajiban anda di bawah LC berkenaan atau apa-apa draf atau dokumen berkaitan, barangan atau insurans, atau dalam prosid mana-mana yang di atas; dan
 - (E) Anda tidak mempunyai pengetahuan sebarang pertikaian belum selesai atau diancam, termasuk perintah undang-undang, saksama atau timbang tara, injunksi atau prosiding lain yang mungkin menjejaskan pembayaran oleh bank pengeluaran di bawah LC;

(iii) **anda mengaku janji:**

- (A) Jika kami bukan bank penasihat, anda akan menyerah LC asal (bersama dengan semua pindaan) dan semua dokumen yang kami mungkin perlukan kepada kami (di kaunter kami) sebagai syarat terdahulu kepada komitmen kami yang diterangkan dalam seksyen ini;
- (B) Anda akan sediakan kami dengan semua pindaan dan aku janji, atas penerimaan komitmen kami, anda tidak akan bersetuju dengan apa-apa pindaan kepada LC tanpa kebenaran bertulis kami terdahulu. Kami mempunyai hak untuk menahan kebenaran kami kepada mana-mana pindaan;
- (C) Anda akan memberitahu kami dengan segera sebarang pertikaian, prosiding, atau sebarang mungkir atau penolakan oleh bank pengeluar untuk membuat bayaran di bawah LC atau sebarang draf dikeluarkan di bawah LC. Apabila anda telah rekursu kepada anda di mana sebarang kelewatan, mungkir atau kerugian berlaku akibat daripada pertikaian berhubung dengan pemohon LC berkenaan;
- (D) Apabila kami membuat pembayaran di bawah LC, anda akan serah hak tidak boleh batal dan dengan mutlak kepada kami semua hak, hak milik dan faedah dalam, dan tuntutan untuk pembayaran di bawah LC dan semua draf atau dokumen berkaitan, barangan dan insurans, atau dalam prosiding mana-mana yang di atas. Anda mengizinkan selanjutnya dan memberi kuasa kami untuk mengambil sebarang prosiding undang-undang (termasuk permulaan prosiding undang-undang atas nama anda atau nama bersama kami) berhubung dengan LC terhadap mana-mana individu berkenaan (termasuk bank pengeluar dan / atau pemohon): dan
- (E) Untuk sebarang LC yang kami telah buat bayaran di bawah, di mana anda menerima amaun dariada mana-mana individu berkenaan berkaitan dengan LC (termasuk bank pengeluar atau pemohon), anda akan mengirim dengan segera amaun tersebut kepada kami. Untuk sebarang amaun dalam proses dikirim kepada kami, anda akan menyimpan amaun tersebut secara berhutang untuk manfaat kami;
- (iv) kami bersetuju untuk menanggung risiko sebarang tiada pembayaran oleh bank pengeluar berkenaan LC berhubung dengan mana kami telah sediakan komitmen kami, di mana tiada pembayaran tersebut disebabkan sepenuhnya dan secara eksklusif oleh:
- (A) tiada pematuhan sebarang dokumen diserahkan dengan terma dan syarat LC, selepas kami telah tentukan bahawa draf dan / atau dokumen dikeluarkan atau diserahkan di bawah LC tersebut telah membentuk penyerahan mematuhi (Risiko Dokumen);
- (B) ketaksolvenan bank pengeluar (Risiko Kredit): atau
- (C) pengenaan, enakmen atau kelulusan sebarang undang-undang, yang mana bank pengeluar berkenaan adalah tertakluk dan undang-undang tersebut mengakibatkan: (1) larangan pemindahan, penukaran atau pertukaran oleh bank pengeluar amaun mata wang yang mana apa-apa draf dikeluarkan di bawah LC atau amaun untuk dibayar; atau (2) penyitaan keseluruhan (atau sebahagian besar) aset bank pengeluar (secara kolektif, Risiko Politik); dan
- (v) jika LC tidak dibayar bila perlu dibayar dan tidak membayar tersebut disebabkan (secara langsung atau tidak langsung) oleh apa-apa sebab selain daripada Risiko Kredit, Risiko Politik atau Risiko Dokumen, maka komitmen kami dibatalkan dan kami akan mempunyai rekursu terhadap anda untuk apa-apa pembayaran didahulukan berhubung LC tersebut.

3.3 **Peruntukan tambahan**

Untuk semua Perkhidmatan Perdagangan yang disediakan di bawah seksyen ini ("*Perkhidmatan perdagangan apakah tersedia untuk anda sebagai penjual?*") – **kecuali** sub-seksyen "*Perkhidmatan Kutipan di bawah URC*", "*Bagaimana kalau anda perlu pembiayaan perdagangan berdasarkan terma kredit yang anda telah sediakan kepada pembeli?*" dan "*Bagaimana kalau anda berdagang berdasarkan akaun terbuka (iaitu tanpa LC)?*" – pembekalan tambahan berikut digunakan:

- (a) **Arahan tidak boleh batal:** Anda mesti memastikan bahawa:
- (i) apa-apa amaun terutang kepada anda daripada mana-mana individu (termasuk bank pengeluar atau bank pengesah) di bawah LC dibayar secara langsung kepada kami;
- (ii) arahan pembayaran tidak boleh batal telah diberi kepada individu tersebut untuk melaksanakan pembayaran tersebut; dan
- (iii) anda sediakan semua bantuan kami perlukan untuk membolehkan kami untuk mengutip apa-apa amaun tersebut;
- (b) **Urus niaga pembiayaan dan sebenar lain:** Anda menjelaskan bahawa:
- (i) Anda tidak memperoleh sebarang pembiayaan lain atau diberi sebarang kepentingan sekuriti lain berhubung dengan barangan, urus niaga perdagangan mendasari atau sebarang dokumen perdagangan berkaitan berhubung dengan LC; dan
- (ii) setiap invoice, pesanan pembelian atau sebarang dokumen serupa atau instrumen yang diserahkan kepada kami untuk pembiayaan mewakili penjualan dan penghantaran sebenar barangan dan / atau perkhidmatan;
- (c) **Pemohonan resit:** Kami boleh memohon apa-apa amaun yang kami terima (bagi pihak anda atau untuk akaun anda) terhadap apa-apa amaun anda hutang kami; dan
- (d) **Yuran dan caj:** untuk pengesahan atau komitmen untuk membayar atau merunding akan boleh dibayar oleh anda atas pengesahan atau komitmen kami. Kami boleh juga menolak sebarang amaun terutang kepada kami daripada sebarang pembayaran kami buat kepada anda atau kami terima daripada bank pengeluar sebelum pengagihan prosid.

3.4 **Bagaimana kalau anda mempunyai belum terima untuk dijual?**

Bergantung pada Lokasi Perkhidmatan, kami boleh membeli belum terima anda (juga dikenali secara komersial sebagai "*hutang buku*") dalam pelbagai cara dokumentasi berlainan atau tambahan boleh digunakan kepada Perkhidmatan ini yang mana pengurus perhubungan anda bersedia untuk membantu anda.

4. **BAGAIMANA KALAU ANDA PERLU KAMI KELUARKAN JAMINAN BANK ATAU SURAT KREDIT TUNGGU SEDIA?**

Di mana pihak anda berurusan memerlukan jaminan bank (**BG**) (termasuk bon prestasi atau bon bida) atau surat kredit tunggu sedia (**SBLC**) kami boleh keluarkan BG atau SBLC. Bergantung pada negara mana benefisiari perlukan BG atau SBLC untuk dikeluarkan, kami mungkin perlu untuk mengatur bank lain untuk mengeluarkan BG atau SBLC.

Peruntukan tambahan berikut digunakan:

- (a) **Borang BG atau SBLC:** Setiap BG atau SBLC:
- (i) akan dikeluarkan tertakluk kepada seksyen di bawah bahagian ini – “Terma Perdagangan Umum”; dan
 - (ii) boleh dikeluarkan tertakluk kepada terma industri berlainan termasuk UCP, Uniform Rules for Demand Guarantees diterbitkan oleh ICC (ICC Publication 758) (**URDG**), International Standby Practices (**ISP98**) atau undang-undang tempatan.

TAMBAHAN PERKHIDMATAN PERKHIDMATAN – PENGELUARAN SBLC ATAU JAMINAN

- (1) **Penggunaan bank koresponden:** Kami boleh mengatur untuk BG atau SBLC untuk dikeluarkan oleh sebarang bank koresponden (termasuk sebarang cawangan atau gabungan kami) (Bank Koresponden) pada terma tersebut seperti kami atau Bank Koresponden boleh putuskan. Kami boleh mengeluarkan jaminan balas atau indemniti balas atas nama Bank Koresponden tersebut untuk mematuhi Arahan anda. Jaminan balas atau indemniti balas juga dalam bentuk Arahan Pembayaran Perdagangan;
- (2) **Konflik undang-undang dan bidang kuasa berbeza:** Jika kami keluarkan SBLC, jaminan balas atau indemniti balas atas nama Bank Koresponden dan jika undang-undang menentukan jaminan adalah daripada bidang kuasa berlainan dari mana kami terletak, kami boleh (pada kos anda) memperoleh pendapat undang-undang untuk menasihatkan kami mengenai kesan undang-undang dan peraturan tempatan mengenai jaminan dalam bidang kuasa tersebut; dan
- (3) **Kepastian pembayaran:** Di mana kami atau Bank Koresponden diperlukan untuk membuat bayaran kepada mana-mana individu menurut terma jaminan balas, indemniti balas, BG atau SBLC, anda mesti dalam apa-apa keadaan sekali pun tidak mendakwa bahawa pembayaran tidak perlu dibayar atau tidak sepatutnya dibuat.

TERMA BERI PINJAMAN DAN SYARAT DIGUNAKAN: Di mana kami beri anda kemudahan di atas, kami akan terangkan terma berkenaan seperti penentuan harga dan tenor pembiayaan maksimum dalam surat kemudahan kepada anda dari masa ke masa. Terma Beri Pinjaman Berkenaan akan digunakan kepada kemudahan ini (lihat seksyen di bawah bahagian ini – “Terma beri pinjaman berkenaan”).

5. TERMA PERDAGANGAN UMUM

5.1 Terma digunakan kepada Arahan Pembayaran Perdagangan

Instrumen Pembayaran Perdagangan adalah kewajipan tidak boleh batal dan bebas kami atas nama benefisiari. Disebabkan sifat Instrumen Pembayaran Perdagangan ini, kami mematuhi kewajipan kami tanpa notis kepada anda dan / atau tanpa kebenaran anda.

Terma berikut digunakan kepada Instrumen Pembayaran Perdagangan:

- (a) **Kewajipan tidak boleh batal dan bebas:** Apabila kami mematuhi kewajipan Instrumen Pembayaran Perdagangan tidak boleh batal dan bebas, anda mesti membayar ganti kami dengan segera:
 - (i) sepenuhnya dan dalam mata wang sama dan amaun dibayar di bawah Instrumen Pembayaran Perdagangan atau tidak lama sebelum tarikh kematangan; dan
 - (ii) membayar apa-apa faedah daripada dan termasuk tarikh pembayaran tersebut dan termasuk tarikh pembayaran ganti (faedah tersebut terakru berdasarkan harian pada kadar tersebut sepertimana kami boleh caj dengan munasabah).
 Kewajipan pembayaran ganti adalah bebas daripada sebarang indemniti anda beri kepada kami;
- (b) **Bentuk Instrumen Pembayaran Perdagangan:** Sebagai Instrumen Pembayaran Perdagangan adalah kewajipan bebas, tidak boleh batal, kami boleh mengeluarkan, meminda atau menambah terma apa-apa Instrumen Pembayaran Perdagangan dalam borang tersebut sepertimana kami boleh putuskan. Kami tidak memerlukan untuk mematuhi apa-apa arahan atau kandungan mana-mana borang permohonan berkenaan yang dikemukakan oleh anda;
- (c) **Salinan Instrumen Pembayaran:** Kami akan menghantar salinan Instrumen Pembayaran Perdagangan semunasabah mungkin selepas ia telah dikeluarkan;
- (d) **Ketepatan teks diberi:** Anda bertanggungjawab sepenuhnya untuk apa-apa maklumat anda sediakan kepada kami untuk dimasukkan dalam mana-mana Instrumen Pembayaran Perdagangan. Kami tidak semak ketepatan sebarang maklumat tersebut;
- (e) **Membayar penyerahan atau permintaan:** Apabila kami terima penyerahan mematuhi atau permintaan di bawah Arahan Pembayaran Perdagangan, kami boleh membuat pembayaran di bawah Instrumen Pembayaran Perdagangan:
 - (i) tanpa mendapatkan sebarang bukti bahawa amaun perlu dibayar dan boleh dibayar.
 - (ii) tanpa notis atau rujukan selanjutnya kepada anda; dan
 - (iii) walaupun jika anda pertikaikan kesahan penyerahan atau permintaan.
 Anda mesti tidak dalam sebarang keadaan menuntut bahawa pembayaran tersebut belum perlu dibayar atau sepatutnya tidak dibuat;
- (f) **Dokumen yang berselisih:** Kami boleh menolak untuk membayar penyerahan atau permintaan di bawah mana-mana Instrumen Pembayaran Perdagangan jika dokumen atau permintaan tersebut tidak mematuhi terma Instrumen Pembayaran Perdagangan. Oleh kerana kewajipan adalah bebas, kami boleh menolak walaupun jika anda terima atau mengarah sebaliknya.
- (g) **Pembayaran ganti:** Jika kami tetapkan, anda akan pada tarikh pembayaran perlu dibayar (sebagai contoh untuk LC Tampak atau jaminan) atau tidak lama sebelum tarikh pada mana kami penuhi (atau mungkin penuhi) (sebagai contoh tarikh kematangan untuk LC Usans) kewajipan Instrumen Pembayaran Perdagangan, membayar kami hasil bersamaan dengan pembayaran tersebut di bawah Instrumen Pembayaran Perdagangan. Kami boleh menahan semua atau sebahagian hasil tersebut di bawah kawalan sepenuhnya dan menggunakan semua atau sebahagian hasil tersebut terhadap kewajipan Instrumen Pembayaran Perdagangan;
- (h) **Pembayaran tanpa permintaan:** Jika ia ditetapkan di bawah terma Instrumen Pembayaran Perdagangan, kami boleh mempunyai budi bicara untuk, atau boleh diwajibkan, membuat pembayaran tanpa perlu menerima terdahulu permintaan.
- (i) **Pembayaran awal:** Kami boleh membuat pembayaran di bawah sebarang Instrumen Pembayaran Perdagangan pada bila-bila masa sebelum ia menjadi (atau dinyatakan menjadi) perlu dibayar. Di mana ini berlaku:
 - (i) jika pembayaran awal ditetapkan di bawah terma instrumen Pembayaran Perdagangan, kewajipan pembayaran ganti anda kepada kami akan digunakan pada masa pembayaran; dan
 - (ii) jika pembayaran awal tidak ditetapkan, kewajipan pembayaran ganti anda kepada kami akan digunakan bila perlu dibayar pada asalnya.

5.2 Jenis sekuriti apakah akan kami perlukan?

Jenis sekuriti berikut boleh digunakan untuk Perkhidmatan Perdagangan anda:

(a) **Sandaran**

Anda bersetuju untuk menyandar kepada kami semua dokumen mewakili barangan (contoh termasuk bil muatan dan resit gudang) dan barangan itu sendiri, untuk setiap urusan niaga di mana anda adalah pembeli (**Barangan Disandar**), sebagai sekuriti berterusan untuk pembayaran dan melaksanakan semua kewajipan anda kepada kami.

Sandaran akan berkuat kuasa selagi dokumen berkenaan atau barangan masih dalam pemilikan atau kawalan kami atau dalam kawalan pihak ketiga yang dilantik oleh kami. Anda masih terus dipertanggungjawab dan tanggung semua risiko dalam sebarang Barangan Disandar dalam tempoh ini.

Terma berikut juga dikenakan kepada sandaran:

- (i) **Pengendorsan:** Untuk mencipta sandaran, anda bersetuju bahawa anda akan mengemukakan untuk sebarang dokumen hak milik boleh dirunding (contoh bil muatan atau resit pergudangan) untuk diendors kosong atau dikonsainan mengikut perintah kami;
- (ii) **Urusan anda dengan Barangan Disandar telah pun diserahkan:** Anda mesti simpan sebarang Barangan Disandar mengikut perintah kami dan mengikut arahan kami;

Sebagai contoh:

Anda boleh diarah untuk:

- menyerahkan sebarang Barangan Disandar kepada kami atau mana-mana individu lain; atau
- sediakan kami, atau pihak ketiga yang dilantik oleh kami, capaian dan bantuan sepertimana kami boleh perlukan pada bila-bila masa untuk memeriksa apa-apa Barangan Disandar.

- (iii) **Urusan kami dengan Barangan Disandar:** Kami boleh mengurus dengan apa-apa Barangan Disandar jika wajar. Anda boleh membayar ganti kami atas permintaan apa-apa kos atau perbelanjaan kami tanggung dalam urusan kami atau mengambil tindakan berhubung dengan apa-apa Barangan Disandar;

Sebagai contoh:

Kami mungkin diperlukan untuk mengurus dengan Barangan Disandar termasuk pemeriksaan, penjualan (sama ada melalui jualan, lelongan atau apa-apa cara lain) melupus, mengangkut, menggudang atau menjamin apa-apa Barangan Disandar atau membuat tuntutan pada mana-mana polisi insurans.

- (iv) **Insurans:** Anda akan membeli insurans daripada insurer bereputasi baik untuk semua Barangan Disandar melindungi risiko tersebut sebagai individu bijak akan buat. Anda akan menamakan kami sebagai penerima serah hak atau penerima kerugian daripada sebarang prosid insurans untuk barangan berkenaan Untuk melindungi kepentingan kami, anda bersetuju untuk sentiasa memaklum kami sebarang peristiwa potensi atau sebenar dan bertindak secara bijak, termasuk memastikan insurans masih sah. Mana-mana bahagian daripada prosid insurans diterima oleh kami boleh digunakan sebagai sekuriti untuk pembayaran dan melaksanakan semua kewajipan anda kepada kami.

Dalam sesetengah kes, kami boleh tetapkan keperluan tambahan;

Sebagai contoh:

Barangan Disandar Perkapalan sepatutnya diinsuranskan sekurang-kurangnya 110% daripada nilai pasaran saksamanya atau (jika lebih tinggi) nilai dibeli.

- (v) **Tiada bebanan lain dan bantuan selanjutnya:** Oleh kerana Barangan Disandar disandar atas nama kami, anda mesti **tidak** mencipta sebarang kepentingan sekuriti lain atas Barangan Disandar dan mesti mematuhi keperluan kami untuk melaksanakan sandaran dan melindungi kepentingan kami dalam Barangan Disandar; dan
- (vi) **Kuasa untuk bertindak atas nama anda:** Anda memberi kuasa yang tidak boleh dibatalkan dan melantik mana-mana pegawai atau pekerja kami untuk menjadi ejen anda dan bagi pihak anda (dan atas nama anda), untuk melaksanakan dan menyerahkan semua dokumen dan melakukan semua tindakan sepertimana kami anggap perlu atau dikehendaki untuk:
 - (A) membentuk, memelihara atau melaksana sandaran dihasratkan untuk diberi kepada kami;
 - (B) melaksana hak dan remedi kami (termasuk menjual dan memindah milik sebarang Barangan Disandar kepada pembeli atau memohon untuk atau membuat tuntutan pada sebarang polisi insurans); dan / atau
 - (C) melantik atau menggunakan mana-mana ejen atau individu lain (setiap satu **Wakil**) untuk menjalankan sebarang fungsi atau membantu kami.

Kuasa dan pelantikan anda di bawah seksyen ini akan termasuk sebarang hak untuk sub-perwakilan atau menggantikan kuasa atau pelantikan ini kepada mana-mana pegawai atau pekerja kami dan akan meneruskan sehingga semua kewajipan anda dilaksanakan sepenuhnya. Anda dengan ini mengesahkan (dan bersetuju untuk mengesahkan dengan segera atas permintaan kami) sebarang tindakan yang kami atau mana-mana pegawai atau pekerja kami atau mana-mana Wakil sebagai dipertimbangkan oleh seksyen ini.

(b) **Resit Amanah**

Jika kami menyerahkan sebarang dokumen mewakili Barangan Disandar kepada anda, sandaran kami akan berterusan dan anda bersetuju untuk menyimpan dokumen tersebut, Barangan Disandar dan prosid daripada jualan Barangan Disandar tersebut secara hutang untuk kami sehingga prosid jualan dibayar kepada kami. Anda mesti tandatangani dokumen lain tersebut dan mematuhi permintaan kami untuk memastikan bahawa kepentingan sekuriti kami dalam Barangan Disandar masih dilindungi;

- (c) **Hak untuk memanggil cagaran tunai:** Jika kami minta, anda mesti sediakan kami perlindungan tunai untuk semua atau apa-apa bahagian mana-mana Perkhidmatan Perdagangan yang disediakan kepada anda. Kami tidak diwajibkan untuk memulangkan apa-apa perlindungan tunai melainkan kontingen kami atau liabiliti tidak matang henti untuk wujud sebelum ia matang. Anda mesti tandatangani dokumen lain tersebut dan mematuhi permintaan kami untuk memastikan bahawa kepentingan sekuriti kami dalam tunai masih dilindungi; Tafsiran "perlindungan tunai" sini hendaklah mengikut seksyen dalam **Bahagian F (Definisi dan Tafsiran)** kecuali yang merujuk kepada "belum dijelaskan di bawah kemudahan tersebut" akan termasuk rujukan kepada ringkasan atau bersamaan dengan liabiliti kontingen tidak matang (sepertimana kami boleh tentukan) di bawah atau berhubung dengan mana-mana Instrumen Pembayaran Perdagangan; dan

- (d) **Sekuriti lain:** Pengaturan sekuriti diterangkan di sini sebagai tambahan dan tidak akan menjejaskan atau dijejaskan oleh sebarang sekuriti, hak atau remedi lain.

6. TERMA BERI PINJAMAN BERKENAAN

Untuk Perkhidmatan Perdagangan tertentu, terma dan syarat berikut ditemui dalam **Bahagian D (Perkhidmatan Beri Pinjaman)** akan digunakan kepada kemudahan mendasari. Kami akan beritahu anda bila ia digunakan.

- (a) Bila Terma Beri Pinjaman Berkenaan digunakan kepada Perkhidmatan Perdagangan, anda hendaklah mengambil perhatian yang berikut:
- bila kami rujuk kepada "*wang kami beri pinjam anda*", ini termasuk bila kami bayar pihak lain seperti pembekal anda. Wang yang kami beri pinjam **tidak** perlu dibayar balik ke dalam akaun anda;
 - bila kami merujuk kepada "*pembayaran balik*" ini akan termasuk pembayaran ganti dana kepada kami apabila kami telah bayar pihak lain sebagai sebahagian daripada Perkhidmatan Perdagangan yang kami telah sediakan kepada anda;
 - Tambahan kepada mana-mana representasi dan waranti yang ditemui dalam **Bahagian D (Perkhidmatan Pemberi Pinjaman)**, anda mengakui bahawa:
 - anda tidak memperoleh sebarang pembiayaan lain berhubung dengan barangan atau urus niaga perdagangan berkenaan;
 - anda tidak memberi sebarang sekuriti berhubung dengan barangan atau urus niaga perdagangan berkenaan;
 - setiap invois, pesanan pembelian atau dokumen setara lain mewakili jualan dan penghantaran barangan atau perkhidmatan tulen; dan
 - Perkhidmatan Perdagangan hanya disediakan berdasarkan tidak terikat dan budi bicara.
- (b) Seksyen berikut dalam **Bahagian D Perkhidmatan Beri Pinjaman** akan juga digunakan kepada kemudahan ini, dibaca bersama dengan (a) di atas.

Pengenalan kepada Perkhidmatan Beri Pinjaman	" <i>Tentang kemudahan</i> "
	kecuali di bawah seksyen "Had Kemudahan, ini tidak digunakan kepada Perkhidmatan Perdagangan. Untuk Perkhidmatan Perdagangan, pembayaran / Pembayaran balik perlu dibuat pada akhir tenor perdagangan
	" <i>Faedah</i> "
	" <i>Yuran</i> "
	" <i>Pembayaran</i> "
Terma dan Syarat Khusus kepada kemudahan Tidak terikat	" <i>Pembayaran balik diperlukan anda</i> "
	" <i>Pembayaran balik pilihan anda</i> "
	" <i>Ketersediaan</i> "
	" <i>Pemberitahuan tambahan</i> "
Terma dan Syarat Digunakan Kepada Semua Kemudahan	" <i>Pembayaran balik atas permintaan</i> "
	"Kewajipan anda apabila kami beri pinjaman anda wang"
	" <i>Sekuriti</i> "
	" <i>Apabila anda mempunyai kesukaran dengan kemudahan anda</i> "
	" <i>Liabiliti anda</i> "
	" <i>Komunikasi daripada kami</i> "

7. APAKAH AKAN BERLAKU JIKA PERKHIDMATAN PERDAGANGAN DITAMATKAN?

Sebagai tambahan kepada mana-mana terma dalam Terma Standard - lihat seksyen di bawah **Bahagian (Terma Standard)** – "Penamatan dan *Penggantungan*", kewajipan anda, termasuk kewajipan anda untuk membayar ganti, sediakan cagarun tunai atas permintaan, tidak jual atau beban mana-mana item untuk menjadi subjek mana-mana sandaran atau terma sekuriti lain dan kewajipan anda untuk menyediakan bantuan, akan kekal daripada penamatan Perkhidmatan Perdagangan.

Perjanjian akan terus digunakan sehingga anda dan kami telah memuaskan semua tanggungjawab kami masing-masing.

8. TERMA NEGARA – MALAYSIA

8.1 Umum

Terma negara ini digunakan untuk Perkhidmatan Perdagangan yang kami sediakan untuk anda di Malaysia.

8.2 Peraturan Pentadbir Pertukaran Asing

Anda mengakui bahawa anda sedar akan peraturan di bawah Notis 7 Peraturan Pentadbir Pertukaran Asing ("**FEA**"), bahawa seorang pemastautin Malaysia mesti menerima nilai hasil kutipan expot sepenuh dalam Malaysia lebih awal daripada atau menurut kepada tarikh pembayaran kontrak expot, dalam mana-mana kes, tidak boleh melebihi **enam (6)** bulan daripada tarikh export. Anda yang bertanggungjawab memastikan pematuhan peraturan FEA.

8.3 Setiap satu daripada anda mengakui bahawa ia adalah tanggungjawab anda untuk mematuhi Peraturan FEA yang dikenakan oleh Bank Negara Malaysia ("**BNM**"), dan khususnya, berhubung dengan kemudahan:

- (a) Notis 2 Peraturan FEA yang berkenaan dengan jaminan kewangan yang diperoleh daripada, atau diberikan oleh, bukan pemastautin:
- Jika anda adalah entiti pemastautin:
 - Anda mesti mendaftar dengan BNM semua jaminan kewangan yang diperoleh daripada bukan pemastautin berkenaan dengan pinjaman yang anda perolehi jika agregat semua jaminan kewangan sedemikian melebihi RM50 juta atau setara.

(iii) Kelulusan terdahulu BNM diperlukan jika agregat semua jaminan kewangan yang diperoleh daripada bukan pemastautin yang bukan sebahagian daripada kumpulan entiti anda atau bukan pemegang saham langsung anda yang memegang sekurang-kurangnya 10% daripada saham anda, berkenaan dengan pinjaman yang diperoleh oleh anda, akan melebihi RM100 juta atau setara.

(ii) Jika anda adalah entiti bukan pemastautin DAN anda memperoleh jaminan kewangan daripada penjamin pemastautin:

Kelulusan BNM terdahulu diperlukan jika agregat semua jaminan kewangan yang diberikan oleh penjamin pemastautin itu berkenaan dengan apa-apa pinjaman yang diperoleh oleh seseorang bukan pemastautin daripada orang yang tidak berkaitan akan melebihi RM50 juta atau setara.

(b) Notis 3 Peraturan FEA berkenaan pelaburan:

(jika anda adalah entiti pemastautin dengan penjamin Ringgit domestik dan kemudahan itu termasuk apa-apa kemudahan mata wang asing untuk tujuan selain daripada pelaburan langsung luar negara)

Kemudahan mata wang asing yang diperolehi untuk tujuan pelaburan di luar negara dan pelaburan dalam aset mata wang asing dalam negara (yang ditakrifkan dalam Peraturan FEA) adalah tertakluk kepada had agregat bersamaan RM50 juta setiap tahun kalendar, sama ada apa-apa pelaburan itu dibuat melalui kami, melalui institusi kewangan lain, atau sebaliknya. Had agregat ini merujuk kepada pelaburan luar negara dan pelaburan dalam aset mata wang asing di dalam negara oleh anda dan semua entiti pemastautin lain dalam kumpulan entiti anda. Untuk tujuan ini, anda disifatkan untuk mempunyai pinjaman Ringgit domestik apabila anda atau entiti pemastautin lain dalam kumpulan entiti anda dengan hubungan syarikat induk-anak mempunyai pinjaman Ringgit domestik, mengecualikan pinjaman daripada entiti pemastautin lain dalam kumpulan entiti anda dengan hubungan syarikat induk-anak.

Untuk tujuan kluasa ini, sebarang rujukan "entiti", "kumpulan entiti", "hubungan syarikat induk-anak", "pemastautin", "bukan pemastautin" dan "jaminan kewangan" akan mempunyai makna sama yang diberikan dalam Peraturan FEA atau Akta Perkhidmatan Wang 2013. Peraturan FEA adalah tersedia di laman web BNM di Pentadbiran Pertukaran Asing, dan boleh diubah suai dari masa ke semasa. Anda dinasihatkan untuk merujuk terus kepada Peraturan FEA untuk maklumat tentang keperluan, dan bertanggungjawab untuk memahami semua definisi dalam Peraturan FEA, had-had terkini dan semua keperluan lain yang ditetapkan oleh BNM.

BAHAGIAN D – PERKHIDMATAN BERI PINJAMAN

PENGENALAN KEPADA PERKHIDMATAN BERI PINJAMAN

1. PRODUK DAN PERKHIDMATAN APAKAH DIRANGKUMI DI BAWAH BAHAGIAN D INI?

1.1 Perkhidmatan Beri Pinjaman – apa maksud ini?

Kami menawarkan pelbagai Perkhidmatan Beri Pinjaman seperti dinyatakan dalam “Mengena Terma dan Syarat Perbankan Umum” dalam bahagian “*Produk dan perkhidmatan apa diliputi dalam buku kecil ini? – Perkhidmatan Beri Pinjaman*” termasuk produk beri pinjaman umum (seperti overdraf dan kemudahan jangka pendek).

1.2 Bagaimana anda memohon untuk kemudahan?

Kami akan mempertimbangkan permintaan anda untuk kemudahan terhadap pelbagai jenis kriteria, termasuk keupayaan anda untuk membayar balik sebarang amaun anda pinjam. Apa-apa kemudahan kami tawarkan anda akan diterangkan dalam surat kemudahan yang mana anda akan diperlukan untuk tandatangan dan pulangkan kepada kami, dan yang mengakui bahawa anda telah membaca dan bersetuju dengan Terma dan Syarat Perbankan Umum (termasuk **Bahagian D (Perkhidmatan Beri Pinjaman ini)**).

Dalam keadaan terhad (seperti di mana kami bersetuju untuk memberi anda pinjaman amaun yang besar) dokumentasi kemudahan boleh berasaskan terma dan syarat pasaran untuk kemudahan sama. Kami akan memberitahu anda ini dan majukan anda dokumentasi kemudahan berkenaan untuk semakan anda.

1.3 Perjanjian kemudahan anda dengan kami

Kemudahan kami tawarkan anda adalah sama ada tidak dikomit atau dikomit seperti ditetapkan dalam surat kemudahan anda.

Apakah perbezaan antara kemudahan “tidak dikomit” dan “dikomit”?

Kemudahan “*tidak komit*”, merujuk kepada kemudahan di mana kami: (i) mempunyai budi bicara tunggal sama ada untuk menyediakan atau tidak menyediakan atau mendahului apa-apa bahagian daripada apa-apa kemudahan; dan (ii) boleh, pada bila-bila masa dengan notis bertulis, membatalkan, menghargai semula, memanggil untuk perlindungan tunai untuk, atau meminta pembayaran balik, semua atau apa-apa bahagian daripada apa-apa kemudahan atau menuntut pembayaran balik mana-mana jumlah tertunggak atau sebaliknya kena dibayar di bawah atau berkena kepada mana-mana kemudahan pada bila-bila masa.

Untuk kemudahan “*dikomit*”, kami (i) diwajibkan, tertakluk kepada terma dan syarat perjanjian kemudahan anda, untuk menyediakan atau mendahului kemudahan menurut surat kemudahan anda; dan (ii) boleh hanya meminta pembayaran balik mana-mana jumlah tertunggak atau sebaliknya kena dibayar di bawah atau berkena kepada mana-mana kemudahan sebelum tarikh pembayaran balik berjadual di bawah keadaan tertentu, sebagai contoh di mana anda telah melanggar perjanjian kemudahan anda.

Sebahagian besar daripada terma dan syarat diterangkan dalam **Bahagian D (Perkhidmatan Beri Pinjaman)** ini digunakan kepada kemudahan anda, tetapi beberapa terma dan syarat hanya digunakan masing-masing kepada kemudahan tidak dikomit atau kemudahan dikomit. Kami telah menunjukkan di mana inilah kesnya. Surat kemudahan anda akan termasuk maklumat komersial berkenaan tentang kemudahan anda, termasuk had kemudahan, kadar faedah dan tujuan setiap kemudahan (walaupun kami tidak diperlukan untuk mengawasi penggunaan prosid anda). Terma definisikan dalam surat kemudahan anda mempunyai maksud yang sama apabila diguna dalam **Bahagian D (Perkhidmatan Beri Pinjaman)**.

Surat kemudahan anda dan terma dan syarat berkenaan daripada Terma dan Syarat Perbankan Umum terkandung dalam buku kecil ini membentuk “**perjanjian kemudahan**” dengan kami untuk Perkhidmatan Beri Pinjaman.

Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan sebaliknya, sebarang tidak konsisten di antara (i) surat kemudahan anda dan **Bahagian D (Perkhidmatan Beri Pinjaman)**, bekas akan mengatasi kecuali berkena seksyen di bawah bahagian ini – “*Terma dan Syarat spesifik terhadap Kemudahan Tidak Terikat anda – Pembayaran balik atas tuntutan*” yang akan setiasa mengatasi; dan (ii) surat kemudahan anda atau **Bahagian D (Perkhidmatan Beri Pinjaman)** dan dokumen lain membentuk sebahagian Perjanjian, surat kemudahan anda atau **Bahagian D (Perkhidmatan Beri Pinjaman)** akan mengatasi.

Tambahan kepada hak kami untuk mempelbagai terma dan syarat anda (lihat seksen di bawah **Bahagian A (Terma Standard)** – “*Umum – Hak untuk mempelbagai*”), kami boleh juga menukar terma dan syarat pengaturan kemudahan anda melalui surat kemudahan tambahan. Apa-apa surat kemudahan tambahan kami hantar kepada anda akan juga membentuk sebahagian daripada perjanjian kemudahan anda dengan kami.

Kami juga memerlukan anda untuk mengikat atau mendapatkan penanggung obligasi untuk mengikat Dokumen Cagaran dengan kami untuk apa-apa sekuriti, cagaran atau jaminan lain yang kami perlukan untuk kemudahan anda. Untuk maklumat lanjut sila lihat seksyen di bawah bahagian ini– “*Terma dan syarat digunakan kepada semua kemudahan – Sekuriti*”.

Apabila kami merujuk kepada “dokumen kewangan” kami bermaksud perjanjian kemudahan anda serta mana-mana dokumen cagaran, sebarang Dokumen Cagaran (seperti dinyatakan dalam surat kemudahan anda, sebarang permintaan kegunaan, mana-mana nasihat, mana-mana dokumen dikenal pasti seperti dalam surat kemudahan anda dan sebarang dokumen lain yang ditetapkan oleh kami dari masa ke masa.

PENTING

Surat kemudahan kami boleh merujuk kepada “*Terma Kredit Induk*”. Rujukan ini akan ditafsir untuk merujuk kepada **Bahagian D (Perkhidmatan Beri Pinjaman)** ini dan terma dan syarat berkenaan lain daripada Terma dan Syarat Perbankan Umum ini.

2. TENTANG KEMUDAHAN

Kami bersetuju untuk menyediakan kepada anda kemudahan yang diterangkan dalam surat kemudahan anda dan anda bersetuju untuk:

- membayar balik semua wang kami beri pinjam kepada anda, bayar semua faedah, dan apa-apa kos dan amaun lain kami caj, sebagai contoh yuran dan / atau caj
- mematuhi perjanjian kemudahan anda, dan apa-apa perjanjian lain dengan kami; dan
- membenarkan kami menggunakan apa-apa hak seperti diterangkan dalam perjanjian kemudahan anda.

2.1 Capaian kepada kemudahan anda

Anda perlu menyediakan permintaan penggunaan untuk mencapai kemudahan anda dan:

- sediakan semua syarat terdahulu memuaskan kami;
- pada setiap tarikh anda minta penggunaan dan pada setiap tarikh penggunaan memastikan bahawa representasi dan waranti dibuat atau diberi di bawah dokumen kewangan adalah benar dan tepat dalam semua hal material; dan
- mematuhi apa-apa terma dan syarat lain (dan penggunaan-syarat khusus terma) sepertimana diberitahu kepada kami.

2.2 Syarat terdahulu

Syarat terdahulu anda perlu untuk sediakan kepada kami akan termasuk setiap dokumen berikut dan bukti tersenarai di bawah dan apa-apa syarat tambahan yang diterangkan dalam surat kemudahan anda.

- sijil dokumen perlembagaan;
- salinan resolusi lembaga pengarah anda meluluskan dan menerima setiap dokumen kewangan (atau dokumen setara membuktikan kelulusan tersebut tersedia dalam bidang kuasa berkenaan) dan salinan untuk nama dan tandatangan spesimen semua individu mempunyai kuasa menandatangani dokumen kewangan dan apa-apa notis dan dokumen lain diperlukan berhubung dengan dokumen kewangan;
- di mana diperlukan oleh kami, salinan resolusi pemegang saham anda (ditandatangani oleh semua pemegang saham diterbitkan) meluluskan terma, dan urus niaga dipertimbangkan melalui dokumen kewangan (yang mana anda adalah satu pihak);
- setiap dokumen kewangan dilaksana sewajarnya oleh pihak dengannya (termasuk apa-apa dokumentasi perlembagaan / sokongan jika diperlu oleh kami);
- sesalinan Penyata Kewangan anda baru-baru ini;
- dimana diminta oleh kami, bukti bahawa ejen proses anda telah menerima perlantikannya;
- sesalinan penandatanganan yang diberi kuasa mengesahkan setiap salina dokumen dinyatakan sebagai satu Syarat Dulu adalah betul, lengkap dan dalam berkuatkuasa dan memberi kesan penuh pada tarikh tidak awal daripada tarikh surat kemudahan anda;
- bukti bahawa sebarang notis, pendaftaran atau tindakan sama diminta di bawah Dokumen Cagaran telah diserahkan, mendaftar atau mengambil;
- apa-apa dokumentasi atau bukti lain yang diminta secara munasabah oleh kami untuk tujuan apa-apa keperluan "*kenali pelanggan anda*";
- bukti bahawa semua yuran dan perbelanjaan boleh dibayar dan boleh dibayar di bawah dokumen kewangan telah atau akan dibayar sebelum tarikh penggunaan pertama di bawah apa-apa kemudahan;
- Di mana diperlukan oleh kami, sebarang pendapat undang-undang daripada peguam mengenai hal-hal undang-undang berkenaan; dan
- Di mana diperlukan oleh kami, salinan sebarang kuasa lain atau dokumen lain, pendapat atau jaminan yang kami anggap perlu dan
- Mana-mana syarat dulu yang mungkin dinyatakan dalam surat kemudahan anda.

2.3 Had kemudahan

Setiap kemudahan mempunyai had kemudahan yang akan ditetapkan dalam surat kemudahan anda. Anda mesti tidak melebihi had kemudahan berkenaan.

Kami boleh benarkan anda untuk menggunakan beberapa atau semua had kemudahan untuk kemudahan lain.

Bagaimana had kemudahan anda dilaksanakan dalam surat kemudahan anda

Jenis Kemudahan	Had Kemudahan	Peminjam dan Sub-had, jika berkenaan
1. Kemudahan Jangka Pendek	USD1,500,000	Peminjam 1 – USD1,500,000 Peminjam 2 – (USD800,000)
2. Kemudahan Overdraf	(USD1,500,000)	Peminjam 1 – USD1,500,000 Peminjam 2 – (USD400,000)
Jumlah Had Kemudahan	USD1,500,000	

- Sub-Had** Tambahan kepada Kemudahan Jangka Pendek yang mempunyai had kemudahan USD1.5 juta, kami boleh juga menawarkan anda Kemudahan Overdraf. Dalam contoh ini kami telah menawarkan anda Kemudahan Overdraf dengan had kemudahan "*dalam*" USD1.5 juta. Had kemudahan "*dalam*" akan diterangkan dalam surat kemudahan anda dalam kurungan.

Had kemudahan "*dalam*" tidak meningkatkan Jumlah Had Kemudahan anda. Ia membolehkan anda untuk menggunakan kemudahan berlainan dengan berkesan anda mungkin miliki dengan kami. Sebagai contoh, sebarang bahagian tidak digunakan had kemudahan Kemudahan Jangka Pendek USD1.5 juta boleh digunakan di bawah had kemudahan Kemudahan Overdraf. Tetapi, jumlah amaun anda boleh guna pinjaman untuk Kemudahan Jangka Pendek dan Kemudahan Overdraf hendaklah tidak melebihi USD 1.5 juta.

- Di mana kami benarkan peminjam berlainan daripada kumpulan anda untuk didokumenkan di bawah surat kemudahan sama, peminjam boleh berkongsi had kemudahan berkenaan. Sebagai contoh, Peminjam 1 dan Peminjam 2 boleh, secara agregat, gunakan USD1.5 juta di bawah Kemudahan Jangka Pendek. Peminjam 2 mempunyai sekatan tambahan bahawa mereka boleh hanya menggunakan sehingga USD800,000 di bawah kemudahan.

Anda boleh juga minta kami untuk mengurangkan had kemudahan anda.

2.4 Tiada kewajipan untuk mengawas

Kami tidak di bawah sebarang kewajipan untuk mengawasi tujuan sebarang kemudahan seperti diterangkan dalam surat kemudahan anda.

2.5 Bagaimana kalau anda memerlukan had berlebihan

Anda mungkin ada kalanya perlu melebihi had kemudahan anda. Kami boleh, mengikut budi bicara mutlak kami, membenarkan anda lebih had kemudahan diterangkan dalam surat kemudahan anda. akan dianggap diberi atas permintaan anda dan membentuk sebahagian daripada perjanjian kemudahan anda.

2.6 Penggunaan dalam mata wang asing

Kami boleh buat kemudahan tersedia kepada anda dalam lebih daripada satu mata wang, ini akan ditetapkan dalam surat kemudahan anda. Mana-mana penggunaan mata wang asing akan dikira dalam mata wang kemudahan (seperti diterangkan dalam surat kemudahan anda) pada kadar lani. Di mana penggunaan disebut dalam mata wang asing pada terma berturutan, kami boleh mengira semula amaun penggunaan dalam mata wang asing untuk terma berikutnya.

"Kadar lani" bermakna pada mana-mana tarikh, kadar pertukaran kami untuk pembelian mata wang berkenaan dalam pasaran pertukaran asing Lokasi Perkhidmatan sejajar dengan amalan perniagaan biasa kami atau seperti diberitahu oleh kami kepada anda.

Jika had kemudahan anda dilebihi disebabkan turun naik mata wang yang menjejaskan penggunaan mata wang asing anda, kami mungkin perlu untuk mengambil tindakan. Kami boleh minta anda membayar amaun berhubung dengan lebihan tersebut. Untuk maklumat lanjut sila lihat seksyen di bawah bahagian ini– "*Pengenalan kepada perkhidmatan beri pinjaman – Bayaran diperlukan anda*".

3. FAEDAH

3.1 Kami akan dikenakan anda faedah atas kemudahan anda

Kami akan mengecaj anda faedah untuk setiap kemudahan dari tarikh anda gunakan kemudahan tersebut sehingga anda telah bayar balik sepenuhnya pada kadar faedah seperti diterangkan dalam surat kemudahan anda. Jika anda tidak mematuhi kewajipan anda kami boleh mengecajkan anda kadar berlainan seperti diterangkan dalam seksyen di bawah bahagian ini – "*Pengenalan kepada perkhidmatan beri pinjaman – Faedah – Kami boleh mengecaj faedah mungkir jika anda tidak mematuhi kewajipan anda*". Faedah akan terus menjadi boleh dibayar sehingga tarikh pembayaran sepenuhnya, sebelum dan selepas sebarang penghakiman yang boleh diberi berhubung dengan prestasi anda daripada kewajipan anda.

Apa-apa faedah terakru di bawah perjanjian kemudahan anda terakru harian dan dikira atas bilangan sebenar hari berlalu untuk setiap tempoh pengiraan dan setahun mempunyai 360 atau 365 hari atau sepertimana kami tentukan menurut amalan pasaran berkenaan. Kami boleh melaraskan tempoh pengiraan faedah untuk memastikan ia tamat pada Hari Perbankan (dengan berakhir sebarang tempoh pada Hari Perbankan berikutnya dalam bulan kalendar (jika ada) atau Hari Perbankan terdahulu (jika tiada)).

3.2 Bayaran faedah

Anda bersetuju untuk membayar faedah terakru pada kemudahan pada tarikh pembayaran faedah seperti diterangkan dalam surat kemudahan anda.

3.3 Kami boleh mengecaj faedah mungkir jika anda tidak mematuhi kewajipan anda

Kami boleh mengecaj kadar faedah berlainan jika anda tidak mematuhi kewajipan pembayaran balik anda dalam perjanjian kemudahan anda.

Jika anda tidak membayar sebarang amaun perlu dibayar di bawah dokumen kewangan pada tarikh tempoh, kami akan mengecaj anda kadar mungkir yang terakru berdasar setiap hari pada amaun lampau tempoh daripada tarikh perlu dibayar sehingga tarikh pembayaran sebenar. Kami akan kira faedah mungkir menggunakan kadar mungkir seperti ditetapkan dalam surat kemudahan anda atau sebaliknya ditetapkan oleh kami.

Faedah mungkir akan boleh dibayar dengan segera kepada kami atas permintaan kami dan (jika tidak dibayar) akan dikompaunkan dengan amaun lampau tempoh atas sebarang asas kami boleh pilih.

3.4 Apa akan berlaku bila Peristiwa Gangguan Pasaran berlaku?

Peristiwa Gangguan Pasaran yang memerlukan kami untuk melaraskan kadar faedah anda berkenaan dengan kemudahan anda, adalah kadar setahun yang merupakan agregat:

- margin kemudahan anda seperti ditetapkan dalam surat kemudahan anda atau sebaliknya dipersetujui; dan
- kadar yang menyatakan sebagai kadar peratus setahun kos membiayai penggunaan kami, dari apa sahaja sumber kami pilih secara munasabah, dan jika sebarang kadar tersebut di bawah sifar, maka peratusan tersebut akan dianggap sifar.

3.5 Penggantian Kadar Skrin

Jika satu Peristiwa Penggantian Kadar Skrin berlaku, kadar faedah kemudahan anda adalah kadar setahun adalah jumlah:-

- kemudahan margin anda yang dinyatakan dalam surat kemudahan anda atau sebaliknya dipersetujui; dan
- Penggantian Kadar Skrin.

"Peristiwa Gangguan Pasaran" bermakna:

- pada atau lebih kurang tengah hari pada Hari Sebut Harga Kadar Skrin (atau Peristiwa Penggantian Kadar Skrin berikut, Penggantian Kadar Skrin) tidak tersedia atau sifar atau negatif, atau munasabah dan mencukupi bermakna tidak wujud untuk menentukan kadar ditawarkan antara bank berkenaan (**IBOR**), tanda aras kadar faedah atau Kadar Utama (mengikut kes);
- memadan deposit tidak tersedia dalam pasaran antara bank berkenaan; atau
- sebelum tutup perniagaan dalam pasaran antara bank berkenaan bandar utama pada Hari Sebut Harga, kos kami mendapatkan deposit sepadan dalam pasaran antara bank berkenaan adalah melebihi IBOR berkenaan, tanda aras kadar faedah atau Kadar Utama (mengikut kes).

"Kadar Utama" bermakna kadar faedah, apa jua ia dipanggil, diterbitkan oleh kami dari masa ke masa sebagai kadar faedah minimum di mana kami beri pinjaman wang kepada peminjam utama.

"Hari Sebut Harga" bermakna sebarang tempoh yang mana kadar faedah untuk ditentukan **dua (2)** Hari Perbankan sebelum hari pertama tempoh tersebut (mengikut kes), atau tempoh lain tersebut yang kami putuskan menurut amalan pasaran dalam pasaran antara bank berkenaan.

"Penggantian Kadar Skrin" bermakna kadar faedah pasaran standard yang diterima secara amnya dalam pendapat munasabah kami, dalam pasaran pinjam antarabangsa atau domestik berkenaan, sebagai pengganti yang sesuai kepada Kadar Skrin yang terpakai.

"Kadar skrin" bermakna kadar faedah standard untuk mata wang berkenaan dan tempoh dipaparkan pada halaman berkenaan daripada perkhidmatan maklumat elektronik yang mana untuk masa ini kami biasa gunakan untuk mendapatkan IBOR berkenaan, tanda aras kadar faedah atau Kadar Utama (mengikut kes).

"Peristiwa Penggantian Kadar Skrin" bermakna berkena satu Kadar Skrin;

- (a) bahawa Kadar Skrin telah atau akan dihentikan secara kekal atau selama-lamanya;
- (b) metodologi, fomula atau cara menentu Kadar Skrin telah ditukar secara material; atau
- (c) Kadar Skrin adalah sebaliknya tidak lagi sesuai untuk tujuan mengira kepentingan di bawah Perjanjian,

Dalam setiap kes, dalam pendapat munasabah kami.

4. YURAN

4.1 Kami boleh caj anda yuran dan amaun lain pada kemudahan anda

Kami akan terangkan dalam surat kemudahan anda atau memberitahu anda yuran apa atau amaun lain anda perlu bayar berhubung dengan kemudahan anda.

Apa-apa yuran terakru di bawah perjanjian kemudahan anda terakru harian dan dikira berdasarkan bilangan sebenar hari berlalu untuk setiap tempoh pengiraan dan setahun mempunyai 360 atau 365 hari atau sebaliknya sepertimana kami tentukan menurut amalan pasaran berkena.

Yuran kami dan bagaimana kami kiranya boleh berubah mengikut masa. Kami akan memberitahu kami apa yang telah berubah dan bila apa-apa perubahan akan berkuat kuasa.

5. PEMBAYARAN

5.1 Pembayaran anda mesti dibuat pada Hari Perbankan

Jika apa-apa tarikh pembayaran di bawah dokumen kewangan adalah hujung minggu atau cuti bank / atau awam maka pembayaran mesti dibuat pada Hari Perbankan berikutnya dalam bulan kalendar sama. Jika Hari Perbankan berikutnya tidak masuk dalam bulan kalendar sama, pembayaran mesti dibuat pada Hari Perbankan sebelumnya. Kami akan melaraskan tempoh faedah anda sewajarnya.

5.2 Kami boleh gunakan pembayaran anda dalam mana-mana aturan kami pilih

Jika kami terima pembayaran tidak mencukupi untuk membayar semua amaun perlu dibayar dan boleh dibayar kami boleh gunakan pembayaran tersebut terhadap kewajipan di bawah dokumen kewangan dalam sebarang turutan kami pilih.

5.3 Pemasaan pembayaran

Jika dokumen kewangan tidak menerangkan bila pembayaran perlu dibayar, pembayaran akan perlu dibayar dalam tempoh **tiga (3)** Hari Perbankan (atau tarikh lain tersebut boleh boleh ditetapkan) selepas menerima permintaan daripada kami

6. PEMBAYARAN BALIK DIPERLU ANDA

6.1 Anda perlu untuk membuat pembayaran balik

Anda perlu untuk membayar balik setiap kemudahan (termasuk sebarang faedah, yuran atau amaun lain) sepenuhnya seperti dipersetujui dalam surat kemudahan anda.

6.2 Anda mungkin perlu untuk membuat pembayaran balik jika naik turun mata wang menyebabkan anda untuk melebihi had kemudahan anda

Jika had kemudahan anda dilebihi disebabkan turun naik mata wang yang menjejaskan penggunaan mata wang asing anda. Kami boleh minta anda untuk bayar balik amaun prinsipal tertentu, bersama dengan sebarang faedah, yuran, atau amaun lain untuk membawa anda balik di bawah had kemudahan anda sekali lagi. Jika kami minta anda untuk membayar balik amaun tersebut maka anda perlu untuk berbuat demikian dalam **dua (2)** Hari Perbankan (atau tarikh lain tersebut kami boleh ditetapkan) selepas menerima permintaan daripada kami.

6.3 Pembayaran balik untuk Kemudahan Tidak terikat

Untuk kemudahan tidak terikat, anda mempunyai kewajipan pembayaran balik jika kami minta pembayaran balik kemudahan tersebut pada bila-bila masa. Sila lihat seksyen di bawah bahagian ini – "*Terma dan syarat khusus kepada kemudahan tidak dikomit – Pembayaran balik atas permintaan*".

6.4 Pembayaran balik untuk Kemudahan Terikat

Untuk kemudahan terikat, anda mempunyai (i) kewajipan pembayaran balik jika anda melanggar perjanjian kemudahan anda. Sila lihat seksyen di bawah bahagian ini – "*Terma dan syarat khusus kepada kemudahan terikat – Pembayaran balik berikutan pelanggaran*"; atau (ii) kewajipan pembayaran terdahulu mandatori jika peristiwa tertentu berlaku. Sila lihat "*Terma dan syarat khusus untuk kemudahan terikat – Pembayaran terdahulu mandatori anda*".

7. PEMBAYARAN TERDAHULU PILIHAN ANDA

7.1 Anda boleh membayar dahulu pada bila-bila masa

Anda boleh membayar dahulu semua atau sebahagian daripada kemudahan anda pada bila-bila masa sebelum tarikh tempoh jika anda beri notis tidak boleh batal sekurang-kurangnya **dua (2)** Hari Perbankan sebelum tarikh pembayaran terdahulu dicadangkan (atau tempoh lain tersebut sepertimana kami tentukan). Pembayaran terdahulu di bawah perjanjian kemudahan anda mesti dibuat bersama dengan faedah terakru pada amaun dibayar dahulu.

7.2 Adakah terdapat apa-apa yuran dan / atau caj terlibat?

Mungkin terdapat yuran dan / atau caj tertentu terlibat dengan sebarang pembayaran terdahulu. Jika anda pilih untuk membayar dahulu semua atau sebahagian daripada kemudahan anda pada bila-bila masa sebelum tarikh tempoh, anda mesti bayar faedah sehingga tarikh anda membuat pembayaran terdahulu anda. Anda mungkin juga telah membayar caj berkaitan dengan kos kami tanggung dan / atau alami di mana anda buat pembayaran terdahulu termasuk sebarang kadar kehilangan kepentingan keuntungan yang kami tanggung apabila semua atau mana-mana bahagian kegunaan dibayar balik pada hari yang bukan hari terakhir tempoh untuk kegunaan tersebut.

Yuran dan / atau caj untuk pembayaran terdahulu boleh jadi besar, maka bincang dengan kami dahulu.

Yuran dan / atau caj bergantung pada beberapa faktor, termasuk:

- (a) apabila anda membayar dahulu kemudahan anda; dan
- (b) berapa banyak anda hutang dan berapa banyak anda membayar terdahulu.

Kami boleh memberi anda penunjuk yuran dan / atau caj anda mungkin perlu bayar.

Jika anda telah membayar dahulu semua amaun anda hutang kami (termasuk apa-apa yuran faedah atau amaun lain sepenuhnya), anda boleh minta kami untuk membatalkan kemudahan anda.

TERMA DAN SYARAT KHUSUS KEPADA KEMUDAHAN TIDAK TERIKAT

1. KETERSEDIAAN

Sebarang kemudahan yang tidak terikat disediakan kepada anda mengikut budi bicara mutlak kami. Kami tidak mempunyai kewajipan untuk menyediakan atau mendahului apa-apa bahagian daripada apa-apa kemudahan kepada anda.

2. PEMBERITAHUAN TAMBAHAN

Tambahan kepada kewajipan anda dalam seksen di bawah bahagian ini – "*Terma dan syarat digunakan kepada semua kemudahan– Anda mesti bersetuju untuk membuat atau tidak membuat perkara tertentu*", anda mesti memberitahu kami dengan segera apabila menyedari kejadian berikut:

- (a) mana-mana representasi, waranti, aku janji, maklumat atau penyata yang dibuat atau dianggap dibuat, atau maklumat yang disediakan, oleh anda atau mana-mana penanggung obligasi kepada kami kemungkinan besar adalah tidak benar atau mengelirukan;
- (b) apa-apa pelupusan semua atau sebahagian daripada aset ahli kumpulan anda kecuali di mana pelupusan aset tersebut adalah:
 - (i) dibuat dalam perjalanan biasa perdagangan; atau
 - (ii) sebagai pertukaran untuk semua aset setanding atau hebat mengikut jenis dan nilai;
- (c) sebarang penggabungan, nyahpenyatuan, penyatuan atau pembinaan semula korporat oleh anda, sebarang penanggung obligasi atau mana-mana ahli kumpulan anda;
- (d) sebarang pengambilalihan atau pelaburan dalam syarikat oleh anda, penanggung obligasi atau mana-mana ahli kumpulan anda, kecuali di mana pengambilalihan atau pelaburan dibuat dalam perjalanan biasa perdagangan;
- (e) anda:
 - (i) berhenti untuk dikawal oleh Syarikat Induk (seperti dinyatakan dalam surat kemudahan anda);
 - (ii) mempunyai perubahan besar yang akan menjejaskan pada sifat umum perniagaan anda atau mana-mana ahli kumpulan anda daripadanya dibawa pada tarikh surat kemudahan anda; atau
 - (iii) mempunyai apa-apa perubahan mengenai pengarah atau pemilik benefisial atau pemindaan atas dokumen perlembagaan anda;
- (f) sebarang peristiwa atau siri peristiwa berlaku (termasuk permulaan sebarang prosiding undang-undang atau proses analog lain dalam sebarang bidang kuasa) yang mempunyai atau secara munasabah mungkin mempunyai kesan menjejaskan yang material pada:
 - (i) perniagaan, operasi, aset, keadaan kewangan, hasil, solvensi atau prospek anda atau milik kumpulan anda secara keseluruhan; atau
 - (ii) kesahan, kesan mengikat atau boleh dikuat kuasa mana-mana dokumen kewangan; dan
- (g) sebarang litigasi belum selesai atau diancam, timbang tara atau prosiding lain terhadap anda atau mana-mana ahli kumpulan anda.

3. PEMBAYARAN BALIK ATAS PERMINTAAN

Kemudahan tidak terikat disediakan atau berdasarkan "atas permintaan" kami boleh pada bila-bila masa meminta anda untuk membayar balik semua atau sebahagian daripada apa-apa amaun anda hutang kami (termasuk apa-apa faedah, yuran atau amaun lain) sepenuhnya.

Kami boleh mengikut budi bicara mutlak kami pada bila-bila masa atas notis bertulis kepada anda:

- (a) batal, harga semula atau panggil perlindungan tunai untuk semua atau mana-mana bahagian daripada mana-mana kemudahan; atau
- (b) meminta pembayaran balik/ bayaran apa-apa amaun belum dijelaskan atau sebaliknya perlu dibayar atau berhubung dengan apa-apa kemudahan (sama ada prinsipal, faedah atau hasil lain), maka anda mesti dalam **dua (2) Hari Perbankan** (atau tarikh lain kami menentukan) membayar amaun berkenaan kepada kami.

TERMA DAN SYARAT KHUSUS KEPADA KEMUDAHAN TERIKAT

1. PENERANGAN DAN WARANTI TAMBAHAN

Tambahan kepada kewajipan anda dalam seksyen di bawah bahagian ini – "*Terma dan syarat digunakan kepada semua kemudahan – Obligasi and apabila kami meminjam wang kepada anda – Penerangan anda dan waranti, anda menjelaskan dan menjaminkan (berkenaan anda dan bagi pihak setiap wajib) pada setiap masa bahawa:-*

- (a) anda dan setiap wajib telah mematuhi semua undang-undang alam sekitar yang terpakai dan tidak sedar mana-mana dasar untuk tuntutan alam sekitar terhadap anda;
- (b) tiada pelanggaran atau apa-apa peristiwa atau keadaan yang akan (dengan tamatnya tempoh daripada tempoh tangguh, pemberian notis atau pembuatan apa-apa penentuan di bawah perjanjian kemudahan anda atau apa-apa gabungannya) melanggar, berterusan atau akan diakibatkan daripada kemasukan, atau prestasi mana-mana urusan niaga dipertimbangkan melalui, apa-apa dokumen kewangan; dan
- (c) kecuali seperti yang didedahkan oleh kami sebelum ini, tiada litigasi, timbang tara atau prosiding pentadbiran adalah semasa atau, dengan pengetahuan anda, menunggu atau mengancam, jika ketara menentunya, dalam pendapat kami mungkin mempunyai kesan buruk yang material terhadap anda atau setiap perniagaan wajib, operasi, aset, syarat kewangan atau prospek atau kebolehan setiap wajib melaksanakan kewajipan dibawah dokumen kewangan.

2. AKU JANJI TAMBAHAN

Tambahan kepada kewajipan anda dalam seksen di bawah bahagian ini – "*Terma dan syarat digunakan kepada semua kemudahan – Anda mesti bersetuju untuk membuat atau tidak membuat perkara tertentu*", anda bersetuju bahawa:

- (a) anda tidak akan (dan memastikan bahawa ahli kumpulan anda tidak):
 - (i) melupus semua atau apa-apa bahagian daripada apa-apa aset, kecuali di mana dibuat dalam perjalanan biasa perdagangan atau pelupusan aset sebagai pertukaran untuk aset lain setanding atau jenis dan nilai superior;
 - (ii) membuat sebarang pengambilalihan atau pelaburan kecuali dibuat dalam perjalanan biasa perdagangan; atau
 - (iii) mengikat mana-mana penggabungan, nyahpenyatuan, penyatuan pembinaan semula korporat;
- (b) anda mesti (dan memastikan mana-mana penanggung obligasi akan) peroleh bahawa perubahan besar tidak akan dibuat yang akan mempunyai kesan pada sifat umum perniagaan anda atau mana-mana perniagaan penanggung obligasi atau ahli kumpulan anda daripadanya dibawa pada tarikh surat kemudahan anda; atau
- (c) anda mesti memberitahu kami dengan segera mengenai apa-apa perubahan pada pengarah atau pemilik benefisial atau pindaan kepada dokumen perlembagaan dana;
- (d) selain daripada keterhutangan kewangan terakru menurut kepada mana-mana dokumen kewangan, anda boleh akan menanggung atau dibenar mengekalkan tertunggak sebarang hutang kewangan; dan
- (e) anda akan memberitahu kepada kami dengan segera apabila mengetahui kejadian atau sebarang pelanggaran atau sebarang peristiwa atau keadaan yang akan (dengan tamat tempoh daripada tempoh tangguh pemberian notis atau membuat sebarang penentuan di bawah perjanjian kemudahan anda atau sebarang gabungannya) menjadi pelanggaran.

3. PEMBAYARAN BALIK BERIKUTAN PELANGGARAN

3.1 Bila akan anda melanggar perjanjian kemudahan anda?

Kemudahan terikat tidak boleh dibayar balik "atas permintaan". Kami boleh minta anda untuk membayar balik sebarang kemudahan terikat awal atau mengambil apa-apa tindakan lain tersedia kepada kami di bawah dokumen kewangan, jika anda melanggar perjanjian kemudahan anda, apabila.

- (a) anda tidak membayar wang terutang di bawah sebarang dokumen kewangan apabila perlu dibayar;
- (b) anda atau mana-mana penanggung obligasi melanggar sebarang terma dan syarat dalam sebarang dokumen kewangan.
- (c) kami percaya mana-mana representasi, waranti, aku janji atau maklumat yang anda telah berikan adalah tidak benar, mengelirukan, tidak betul atau lapuk, atau anda belum memberi kepada kami semua maklumat kami telah minta untuk;
- (d) sebarang keterhutangan kewangan anda atau mana-mana ahli kumpulan anda tidak di bayar apabila perlu dibayar (atau diisytihar perlu dibayar dan boleh dibayar sebelum kematangannya);
- (e) perjanjian kemudahan anda atau perjanjian lain dengan kami seperti Dokumen Cagaran, menjadi tak sah atau kami tidak dibenarkan untuk menguat kuasa, atas apa-apa sebab;
- (f) anda atau mana-mana penanggung obligasi menjadi tidak solven atau sebarang Prosiding ketaksolvenan diambil terhadap anda dalam sebarang bidang kuasa;
- (g) anda atau mana-mana penanggung obligasi menolak dokumen kewangan atau mempunyai bukti niat untuk menolak dokumen kewangan;
- (h) ia menjadi menyalahi undang-undang untuk anda atau mana-mana penanggung obligasi untuk melaksanakan sebarang kewajipan anda di bawah dokumen kewangan;
- (i) kedudukan kewangan anda secara material terjejas atas sebarang alasan, dan kami percaya anda tidak dapat atau tidak akan boleh bayar kami semua wang anda hutang kami;
- (j) kedudukan kewangan mana-mana penanggung obligasi secara material terjejas atas sebarang alasan, dan kami percaya mereka tidak dapat atau tidak akan boleh bayar kami semua wang anda hutang kami; atau
- (k) kami percaya nilai sebarang sekuriti kami pegang untuk kemudahan anda yang telah dikurangkan secara material.

Apakah maknanya "*keterhutangan kewangan*" dan "*terjejas secara material*"?

"*Keterhutangan kewangan*" bermakna sebarang keterhutangan yang ditanggung berhubung wang dipinjam atau apa-apa amaun ditimbulkan di bawah apa-apa urusan niaga lain mempunyai kesan komersial pinjaman.

"*Terjejas secara material*" bermakna terdapat kesan ketara atau besar. Kesan mesti lebih daripada kecil. Ia akan bergantung pada keadaan individu anda dan penilaian kami tentang ini.

Jika pelanggaran berlaku, kami boleh mengambil langkah-langkah yang diterangkan dalam seksyen di bawah bahagian ini – "*Terma dan syarat digunakan kepada semua kemudahan – Apabila anda menghadapi kesukaran dengan kemudahan anda – Jika anda melanggar perjanjian kemudahan anda dengan kami, kami boleh meminta anda untuk membayar balik apa-apa amaun anda hutang kepada kami*" dan "*Terma dan syarat digunakan kepada semua kemudahan – Apabila anda mempunyai kesukaran dengan kemudahan anda – Jika anda melanggar perjanjian kemudahan anda, kami boleh mengambil apa-apa langkah kami pilih untuk mendapat balik amaun anda hutang kami*".

4. PEMBAYARAN TERDAHULU MANDATORI ANDA

4.1 Apabila kami tidak boleh melaksanakan kewajipan kami

Kami tidak diperlukan untuk menyediakan apa-apa penggunaan di bawah perjanjian kemudahan anda dan boleh membatalkan kemudahan anda dengan segera, jika ia menyebabkannya menyalahi undang-undang atau bertentangan dengan mana-mana undang-undang berkenaan dalam mana-mana bidang kuasa untuk kami melaksanakan sebarang kewajipan di bawah perjanjian kemudahan anda atau membiayai atau mengekalkan mana-mana penggunaan. Anda bersetuju untuk membayar balik dan / atau menyediakan perlindungan tunai untuk semua amaun anda hutang kepada kami apabila kami minta anda untuk berbuat demikian.

4.2 Perubahan kepada struktur organisasi anda

Jika anda tidak lagi dikawal oleh Syarikat Induk anda (jika nyata dalam surat kemudahan anda), apa-apa had kemudahan akan dianggap sebagai dibatal dengan segera, dan anda mesti membayar balik dan / atau menyediakan perlindungan tunai untuk semua amaun anda hutang kami apabila kami minta anda berbuat demikian.

TERMA DAN SYARAT DIGUNAKAN KEPADA SEMUA KEMUDAHAN

1. PENERANGAN ANDA

1.1 Anda menjelaskan dan menjaminkan kepada kami

Anda menjelaskan dan menjaminkan (berkenaan dengan diri anda dan bagi pihak setiap orang yang wajib) kepada kami yang berikut ada bila-bila masa:

- (a) anda dan setiap penanggung obligasi diperbadankan sewajarnya dan secara sah wujud di bawah undang-undang berkenaan bidang kuasa pemerbadanan berkenaan anda dan mempunyai kuasa untuk memiliki aset dan menjalankan perniagaan sebagai dijalankan (di mana anda dan setiap penanggung obligasi adalah perbadanan);
- (b) kewajipan yang dinyatakan untuk dipikul oleh anda dan setiap penanggung obligasi dalam dokumen kewangan adalah menurut undang-undang, sah, kewajipan mengikat dan boleh dikuasa di sisi undang-undang;
- (c) kemasukan ke dalam dan prestasi dokumen kewangan oleh anda dan setiap penanggung obligasi dan urus niaga dipertimbangkan oleh dokumen kewangan **tidak** dan **tidak akan** bercangah dengan:
 - (i) sebarang undang-undang dikenakan kepada anda, syarikat subsidiari anda atau setiap penanggung obligasi;
 - (ii) dokumen perlembagaan (atau setara dan di mana berkenaan) anda, syarikat subsidiari anda atau setiap penanggung obligasi; atau
 - (iii) sebarang perjanjian atau instrumen mengikat anda, syarikat subsidiari anda atau setiap penanggung obligasi atau anda, syarikat subsidiari anda atau setiap aset penanggung obligasi;
- (d) anda dan setiap penanggung obligasi mempunyai kuasa untuk mengikat dan melaksana, dan telah mengamil semua tindakan yang perlu untuk memberi kuasa kemasukan ke dalam, prestasi dan penyerahan dokumen kewangan dan urus niaga dipertimbangkan di bawah dokumen kewangan;
- (e) semua kuasa diperlukan atau dihasratkan untuk membolehkan anda dan setiap penanggung obligasi untuk mengikat secara sah, melaksana hak anda dan mematuhi kewajipan anda di bawah dokumen kewangan telah diperolehi atau dilaksanakan dan dikuatkuasakan sepenuhnya;
- (f) di bawah undang-undang bidang kuasa pemerbadanan, ia tidak perlu bahawa dokumen kewangan difailkan, direkod atau didaftarkan dengan mana-mana Pihak kuasa atau mana-mana cukai setem, cukai pendaftaran atau Cukai yang serupa harus dibayar berhubung dengan dokumen kewangan atau urus niaga dipertimbangkan melalui dokumen kewangan;
- (g) pilihan undang-undang menentukan setiap dokumen kewangan masing-masing akan diiktiraf dan dikuat kuasa, dalam setiap bidang kuasa pemerbadanan penanggung obligasi;
- (h) sebarang penghakiman diperolehi dalam mahkamah yang mana pihak kepada dokumen kewangan telah memberi bidang kuasa untuk menyelesaikan pertikaian berhubung dengan dokumen kewangan tersebut akan diiktiraf dan dikuatkuasakan dalam setiap bidang kuasa pemerbadanan penanggung obligasi;
- (i) sebarang kepentingan sekuriti dicipta di bawah dokumen kewangan, tertakluk kepada penyiapan semua pendaftaran diperlukan oleh undang-undang, kepentingan sekuriti di kedudukan pertama yang menurut undang-undang, sah, boleh diikat dan dikuatkuasakan ke atas aset yang mana kepentingan sekuriti tersebut dikaitkan;
- (j) anda telah mematuhi dalam semua hal material dengan semua undang-undang Percukaian dalam semua bidang kuasa yang mana anda tertakluk kepada Percukaian dan tiada tuntutan dinyatakan terhadap anda berhubung dengan Cukai;
